



MENCPTA NILAI MERENTASI PERBANKAN

CREATING VALUES BEYOND BANKING



LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

2017

MENCIPTA

NILAI MERENTASI PERBANKAN

CREATING VALUES BEYOND BANKING

Sebagai sebuah institusi kewangan pembangunan yang unik dengan mandat untuk membangunkan industri pertanian, kami berhasrat untuk meningkatkan kesedaran yang lebih bermakna kepada masyarakat di semua peringkat mengenai potensi industri berdasarkan pertanian. Kami beriltizam untuk menghasilkan dan memenuhi keperluan khusus komuniti pertanian melalui inovasi produk kami, seiring dengan usaha kami untuk memacu industri pertanian ke arah kegemilangan.

Kami telah melakar perjalanan hebat semenjak sejak tahun 1969 di dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi dan memperkasakan pertumbuhan sektor pertanian. Kewujudan kami di seluruh pelusuk negara menggambarkan dedikasi berterusan kami dalam memastikan akses perkhidmatan kewangan yang menyeluruh boleh dan mampu dinikmati oleh komuniti luar bandar dan golongan yang kurang mendapat perhatian.

Di samping menyediakan penyelesaian kewangan yang menyeluruh merentasi rantai nilai pertanian, kami juga menawarkan produk dan perkhidmatan berorientasikan pelanggan bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti yang kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan. Kami juga komited membina keupayaan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik untuk membantu para usahawan, memastikan kesejahteraan komuniti serta persekitaran yang mampu sekaligus memacu pertumbuhan ekonomi tanpa menjaskan pulangan terhadap pemegang saham.

Melangkah ke hadapan, kami berhasrat untuk terus meningkatkan tahap perkhidmatan kami dengan memberikan khidmat perbankan yang cemerlang bagi memenuhi keperluan anda, seiring dengan fokus kami untuk menerajui perantaraan berdasarkan nilai atau *value-based intermediation (VBI)* yang mengutamakan penghasilan nilai merentasi perbankan.

As a unique development financial institution with a mandate to develop Malaysia's agriculture industry as our core DNA, we hope to create greater awareness among individuals within and beyond the industry on Malaysia's agriculture industry's potentials. As an economic sector that was meant to bring greater economic inclusion, we are committed to continuously create and bridge the unique needs of the community through our product innovations as well as to drive the industry to prominence.

We have chartered a great journey since 1969 to uplift the nation's socio-economy and enhance growth of the agriculture sector. Our nationwide footprint reflects our constant dedication to ensure widespread access to affordable financial services for marginalised communities.

Whilst providing comprehensive financial solutions across the agriculture value chain, we also offer client oriented products and services to uplift un-served and underserved communities' standard of life. We continuously build capabilities for better facilitation of entrepreneurs, community well-being, sustainable environment and economic growth, without compromising our shareholders' returns.

Moving forward, we aim to serve you better by continuously delivering exceptional banking services to cater to all, in-line with our focus to champion value-based intermediation (*VBI*) that champions value creation beyond banking.

MENGENAI LAPORANINI ABOUT THIS REPORT

Laporan ini ditulis bagi memberi pemahaman yang lebih baik mengenai usaha yang kami lakukan dalam kelestarian kewangan Bank dan sekaligus memperkuatkannya penglibatan kami dalam segmen perniagaan strategik di sepanjang dalam rantau nilai pertanian, dan pada masa yang sama, mengekalkan standard kehematan yang tinggi dari segi modal, kecairan dan peruntukan susut nilai.

Kami juga membentangkan rangka kerja tadbir urus kami secara jelas, dengan mengambil kira kepelbagaiannya peranan pihak berkepentingan, khususnya kementerian-kementerian dan badan-badan kawal selia yang terlibat dengan industri pertanian dan perbankan. Kami percaya struktur tadbir urus yang berkesan membantu memperkuatkannya keyakinan pada teras kekuatan Bank, dengan memaklumkan kepada para pembaca tentang amalan terbaik yang telah diterapkan dalam membuat keputusan.

Kami menerapkan amalan terbaik dalam pelaporan kewangan bagi industri perbankan, sebagaimana yang disarankan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), Bank Negara Malaysia (BNM), selain Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC).

This report has been written to provide greater understanding of our efforts to ensure the Bank is financially sustainable and to continuously strengthen our involvement in strategic segments along the agriculture value chain, while at the same time maintain high prudent standards with regards to capital, liquidity and impairment allowances requirements.

We have also clearly presented our governance framework, taking into account the different roles of our stakeholders, namely the ministries and regulatory bodies involved in the agriculture and banking industries. We believe that an effective governance structure serves to build greater confidence in the Bank's fundamentals, informing readers of the best practices that have been adhered to in our decision-making.

We have adopted best practices in financial reporting for the banking industry as advocated by the Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG), Bank Negara Malaysia (BNM) as well as the International Integrated Reporting Council (IIRC).

DALAM LAPORAN INI

Mencipta Nilai Merentasi Perbankan
Creating Values Beyond Banking

- 01 Mengenai Laporan Ini
About This Report

06

MENGENAI KAMI

ABOUT US

- 06 Seimbas Lalu
Agrobank at a Glance
08 Latar Belakang
Our Inception
10 Pelan Kerja Strategik Kami
Our Strategic Framework
11 Nilai Teras dan Matlamat Kami
Our Core Values and Goals
14 Ringkasan Kewangan Lima Tahun
Five-Year Financial Summary
15 Sorotan Kewangan
Financial Highlights
16 Sorotan Utama
Key Highlights
20 Struktur Organisasi Kami
Our Organisational Structure

24

PRESTASI STRATEGIK KAMI

OUR STRATEGIC PERFORMANCE

- 24 Perutusan Pengerusi
Chairman's Statement
36 Ulasan Prestasi oleh Penanggung Tugas Presiden/
Ketua Pegawai Eksekutif
Performance Review by Covering Duties President/
Chief Executive Officer
52 Warga Kerja Kami Adalah Aset Bagi Kami
Our People, Our Asset
60 Ulasan Prestasi Ekonomi dan Perniagaan
Economic and Business Performance Review
76 Memperkasakan Sektor Pertanian untuk Mencapai
Pertumbuhan Mampan
Empowering the Agricultural Sector to Achieve
Sustainable Growth



24



36

INSIDE THIS REPORT

84

AKTIVITI 2017 2017 ACTIVITIES

- 84 Aktiviti Korporat
Corporate Activities
100 Sorotan Media
Media Highlights

108

BAGAIMANA KAMI DITADBIR URUS HOW WE ARE GOVERNED

- 108 Ahli Lembaga Pengarah
Board of Directors
110 Profil Ahli Lembaga Pengarah
Board of Directors' Profiles
122 Profil Jawatankuasa Pengurusan
Management Committee's Profiles
132 Profil Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee's Profiles
140 Penyata Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance
167 Penyata Tadbir Urus Syariah
Statement on Shariah Governance
176 Penyata Pengurusan Risiko
Statement on Risk Management
187 Penyata Kawalan Dalaman
Statement on Internal Control
190 Penyata Pematuhan
Statement on Compliance



Imbas Kod QR dengan mengikuti langkah-langkah berikut:
Scan the QR Code by following these simple steps:



Muat Turun/Get it

Muat turun Aplikasi Kod QR Reader daripada Google Play (Android Market), Blackberry AppWorld, App Store (iOS/iPhone) atau Windows Phone Store
Download the "QR Code Reader" app from Google Play (Android Market), BlackBerry AppWorld, App Store (iOS/iPhone) or Windows Phone Store



Imbas/Run it

Imbas Aplikasi Kod QR Reader dan halakan kamera di Kod QR
Run the QR Code Reader app and point your camera at the QR Code



Akses/Access it

Dapatkan akses Laporan Tahunan Agrobank 2017 secara atas talian
Get access to Agrobank Annual Report 2017 online

196

PENYATA KEWANGAN 2017 2017 FINANCIAL STATEMENTS

- 196 Penyata Kewangan 2017
2017 Financial StatementS

294

MAKLUMAT TAMBAHAN ADDITIONAL INFORMATION

- 295 Maklumat Korporat
Corporate Information
296 Status Korporat
Corporate Status
297 Direktori Korporat
Corporate Directory



84

MEMERAH POTENSI LEMBU TENUSU!

MILK THE POTENTIAL OF DAIRY CATTLE!



Ketika ini, permintaan susu di Malaysia dipenuhi

oleh susu import dari Australia, New Zealand dan lain-lain negara pengeluar susu kerana industri susu lembu tempatan adalah kecil. Bagaimanapun, peningkatan berterusan dalam harga jualan susu berkualiti tinggi menjadikan perniagaan ini semakin berdaya maju. Bagi memenuhi keperluan negara, pengeluaran susu segar disasarkan pada 36 juta liter setiap tahun, dengan sasaran tambahan 20 juta liter untuk lima tahun akan datang. Pihak kerajaan merancang untuk meningkatkan pengeluaran susu negara untuk kegunaan domestik dengan menambah sekurang-kurangnya 10,000 lembu tenusu sepanjang tempoh ini. **Sejajar dengan ini, Agrobank bersama East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) dan The Holstein Milk Company (HMC) [Syarikat Utama] telah mewujudkan satu kerjasama strategik bagi meningkatkan pengeluaran susu untuk kegunaan domestik menerusi satu program pembiayaan bersepadu bagi membantu pengusaha lembu tenusu di Pahang dan kawasan sekitar.**

Currently, Malaysia's milk demand is mainly supported by imports from Australia, New Zealand and numerous other dairy producing countries as the local dairy cattle industry is relatively small. However, the steady rise in selling price of good quality milk makes the business increasingly viable. For the country to be self-sufficient, targeted fresh milk production has been set at 36 million litres yearly, with the aim of adding another 20 million litres in the next five years. The government plans to boost national milk production for local consumption by introducing 10,000 more dairy cows during this period. **In line with this, Agrobank together with the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) and The Holstein Milk Company (HMC) [Anchor Company] has formed a strategic alliance to increase milk production for local consumption through an integrated funding programme provided to satellite dairy farmers in Pahang and its surrounding areas.**





DATUK YAP YUN FOOK
Pengarah Urusan/Managing Director
Evergreen Livestock Sdn. Bhd.

Pelanggan Agrobank sejak tahun 1998
Agrobank's customer since 1998

SEIMBAS LALU

AGROBANK AT A GLANCE



Agrobank di Seluruh Negara

Komitmen berterusan bagi mengukuhkan kehadiran kami

71% cawangan Agrobank terletak di kawasan luar bandar demi memastikan komuniti pertanian dan golongan yang kurang mendapat liputan mempunyai **akses perkhidmatan kewangan yang meluas**.

WILAYAH/REGION 6	Pulau Pinang/Kedah/Perlis
25 Cawangan/Branches	
97 Ejen Perbankan/AGROAgents	
WILAYAH/REGION 3	Perak
29 Cawangan/Branches	
110 Ejen Perbankan/AGROAgents	
WILAYAH/REGION 2	KL/Selangor/Negeri Sembilan
30 Cawangan/Branches	
77 Ejen Perbankan/AGROAgents	
WILAYAH/REGION 1	Melaka/Johor
22 Cawangan/Branches	
100 Ejen Perbankan/AGROAgents	

Our Nationwide Footprint

Continuous commitment to strengthen geographical presence

71% of Agrobank's branches are located in **rural areas** for communities' **convenient accessibility**.




WILAYAH/REGION 4	Kelantan/Terengganu
23 Cawangan/Branches	
139 Ejen Perbankan/AGROAgents	

WILAYAH/REGION 5	Pahang
21 Cawangan/Branches	
70 Ejen Perbankan/AGROAgents	



MALAYSIA	
192 Cawangan/ Branches	764 Ejen Perbankan/ AGROAgents



WILAYAH/REGION 8
Sabah
20 Cawangan/Branches
93 Ejen Perbankan/AGROAgents

WILAYAH/REGION 7
Sarawak
22 Cawangan/Branches
78 Ejen Perbankan/AGROAgents

01 Mengenai Kami
About Us

02

03

04

05

06

LATAR BELAKANG OUR INCEPTION



Bank Pertanian Malaysia (BPM) ditubuhkan pada 1969 bagi membiayai projek pengairan untuk menampung penanaman padi dwimusim di Kedah dan Perlis, yang dikenali sebagai kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Bank Pertanian Malaysia (BPM) was established in 1969 to finance irrigation projects to accommodate double cropping for paddy planting in Kedah and Perlis, known as the Muda Agricultural Development Authority (MADA) area.



Dengan penubuhan BPM untuk menyalurkan bantuan kredit kepada para petani, BPM kemudiannya telah membuka dua buah cawangan, iaitu yang pertama di Alor Setar, Kedah pada April 1970 dan yang kedua di Kota Bharu, Kelantan. Menjelang 1980, BPM berjaya tampil sebagai penyedia perkhidmatan kredit terbesar kepada sektor pertanian luar bandar.

Berpandukan kelulusan Rang Undang-undang BPMB pada 19 Disember 2007, BPM diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan dikenali secara komersial sebagai Agrobank iaitu sebuah bank milik Kerajaan di bawah pengawasan Menteri Kewangan Diperbadankan. Dengan tumpuan kepada pertanian, pembiayaan Agrobank bagi sektor pertanian adalah berpandukan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Subsequent to its establishment to provide credit assistance to farmers, BPM opened two branches, the first in Alor Setar, Kedah in April 1970 and the second in Kota Bharu, Kelantan. By 1980, BPM had emerged as the largest credit service provider to the rural agriculture sector.

Upon the passing of the BPMB Bill on 19 December 2007, BPM was corporatised under the Companies Act 1965 and commercially known as Agrobank, a Government-owned bank under the purview of the Minister of Finance Incorporated. Focusing on agriculture, the Bank's financing of the agriculture sector is guided by policies determined by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industries.

Berkuatkuasa 1 Julai 2015, Agrobank secara rasminya beroperasi sebagai bank perbankan Islam sepenuhnya. Dengan perkembangan pesat sektor perbankan Islam di negara ini, peralihan Agrobank kepada sistem perbankan Islam sememangnya merupakan perkembangan yang positif. Peralihan ini membolehkan Agrobank menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan Islam bagi memenuhi keperluan industri makanan halal. Urusniaga-urusniaga patuh Syariah yang mendokong produk halal ini seterusnya membantu meningkatkan lagi keyakinan para pelabur dan pengguna terhadap status halal yang terdapat pada produk halal keluaran Malaysia.

Effective 1 July 2015, Agrobank officially became a full-fledged Islamic bank. The transition to the Islamic banking system is seen as a positive development, based on the rapid growth of the Islamic banking sector in the country. With the transition, Agrobank is now able to provide Islamic banking products and services to fulfill the requirements of the halal food industry. This will in turn further increase investor and consumer confidence in the halal status of Malaysian halal products, given that these are backed by Shariah-compliant business transactions.

PELAN KERJA STRATEGIK KAMI

OUR STRATEGIC FRAMEWORK



VISI VISION

Untuk menjadi sebuah Bank yang menerajui bidang perbankan dengan fokus kepada pertanian

To be a leading bank with a focus on agriculture

01 Mengenai Kami
About Us

02

03

04

05

06



MISI MISSION

Menyediakan perkhidmatan kewangan yang lengkap mengikut kehendak pasaran dan pelanggan, dengan kewangan yang mampan untuk kumpulan sasar tertentu:

- Usahawan tanah
- Usahawan mikro, kecil dan sederhana
- Individu persendirian

To provide complete financial services according to market and consumer demand, in a financially sustainable way for specific target groups, such as:

- Agropreneurs
- Micro, small and medium entrepreneurs
- Private individuals



OBJEKTIF

- Menggalakkan pembangunan pertanian Malaysia yang kukuh;
- Menyelaras dan menyelia penyaluran kredit daripada dana awam bagi tujuan pertanian oleh individu ataupun syarikat, sama ada diperbadankan maupun tidak;
- Menyediakan pembiayaan, pendahuluan dan kemudahan kredit demi pembangunan sektor pertanian dan perniagaan berkaitan pertanian;
- Menggembung simpanan dengan tumpuan khusus pada sektor pertanian, serta menerima simpanan dan deposit berjangka bagi mencapai objektif ini;
- Meningkatkan kesejahteraan komuniti pertanian; dan
- Menjalankan perniagaan am institusi perkhidmatan kewangan yang moden dan progresif yang memenuhi keperluan kewangan pelanggan secara menyeluruh.


OBJECTIVES

- To promote Malaysia's sound agricultural development;
- To co-ordinate and supervise the granting of credit from public funds for agricultural purposes by individuals or companies whether incorporated or unincorporated;
- To provide financing, advances, and other credit facilities for the development of the agriculture sector and agriculture-related businesses;
- To mobilise savings with particular regard to the agricultural sector and, in furtherance of this objective, to accept savings and time deposits;
- To uplift the well-being of the agricultural community; and
- To carry on the general business of a modern and progressive financial services institution catering for the total financial needs of its customers.


NILAI TERAS DAN MATLAMAT KAMI

OUR CORE VALUES AND GOALS

NILAI TERAS/CORE VALUES



P A T R I O T





Akuakultur merupakan penyelesaian global untuk masalah kekurangan stok ikan dunia. Ia dikenalpasti sebagai sektor pertumbuhan utama di Malaysia di mana akuakultur marin telah membangun dengan pesat sejak dua dekad lepas. Dalam Dasar Agromakanan Negara (NAP) 2011–2020, siakap, kerapu dan talapia disenaraikan antara spesis utama akuakultur yang harus diberi perhatian. Pengeluaran ikan marin telah ditingkatkan dari 8.6% setahun bagi memenuhi kehendak dasar Jabatan Perikanan (DOF) untuk membekalkan 50% daripada bekalan ikan negara dari kegiatan akuakultur menjelang tahun 2020. **Agrobank menawarkan pelbagai pakej pembiayaan bagi pengusaha akuakultur termasuk Pembiayaan Bertempoh, Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i (Tawarruq), Fund for Food (3F) dan Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i).**



Aquaculture is a global solution to the rapid depletion in the world's natural fish stock. It has been identified as a key growth sector in Malaysia where marine aquaculture has developed significantly since the last two decades. In the National Agrofood Policy (NAP) 2011–2020, sea bass, grouper and tilapia are listed as the main aquaculture species. The production of marine fish has been increased from 8.6% annually to meet the Department of Fisheries (DOF) policy of producing 50% of national fish supply from aquaculture activities by year 2020. **Agrobank offers aquaculturists a variety of financing solutions from Term Financing, Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i (Tawarruq), Fund for Food (3F) to Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i).**



SELAMI POTENSI AKUAKULTUR!

DIVE INTO AQUACULTURE!



KONG SHIAN PING
Pemilik/Owner
Able Asia Aquaculture Sdn. Bhd.

Pelanggan Agrobank sejak tahun 2007
Agrobank's customer since 2007

RINGKASAN KEWANGAN LIMA TAHUN


FIVE-YEAR FINANCIAL SUMMARY

Tahun berakhir 31 Disember/Year ended 31 December	2017	2016	2015	2014	2013
KEUNTUNGAN (RM juta)/PROFITABILITY (RM million)					
Keuntungan operasi/Operating profit	233.9	213.8	199.8	204.5	338.3
Keuntungan sebelum cukai dan zakat/Profit before tax and zakat	230.6	197.9	165.0	192.6	319.3
DATA PENTING KEDUDUKAN KEWANGAN (RM juta)/KEY FINANCIAL POSITION DATA (RM million)					
Jumlah aset/Total assets	15,208.4	13,937.6	12,292.7	12,007.8	11,138.7
Pembiayaan dan pendahuluan (bersih)/Financing and advances (net)	9,173.9	8,270.9	6,986.7	6,129.7	5,850.2
Jumlah liabiliti/Total liabilities	12,411.5	11,315.5	9,808.3	9,557.6	8,789.3
Deposit dan simpanan pelanggan/Deposits from customers	7,589.4	7,044.9	5,905.0	6,169.0	6,184.5
Deposit dan simpanan bank dan institusi kewangan lain/Deposit and placement of banks and other financial institutions	2,180.1	1,623.3	1,135.7	685.2	410.1
Modal berbayar/Paid-up capital	1,000.0	1,000.0	1,000.0	1,000.0	1,000.0
Ekuiti pemegang saham/Shareholder's equity	2,796.9	2,622.0	2,484.4	2,450.2	2,349.4
Komitmen dan luar jangka/Commitments and contingencies	6,656.5	6,732.5	6,646.9	572.7	660.3
NISBAH KEWANGAN (%)/FINANCIAL RATIOS (%)					
Nisbah Keuntungan/Profitability Ratios					
Pulangan atas ekuiti (sebelum cukai)/Return on equity (before tax)	8.2	7.5	6.6	7.9	13.6
Pulangan atas aset purata (sebelum cukai)/Return on average assets (before tax)	1.5	1.4	1.3	1.6	2.9
Nisbah kos kepada pendapatan/Cost to income ratio	60.6	62.1	64.3	56.3	45.0
Nisbah Kualiti Aset/Asset Quality Ratios					
Nisbah pembiayaan kepada deposit/Financing to deposit ratio	78.5	78.8	78.9	72.0	76.0
Nisbah pembiayaan terjejas kasar/Gross impaired financing ratio	4.5	5.2	6.6	7.2	9.9
Perlindungan kerugian pembiayaan/Financing loss coverage	100.2	100.6	100.8	98.8	85.3
Nisbah Kecukupan Modal/Capital Adequacy Ratios					
Sebelum menolak dividen yang dicadangkan/Before deducting proposed dividends					
Nisbah modal teras/Core capital ratio	24.9	24.9	27.3	28.9	29.9
Nisbah modal berwajaran risiko/Risk-weighted capital ratio	29.0	29.4	32.5	34.3	35.7
Asas modal (RM juta)/Capital base (RM million)	3,265.8	3,104.7	2,964.8	2,873.6	2,743.8
Modal kumpulan 1 (RM juta)/Tier 1 capital (RM million)	2,810.2	2,630.4	2,486.8	2,417.7	2,298.6
Modal kumpulan 2 (RM juta)/Tier 2 capital (RM million)	455.6	474.3	478.0	455.9	445.2
NISBAH PRODUKTIVITI/PRODUCTIVITY RATIOS					
Bilangan kakitangan/No. of employees	3,454	3,381	3,102	3,347	3,488
Pembiayaan kasar bagi setiap kakitangan (RM juta)/Gross financing per employee (RM million)	2.8	2.6	2.4	2.0	1.8
Deposit bagi setiap kakitangan (RM juta)/Deposits per employee (RM million)	2.8	2.6	2.3	2.0	1.9
Keuntungan sebelum cukai bagi setiap kakitangan (RM juta)/Profit before tax per employee (RM million)	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1


SOROTAN KEWANGAN

FINANCIAL HIGHLIGHTS


PEMBIAYAAN DAN PENDAHULUAN (BERSIH)
FINANCING AND ADVANCES (NET)
(RM JUTA/MILLION)




KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT BEFORE TAX AND ZAKAT
(RM JUTA/MILLION)




EKUITI PEMEGANG SAHAM
SHAREHOLDER'S EQUITY
(RM JUTA/MILLION)




PULANGAN ATAS ASET PURATA - SEBELUM CUKAI
RETURN ON AVERAGE ASSETS - BEFORE TAX (%)



NISBAH MODAL BERWAJARAN RISIKO
RISK-WEIGHTED CAPITAL RATIO (%)



PULANGAN ATAS EKUITI - SEBELUM CUKAI
RETURN ON EQUITY - BEFORE TAX (%)



SOROTAN UTAMA

KEY HIGHLIGHTS

PENJANAAN NILAI menerusi KERJASAMA STRATEGIK

VALUE CREATION via STRATEGIC COLLABORATIONS

01 Mengenai Kami
About Us

02

03

04

05

06

15 Mac/March
2017

MoU DENGAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)

MoU WITH RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY (RISDA)

Pemilikan Rumah bagi Generasi Kedua Pekebun Kecil RISDA

House Ownership for RISDA Smallholders Second Generation

Bagi menjayakan aspirasi nasional di bawah program transformasi luar bandar khususnya untuk mengurangkan penghijrahan belia ke kawasan bandar, Agrobank telah menjalinkan kerjasama strategik bersama RISDA. Kerjasama ini bermatlamat untuk menyediakan pembiayaan rumah mampu milik bagi belia luar bandar di bawah program Rumah Bina Negara (RBN). Program ini memberikan peluang keemasan kepada pekebun kecil bagi memiliki rumah pada kadar berpatutan. Pembinaan setiap unit kediaman dianggarkan berjumlah RM65,000, di mana kerajaan akan memberikan subsidi sebanyak RM20,000, sebagaimana yang telah diumumkan dalam Bajet 2017. Kerjasama ini juga penting demi meningkatkan taraf hidup dan pemilikan aset di kalangan belia. Dengan terlaksananya inisiatif ini, belia luar bandar diharap akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi luar bandar, termasuk di dalam sektor pertanian dan seterusnya menjadi pemangkin kepada perkembangan industri lain.

Agrobank's strategic alliance with RISDA is in support of national aspiration under the rural transformation programme to reduce rural youth migration to urban areas. This collaboration aims to provide affordable housing for youths living in rural areas under the Rumah Bina Negara (RBN) home financing programme which offers smallholders the opportunity to own a house at reasonable rate. Construction of each residential unit is estimated at RM65,000 of which RM20,000 will be subsidised by the Government in accordance to the 2017 Budget. The collaboration will improve the living standard and increase asset ownership among youths. The initiative encourages the rural youth to contribute to rural economic development including agriculture and thereafter become the catalyst for the development of other related industries.



06 Apr/Apr
2017

MoU DENGAN UNIVERSITI SEGI **MoU WITH SEGi UNIVERSITY**

**Keterangkuman
Pendidikan bagi
Pelajar B40**

**Inclusive
Education to B40
Students**



Agrobank dan Universiti SEGi menandatangani Memorandum Persefahaman Kerjasama Strategik bagi menyediakan bantuan pendidikan kepada pelajar B40 yang layak untuk meneruskan pengajian di universiti swasta tersebut. Bantuan kewangan disumbangkan dalam bentuk bantuan zakat bernilai RM8,000 bagi setiap pelajar yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, manakala SEGi pula memberikan biasiswa dalam bentuk yuran pengajian.


Kerjasama ini membolehkan para pelajar mendapatkan ijazah sarjana muda dalam bidang Sumber Manusia, Pemasaran, Perakaunan & Kewangan dan Teknologi Maklumat. Pelajar yang terpilih berpeluang mengikuti latihan industri di Agrobank menerusi program yang menyeluruh agar dapat merasai persekitaran perbankan yang sebenar, khususnya dalam kewangan Islam dan pembiayaan untuk pertanian. Sekurang-kurangnya 50 pelajar disasarkan untuk projek ini.

Agrobank and SEGi University have signed a Memorandum of Understanding for strategic collaboration to provide education assistance for deserving B40 students. The assistance is in the form of zakat contribution amounting to RM8,000 each, subject to the Bank's zakat criteria. SEGi will provide scholarship in the form of tuition fees to the selected student.

This collaboration will enable selected students to obtain various bachelor degrees in the areas of Human Resource, Marketing, Accounting & Finance and Information Technology. These students will undergo comprehensive internship programme with Agrobank to expose with banking environment on Islamic Finance and financing to agriculture. At least 50 deserving students are expected to benefit from this pilot project.

SOROTAN UTAMA
KEY HIGHLIGHTS

11 Ogos/Aug
2017

**MoU DENGAN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS
MALAYSIA (UCAM)****MoU WITH UNIVERSITY COLLEGE OF AGROSCIENCE
MALAYSIA (UCAM)****Mempersadakan
Industri Pertanian****Invigorating the
Agricultural Industry**

Kerjasama strategik Agrobank dengan UCAM bertujuan untuk mewujudkan ‘kampus tanpa tunai’ dan menggalakkan penglibatan bakal graduan dalam sektor pertanian. Menerusi kerjasama ini, Bank dan UCAM berganding bahu dalam membangunkan potensi bakal graduan untuk menghasilkan kajian-kajian dan idea-idea baharu bagi pembangunan sektor pertanian. Selain itu, Bank turut menawarkan program pembangunan modal insan menerusi program-program khas dan latihan industri kepada pelajar di jabatan-jabatan terpilih di Agrobank.

Agrobank's strategic collaboration with UCAM is to establish a ‘cashless campus’ and encourage the involvement of the youth for new ideas in the development of the agriculture sector. The Bank also offers development programmes to UCAM students to undergo industrial training in selected departments.

01 Mengenai Kami
About Us

02

03

04

05

06

**26 Nov/Nov
2017**

**12 Nov/Nov
2017**

MoU DENGAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

MoU WITH LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

Memperkasakan Penanam Padi di Malaysia

Sebagai IKP yang dimandatkan untuk pembangunan pertanian, Agrobank sentiasa berusaha memastikan akses perkhidmatan kewangan terus dipertingkatkan khususnya, bagi komuniti pertanian luar bandar. Kerjasama strategik yang dijalankan bersama MADA adalah untuk menyediakan pembiayaan dari RM1,000 hingga RM50,000 berdasarkan keluasan sawah pada kadar keuntungan yang berpatut untuk pesawah padi di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Program khas ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti sawah disamping membangunkan sosio-ekonomi pesawah.



Empowering Paddy Farmers in Malaysia

As a DFI with a focus on agricultural development, Agrobank ensures financial accessibility to the unserved and underserved segment of the agricultural community. A strategic partnership with MADA in providing financing ranging from RM1,000 to RM50,000 to paddy farmers under Area Farmers' Organization (PPK), based on paddy field acreage at reasonable profit rate. This special programme aims to focus on improving the farms productivity and enhance the socio-economic of paddy farmers.

MoU DENGAN LEMBAGA LADA MALAYSIA (MPB)

MoU WITH MALAYSIAN PEPPER BOARD (MPB)

Menambahbaik Kehidupan 30,000 Pekebun Kecil Lada

Improving the Financial Well-Being of 30,000 Pepper Smallholders

Kerjasama Agrobank dengan MPB dimeterai sejajar dengan hasrat negara untuk membangunkan pekebun kecil lada sebagai komoditi penting bagi eksport negara. Penyaluran bantuan kewangan menerusi program pembiayaan bersepadan dengan perjanjian jaminan pembelian dan khidmat nasihat kepada pekebun kecil lada akan membantu meningkatkan mutu lada hitam di Malaysia, seterusnya menambahbaik kehidupan para pekebun kecil lada.

Lebih daripada 30,000 pekebun kecil yang berdaftar dengan MPB dijangka menikmati manfaat menerusi kerjasama ini.


Agrobank's collaboration with MPB is in line with the Government's commitment to reach out to pepper smallholders, based on the importance of pepper as an export commodity for the country. The quality of black pepper and wellbeing of the farmers are expected to be enhanced with the implementation of the integrated financing programme with guaranteed purchase agreement, and advisory services to the smallholders.


More than 30,000 pepper smallholders registered with MPB were expected to benefit from the collaboration.



STRUKTUR ORGANISASI KAMI

OUR ORGANISATIONAL STRUCTURE





NANAS MENCIPTA PELUANG KEEMASAN!

PINEAPPLE PRESENTS A GOLDEN
OPPORTUNITY!

Penanaman nanas merupakan satu perniagaan berpotensi tinggi di mana pengusaha nanas tempatan mampu memperoleh pendapatan menjangkau RM5,000 sebulan bagi setiap hektar tanah yang diusahakan. Nisbah penggunaan domestik telah meningkat dan menurut Lembaga Industri Nanas Malaysia (MPIB), nilai eksport tahunan dijangka meningkat dari RM155 juta kepada RM320 juta menjelang tahun 2020, yang didorong oleh peningkatan permintaan dari China dan Timur Tengah. Johor merupakan pengeluar nanas terbesar merangkumi 68% daripada jumlah keseluruhan penanaman nanas di negara ini. **Agrobank menawarkan kepada pengusaha nanas pelbagai produk pembiayaan termasuk pembiayaan mikro (MUS1M-i), Pembiayaan Berjangka, Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i (Tawarruq), Fund for Food (3F) serta Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i).**

Pineapple cultivation is a lucrative business and able to bring local pineapple farmers earnings approximately RM5,000 a month for every hectare cultivated. In accordance to Malaysia Pineapple Industry Board (MPIB), while the domestic consumption has increased, the yearly export is expected to increase from current value at RM155 million to RM320 million by 2020, spurred by rising demand from China and the Middle East. Today, Johor is the highest producer of pineapple, currently accounting for 68% of the nation's total pineapple cultivation. **Agrobank offers pineapple farmers a variety of financing products ranging from micro financing (MUS1M-i), Term Financing, Kemudahan Pembiayaan Modal Kerja-i (Tawarruq), Fund for Food (3F) and even Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i).**





TAN SRI MOHAMAD
ZABIDI ZAINAL

Pengerusi
Chairman

01

02 Prestasi Strategik Kami
Our Strategic Performance

03

04

05

06



> PERTUMBUHAN
KDNK MALAYSIA
PADA TAHUN 2017
MALAYSIA'S GDP
GROWTH IN 2017

5.9%



> PERTUMBUHAN
KDNK SEKTOR
PERTANIAN PADA
TAHUN 2017
GROWTH OF THE
AGRICULTURE SECTOR
GDP IN 2017

7.2%

PERUTUSAN PENGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, yang Maha Mengasihani

In the name of Allah, the Most Beneficient, the Most Merciful

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bagi pihak Lembaga Pengarah,
saya dengan sukacitanya membentangkan
Laporan Tahunan Agrobank bagi tahun
berakhir 31^{hb} Disember 2017.

On behalf of the Board of Directors,
I am delighted to present the Annual
Report of Agrobank for the year ended
31st December 2017.

PARA PEMEGANG SAHAM YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Berpandukan visi kami untuk menjadi sebuah bank terkemuka dengan tumpuan terhadap sektor pertanian, Agrobank sekali lagi merekodkan prestasi kewangan yang teguh pada tahun 2017. Bank telah mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBZT) sebanyak 16.5% untuk mencecah RM230.6 juta. Bank telah mengukuhkan dan memantapkan kesejahteraan pelanggan, pemegang saham, warga kerja kami, dan komuniti pertanian. Langkah-langkah positif telah diambil untuk menambah baik prestasi perniagaan yang dimandatkan kepada kami bagi memastikan Bank terus teguh dalam suasana perbankan yang terkesan dengan faktor luaran.

Sepanjang tahun, pihak Lembaga Pengarah telah mengawasi pelaksanaan strategi bank, dan kami yakin ia akan menzahirkan nilai yang berterusan kepada pemegang saham dan mengukuhkan organisasi demi kebaikan pelanggan, dan komuniti pertanian secara amnya. Pada tahun 2017, Bank telah berjaya melaksanakan strategi yang terkandung di dalam pelan strategik 5-tahun mengikut jadual yang ditetapkan. Prestasi cemerlang tahun ini membuktikan bahawa strategi-strategi yang dilaksanakan adalah tepat untuk memberikan prestasi perniagaan yang konsisten dan mampu serta bernilai untuk pemegang saham.

DEAR SHAREHOLDERS,

Agrobank has again delivered strong financial performance in 2017, guided by our vision to be a leading bank with a focus on agriculture. The Bank's profit before zakat and tax (PBZT) registered a strong growth of 16.5% to reach RM230.6 million. The Bank continues to excel at securing and enhancing the financial wellbeing of customers, shareholders, our people, and the agricultural community, in general. Positive steps were made on our journey to improve our mandated business performance so as to ensure the Bank remained on a sustainable footing amidst the external trends impacting the banking sector.

The board has maintained its oversight on the execution of the Bank's strategy throughout the year, and we remained confident that it will deliver sustainable shareholder's value and a stronger organisation for our customers, and the agriculture community at large. In 2017, the Bank successfully executed its strategies as outlined in the 5-year strategic business plan according to the schedule milestones. With another year of great performance, we have demonstrated that we successfully deployed the right strategies to deliver consistent and sustainable business performance and value for our shareholders.

PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2017

Pada tahun 2017, keadaan ekonomi dunia adalah stabil dan menunjukkan prestasi yang lebih baik melalui keyakinan yang ditunjukkan oleh pelabur dan entiti perniagaan. Ekonomi Malaysia terus berkembang, hasil daripada peningkatan ekonomi dalam pasaran baru muncul dan membangun. Perbelanjaan sektor swasta meningkat dengan ketara dan terus menjadi salah satu pamacu utama bagi pertumbuhan, didorong khususnya oleh peningkatan berterusan dalam gaji dan pekerjaan, keadaan perniagaan yang optimistik dan permintaan yang menggalakkan. Peningkatan dalam permintaan domestik dan luar negara bagi barang dan perkhidmatan menyaksikan Malaysia melepas jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan mencatatkan 5.9% pertumbuhan pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, selepas menyusut sebanyak 5.1% pada tahun 2016, sektor pertanian meningkat kembali untuk mencatatkan kadar

2017 IN PERSPECTIVE

In 2017, the global economy stabilised and experienced improved performance and economic resiliency, as demonstrated by the strengthened business and investors' confidence. Malaysia's economy continued to be more vitalised, benefitting from the economic upturn in emerging and developing markets. Private consumption had a robust expansion and continued to be the main driver of growth, underpinned mainly by a continued increase in wages and employment, business optimism and favourable demand. Rising domestic and international demand for goods and services saw Malaysia exceed the Gross Domestic Product (GDP) growth expectations to record a 5.9% in 2017.

On similar trend, the agriculture sector rebounded strongly in 2017, recording a growth rate of 7.2% in 2017 after experiencing a 5.1% contraction in 2016 following a steady global demand for palm oil and improved weather conditions ending last year's drought due to



16.5%

**PERTUMBUHAN
KEUNTUNGAN
SEBELUM CUKAI
DAN ZAKAT (PBZT)**

**GROWTH IN PROFIT
BEFORE TAX AND ZAKAT
(PBZT)**



8.3%

SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA KDNK

AGRICULTURE SECTOR CONTRIBUTION TO GDP

pertumbuhan sebanyak 7.2% berikutan permintaan global yang kukuh untuk kelapa sawit dan keadaan cuaca yang bertambah baik telah mengakhiri masalah kekeringan susulan fenomena El-Nino. Peningkatan dalam sektor ini terutamanya didorong oleh prestasi cemerlang dalam sektor kelapa sawit, dan disokong oleh kenaikan 2.0% dalam subsektor agromakanan. Pada tahun 2017, sektor pertanian menyumbang sebanyak 8.3% kepada KDNK negara sebanyak RM1,156.7 bilion.

KEMAMPANAN DALAM PERBANKAN

Dalam usaha kami untuk mencapai kemampuan, pendekatan yang diambil mencerminkan komitmen kami untuk memastikan Bank mengamalkan konsep perantaraan kewangan berdasarkan nilai yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk terus menyokong impak ekonomi, sosial dan persekitaran menerusi amalan, tingkah laku dan penawaran produk berasaskan Syariah. Melalui peranan pembangunan

El-Nino phenomenon. The expansion in this sector was mainly driven by the impressive performance of the oil palm sector and supported by a 2.0% rise in the agrofood subsector. In 2017, the agriculture sector contributed 8.3% to the country's GDP of RM1,156.7 billion.

A SUSTAINABLE WAY OF BANKING

Our approach to sustainable banking is demonstrated by our commitment to ensure that as through a value-based financial intermediation, a concept advanced by Bank Negara Malaysia (BNM), the Bank is dedicated to supporting economic, social and environmental impact through Shariah banking products and practices, conduct and offerings. With our developmental role in promoting agriculture as an engine of growth, the Bank plays a pivotal role in connecting the financial sector to the real economy to achieve a

PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT



01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

kami untuk menggalakkan pertanian sebagai enjin pertumbuhan, Bank memainkan peranan penting dalam menghubungkan sektor kewangan kepada ekonomi benar untuk memastikan kemampaman dalam sistem kewangan. Demikian, konsep pengantaraan berdasarkan nilai (VBI) ini diterima baik oleh Agrobank dalam usahanya untuk mempertingkatkan kemampaman dalam amalan perniagaan dan nilai-nilai kami. Pada masa yang sama, usaha kami turut memperkayakan kehidupan komuniti di mana Bank beroperasi.

Impak pada Ekonomi

Sebagai institusi kewangan pembangunan (IKP) dengan tumpuan khusus dalam sektor pertanian, Agrobank berkeupayaan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan sokongan kepada perusahaan dan individu yang terlibat dalam aktiviti ekonomi pertanian. Agrobank turut bertindak sebagai fasilitator kepada para peladang dan penternak ternakan dengan tujuan untuk meningkatkan status sosioekonomi mereka.

Perniagaan yang mampan dan kukuh memerlukan sokongan daripada pelanggan. Menyedari kepentingan ini, Agrobank telah meluaskan rangkaian produk kewangannya yang memenuhi keperluan seluruh rantaian nilai pertanian termasuk aktiviti huluan dan hiliran yang merangkumi pengeluaran, pemprosesan, penyimpanan, pemasaran dan perkhidmatan lain.

sustainable financial system. As such, the value-based intermediation (VBI) concept bodes well with Agrobank as it further enhances our ingrained sustainable business practices and values. In doing so, we have also enriched the lives of the communities in which the Bank operates in.

Economic Impact

As a development financial institution (DFI) with a strong focus on the agriculture sector, Agrobank is uniquely positioned to provide financial products and services needed to support enterprises and individuals involved in such economic activities. Agrobank also acts as a facilitator to farmers and livestock breeders with a view to uplift their socio-economic status.

Agrobank recognises that a strong sustainable business grows with its customers. To better serve agropreneurs, the Bank has steadily expanded its financing solutions to the entire agriculture value chain that meets their needs, including upstream and downstream activities ranging from production, processing, storage, marketing and other services.

Pada tahun 2017, Bank telah meluaskan penawaran produk melalui kerjasama bersama agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Malaysia. Kerjasama strategik telah dibentuk dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam daerah-daerah di negeri Selangor dan Kelantan bagi Pembiayaan Berkelompok Cili Fertigasi. Kerjasama strategik yang seumpamanya turut ditubuhkan bersama Lembaga Lada Malaysia (MPB), Perbadanan Johor (JCorp) dan Kilang Padi Komersial (KPK).

Sebagai tanda sokongan terhadap Dasar Agromakanan Negara, yang bertujuan untuk mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL), Agrobank telah meningkatkan usahanya untuk mempromosikan pelbagai program pembiayaan pertanian kepada pelanggan baru yang layak dan sedia ada. Ini dilakukan menerusi kerjasama strategik dengan semua agensi di bawah MOA seperti Jabatan Pertanian (DOA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Antara program pembiayaan yang telah dipromosikan termasuk Dana Pertanian Komersial (DPK) dan Tabung untuk Makanan (3F).

Kerajaan Malaysia telah menggariskan beberapa strategi holistik untuk mempertingkatkan pembangunan industri halal ke arah pencapaian visi untuk meletakkan Malaysia sebagai hab halal global menjelang 2020. Matlamat ini mendapat sokongan padu oleh Agrobank yang telah menjalankan usaha dan inisiatif untuk menambahkan keyakinan dan kepercayaan dalam produk dan perkhidmatan halal di samping menyediakan produk pembiayaan patuh Syariah kepada pengeluar pertanian bagi menyokong konsep “Halalan toyibban”.

Agrobank menyediakan perkhidmatan kewangan merentasi seluruh rantaian nilai pertanian bagi menyokong pengeluaran halal daripada ladang hingga ke meja. Bank memastikan penyediaan produk dan perkhidmatan yang mampan merentasi seluruh rantaian nilai pertanian menerusi usaha berterusan untuk meningkatkan tahap keusahawanan bagi menyokong pertumbuhan industri, inovasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu bagi memenuhi keperluan pengeluar pertanian, menambah baik penyelarasian antara agensi dan institusi kewangan ke arah usaha rasionalisasi dan internalisasi bagi produk pertanian negara, dan meneruskan jalinan kerjasama antara negara (ADFIAP – Persatuan Institusi Kewangan dan Pembangunan di Asia serta Pasifik dan APRACA – Persatuan Kredit Luar Bandar dan Pertanian di Asia Pasifik) bagi meningkatkan produk dan perkhidmatan kami.

The Bank continued to expand its product offerings in 2017 through cooperation with agencies under the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA), Malaysia. A strategic collaboration was formed with the *Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)* in the districts of Selangor and Kelantan for the Chilli Fertigation Group Financing scheme. Similar strategic alliances were also formed with the Malaysian Pepper Board (MPB), Johor Corporation (JCorp) and *Kilang Padi Komersial (KPK)*.

In support of the National Agro Food Policy, aimed primarily at ensuring the food Self-Sufficiency Level (SSL), Agrobank enhanced efforts to promote the various agricultural funding programmes to eligible existing or new customers by working closely with all agencies under MOA such as the Department of Agriculture (DOA), Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI), and Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA). Some of the funding programmes which were promoted includes the *Dana Pertanian Komersial (DPK)* and Fund for Food (3F).

The Malaysian Government has outlined some holistic strategies to intensify the development of the halal industry towards achieving the vision of making Malaysia a global halal hub by 2020. Agrobank strongly supports this ambition through several efforts and initiatives aimed at building greater confidence and trust on halal products and services as well as providing financing products for agriculture producers that are Shariah-compliant to support the “Halalan toyibban” concept.

Agrobank provides financial services across the entire value chain to support halal production from the farm to table. The Bank ensures sustainability in providing products and services across the agriculture value chain via continuous development in agropreneurship to support industry growth, new innovation in products and services to meet the needs of agriculture producers, greater coordination among agencies and financial institutions towards supporting rationalisation and internationalisation of Malaysian agriculture products, and continuously collaborating with international affiliations (ADFIAP - Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific and APRACA - Asia-Pacific Rural and Agricultural Credit Association) to improve our products and services.



Bank memainkan peranan penting dalam menghubungkan sektor kewangan kepada ekonomi benar untuk memastikan kemampaman dalam sistem kewangan. Justeru itu, konsep Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) ini diterima baik oleh Agrobank dalam usahanya untuk mempertingkatkan kemampaman dalam amalan perniagaan dan nilai-nilai kami. Pada masa yang sama, usaha kami turut memperkayakan kehidupan komuniti di mana Bank beroperasi.

The Bank plays a pivotal role in connecting the financial sector to the real economy to achieve a sustainable financial system. As such, the value-based intermediation (VBI) concept bodes well with Agrobank as it further enhances our ingrained sustainable business practices and values. In doing so, we have also enriched the lives of the communities in which the Bank operates in.

PERUTUSAN PENGERUSI
CHAIRMAN'S STATEMENT

01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

Pada tahun 2017, Agrobank telah memperkenalkan *Agro Home Financing-i* (pembiayaan rumah) sebagai produk perbankan pengguna yang keempat, di samping *Agrocash-i* (pembiayaan peribadi), *Hartani-i* (pembiayaan pembelian tanah) dan *Ar Rahnu* (penggadaian emas). Bank turut memulakan usaha perbankan digital dengan memastikan pengalaman pelanggan yang terbaik, termasuk menyediakan kemudahan membeli produk takaful dalam talian dan mempertingkatkan perbankan Internet perniagaan AGRONetBiz di mana pelanggan digalakkan melanggan dan menggunakan kemudahan ini sebagai saluran pembayaran dan pengurusan gaji.

Pembiayaan mikro berkeupayaan untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi individu berpendapatan rendah dan memainkan peranan penting dalam menangani pelbagai aspek dalam isu kemiskinan. Ia menyediakan peluang untuk bekerja sendiri bagi individu yang tidak bekerja, dan mendorong pertumbuhan ekonomi melalui penyediaan akses kepada perkhidmatan kewangan bagi usahawan tempatan. Sejak penubuhannya, Agrobank telah mempelopori pelbagai pembiayaan mikro bagi sektor pertanian. Program terkini adalah Agro TERAS, iaitu program pembiayaan mikro yang bertujuan untuk membantu usahawan mikro daripada golongan 40% terbawah dalam kumpulan pendapatan isi rumah yang terlibat dalam perniagaan pertanian dan perniagaan asas tani, meningkatkan status sosioekonomi mereka sambil membina keyakinan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sarawak telah dipilih untuk mempelopori program pembiayaan ini dalam fasa pertama pelaksanaannya.

In 2017, Agrobank introduced the *Agro Home Financing-i*, making this the fourth consumer banking product in addition to *Agrocash-i* (personal financing) *Hartani-i* (land purchase financing) and *Ar Rahnu* (gold pawning). The Bank also embarked on the digital footprint by providing a seamless experience for customers, including the facility to purchase takaful products online and further enhanced its AGRONetBiz business internet banking service as well as encouraging customers to subscribe and utilise this facility as their primary payment channel and payroll management.

Microfinance has the capacity to enhance the socio-economic development of individuals with low income and plays an important role in fighting the multi-dimensional aspects of poverty. It provides self-employment opportunities for unemployed individuals, and fosters economic growth by giving local entrepreneurs access to financial services. Agrobank has been a pioneer in various forms of micro-financing for the agricultural sector since its inception. The latest being the Agro TERAS programme, which is a micro-financing programme to help micro-entrepreneurs from the bottom 40% of the household income group involved in agriculture and agro-based business to improve their socio-economic status and build their confidence in expanding their business. Sarawak was chosen as the pioneer of the funding programme during the first phase of its implementation.



Menyedari kepentingan ini, Agrobank telah meluaskan penyelesaian kewangannya merentasi seluruh rantaian nilai pertanian termasuk aktiviti hulu dan hilir yang merangkumi pembuatan, pemprosesan, penyimpanan, pemasaran dan perkhidmatan lain bagi memenuhi keperluan rantaian.

To better serve agropreneurs, the Bank has steadily expanded its financing solutions to the entire agriculture value chain that meets their needs, including upstream and downstream activities ranging from production, processing, storage, marketing and other services.

Untuk membantu usahawan tani meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka, Agrobank telah membuat pelaburan dalam pembangunan keusahawanan bagi tujuan menambah pengetahuan kewangan dan meningkatkan kemahiran keusahawanan mereka. Sehubungan dengan itu, usahawan tani Bank telah diberikan sokongan dan latihan melalui Program Pembangunan Usahawan Tani (ADP), Khidmat Nasihat Perniagaan dan Program Intervensi serta Perkongsian Amalan Terbaik. Pada tahun 2017, Agrobank telah menganjurkan sejumlah 24 sesi latihan yang melibatkan 693 peserta daripada pelbagai subsektor pertanian.

Memajukan dan Memperkasakan Komuniti

Di Agrobank, kami sentiasa berusaha untuk meluaskan skop inisiatif pembangunan komuniti bagi menghasilkan impak yang positif, dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum. Agrobank meletakkan kepentingan pembangunan dan pemerkasaan komuniti dalam usahanya untuk mencapai kemampunan dan memenuhi tiga komponen utama dalam konsep *Triple Bottom Line* iaitu Insan, Kelestarian dan Kemakmuran. Kami memahami dan mengutamakan tanggungjawab kami kepada masyarakat. Dengan membantu pelanggan dan komuniti pertanian untuk berjaya, kami percaya ia akan menjadikan kami Bank yang lebih mampan.

Melalui kehadiran dan penjenamaan Bank yang kukuh, Agrobank dapat memperkayakan kesejahteraan sosial para petani dan komuniti luar bandar. Agrobank meluaskan jangkauan untuk menawarkan perkhidmatan kepada pelanggannya, termasuk komuniti luar bandar dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan melalui 192 cawangan, 381 terminal layan diri dan 764 ejen perbankan. Melalui rangkaian ejen perbankan kami, Bank boleh menyampaikan kemudahan perbankan asas terutamanya kepada segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan di kawasan luar bandar dengan cara yang kos efektif, dan ini termasuk perkhidmatan asas seperti simpanan dan pengeluaran, pembayaran utiliti dan tambah nilai kad prabayar.

To assist agropreneurs in improving their productivity and income, Agrobank invests in entrepreneur development to equip them with sufficient financial knowledge and sharpen their entrepreneurial skills. To this effect, the Bank's agropreneurs are provided with capacity building and training supports through the Agropreneur Development Programme (ADP), Business Advisory and Intervention and Best Practice Sharing programme. In 2017, Agrobank successfully organised a total of 24 ADP training sessions involving 693 participants from various agriculture subsectors.

Community Development and Empowerment

At Agrobank, we have consistently broadened the scope of our community development initiatives in order to create a substantial impact which benefits the community at large. Agrobank places an enormous importance on putting community development and empowerment in its drive towards sustainability and meeting the Triple Bottom Line of People, Planet and Prosperity. We recognise and value our responsibility towards the society we serve and operate in. It is only by supporting our customers and communities to succeed that we will become a more sustainable bank.

The Bank enriches the social well-being of farmers and rural communities via its strong geographical presence and branding. Agrobank reaches out to its customers, including rural and underserved communities; via 192 branches, 381 self-service terminals and 764 AGROAgents nationwide. Through the AGROAgents network, the Bank is able to provide basic banking facilities especially to the underserved segments of the population in rural areas in a cost-effective manner, which includes deposits and withdrawals, utility payments and pre-paid card reload.

PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

Di Agrobank, kami percaya rangkuman kewangan adalah agen paling berkuasa bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh serta terangkum, dan untuk memperkasakan individu dan komuniti bagi memperkayakan kehidupan mereka. Kepercayaan inilah yang mendorong kami untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kewangan yang mampu dimiliki, terutamanya kepada masyarakat yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Untuk memperkasakan golongan yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan, Agrobank telah melancarkan takaful keluarga Agro Mabrur-i pada tahun 2017. Dengan premium serendah RM75, produk takaful ini mampu dimiliki dan menyediakan alternatif kepada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan perlindungan takaful, khususnya golongan 40% terbawah bagi isi rumah iaitu segmen yang paling peka terhadap kejutan ekonomi. Saya turut berbangga untuk menyatakan bahawa Agro Mabrur-i telah dipilih oleh Bank Negara untuk menyertai skim Perlindungan Tenang. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kriteria produk tersebut iaitu mampu dimiliki, senang difahami dan proses tuntutan yang mudah.

Satu lagi produk telah dirangka dan diperkenalkan khas untuk individu kurang upaya. Berasaskan konsep takaful, Agro Nurani adalah pelan perlindungan istimewa untuk individu kurang upaya yang menyediakan manfaat seperti perlindungan kemalangan diri, kematian disebabkan oleh kemalangan, kematian biasa, dan rawatan perubatan disebabkan oleh kemalangan serta eluan hospital untuk kecederaan disebabkan oleh kemalangan. Pelan ini juga adalah pelan pertama dalam negara yang menawarkan perlindungan bagi individu kurang upaya.

At Agrobank, we believe that financial inclusion is a powerful agent for a strong and inclusive economic growth; empowering individuals and community to improve their lives. This is what inspires us to provide financial products and services particularly to the unserved and underserved community at affordable and competitive rates. In a bid to empower the underserved, Agrobank launched the Agro Mabrur-i family takaful in 2017. This affordable takaful product with premiums as low as RM75 a year provides alternatives to the low and middle-income groups to obtain takaful protection, especially the bottom 40% of households who are most vulnerable to economic shocks. I am proud to share that Agro Mabrur-i was elected by Bank Negara Malaysia to be in the Perlindungan Tenang scheme. This selection was based on its product criteria namely affordable, easy to understand and a convenient claim process.

Another takaful product designed especially for individuals with disabilities was also introduced. Agro Nurani, a special protection plan for the disabled person based on the takaful concept, provides a range of benefits including personal accident, accidental death, natural death, and medical treatment due to an accident and hospital allowance for injuries caused by accidents. This is also a first of its kind of protection for individuals with disabilities in our country.

- 01
- 02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance
- 03
- 04
- 05
- 06





Impak pada Alam Sekitar

Isu keselamatan makanan kian mendapat perhatian masyarakat global. Anggaran Bank Dunia yang menjangkakan peningkatan bilangan penduduk dunia kepada 9 bilion menjelang 2050, daripada 7 bilion hari ini, mendedahkan cabaran yang kian memuncak bagi memastikan kecukupan makanan bagi seluruh penduduk di serata dunia. Perubahan iklim turut mengancam usaha untuk membasmi kelaparan dan kemiskinan di peringkat dunia. Dalam menjalankan peranan kami untuk mendorong pembangunan yang mampan, Agrobank berlitzam untuk mendukung pembiayaan yang bertanggungjawab dan keterangkuman kewangan. Dari sudut ini, Agrobank menggalakkan pelanggan yang terlibat dalam perladangan pertanian, khususnya tanaman makanan, ternakan dan akuakultur, untuk mendapatkan pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP). Di bawah pensijilan ini, usahawan tani bukan sahaja berpeluang untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti mereka, malahan mereka turut membantu memelihara alam sekitar.

Sehubungan dengan ini, Bank turut memberi sokongan dan menggalakkan pelanggan perladangan, kilang kelapa sawit serta pekebun kecil untuk mendapatkan pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Ini adalah sejarah dengan keputusan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) untuk memandatorikan pensijilan MSPO sebelum Disember 2019 dalam usaha meningkatkan industri ke peringkat global. Sebagai pengeluar kelapa sawit kedua terbesar di dunia selepas Indonesia, Malaysia harus memelihara dan terus mempertingkatkan imej sektor kelapa sawit di dalam negara melalui pensijilan mandatori MSPO.

Komitmen Bank untuk menjalankan pembiayaan yang bertanggungjawab dan mendukung tanggungjawab sosial dan alam sekitar menurut rangka kerja VBI dicerminkan lagi melalui pelaksanaan *Environment Impact Assessment* (EIA) untuk menilai permohonan untuk pembiayaan. Melalui EIA, Bank akan memastikan penggabungan maklumat berkaitan alam sekitar, dan di mana perlu, maklumat sosial dan ekonomi, di dalam proses pembuatan keputusan berkaitan kredit.

Environment Impacts

The issue of food security is increasingly becoming a global concern. Estimates by the World Bank revealed that the world faces a looming challenge of feeding an expanding population that is expected to reach 9 billion by 2050, from just over 7 billion today; while climate change continues to threaten global efforts to end hunger and poverty. Agrobank remains committed to advancing responsible financing and financial inclusion as part of our role in promoting sustainable development. Towards this end, Agrobank continuously promote and encourages its clients who are involved in agricultural farming, especially food crops, livestock and aquaculture, to obtain the Malaysian Good Agricultural Practices (MyGAP) certification. With such certification, agropreneurs would not only be able to increase their productivity but also improve quality whilst preserving the environment.

Along these lines, the Bank also supports and encourages its Oil Palm plantation and mill customers, and smallholders to obtain the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) certification. This is in line with the decision of the Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC) to make the compliance of the MSPO certification mandatory by December 2019 with the aim of uplifting the industry to a global standard. As the second largest world producer of palm oil after Indonesia, there is a need for Malaysia to safeguard and further alleviate the image of its palm oil industry in the country through mandatory MSPO certification.

The Bank's commitment to responsible financing and upholding its social and environmental responsibilities as per the VBI framework is further reflected in the implementation of the Environment Impact Assessment (EIA) as a tool to assess financing applications. Through the EIA, the Bank will ensure that environmental, and where required, social and economic information is incorporated into its credit decision making.

PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

MENERAPKAN BUDAYA PERBANKAN YANG BERINTEGRITI & BERETIKA

Integriti adalah penting dalam sektor perbankan. Perkhidmatan yang disediakan mesti memenuhi standard profesional tertinggi, tanpa konflik kepentingan, tidak berat sebelah atau cuai, di samping memastikan kesemua pihak berkepentingan termasuk kakitangan, penjual, dan pembekal dilayan dengan adil dan saksama. Pada Februari 26, 2017, Agrobank telah diiktiraf sebagai institusi kewangan pertama dalam negara yang menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (CFP) bagi menyokong inisiatif dan komitmen Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ini merangkumi sebahagian daripada inisiatif Bank untuk menggalakkan dan menyemai budaya integriti di kalangan kakitangannya, seterusnya meningkatkan nilai dan etika bekerja bagi kakitangan. Ikrar ini turut membentuk sebahagian daripada strategi Bank untuk meningkatkan kesedaran terhadap potensi ancaman penipuan dari dalam dan luar.

MELANGKAH KE TAHUN HADAPAN

Ekonomi global berada di tahap yang paling kukuh sejak beberapa tahun lepas, dan dijangka akan terus bertambah baik pada tahun 2018. Ini diperkuatkan lagi dengan pengembalian keyakinan pengguna dan perdagangan yang semakin meningkat. Dalam pada itu, impak positif yang dijangka akan diperoleh daripada perjanjian perdagangan serantau yang melibatkan kebanyakan negara Asia, turut menambah sentimen optimistik bagi ekonomi negara.

Setelah setahun mengalami penyusutan, sektor pertanian di Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 7.2% untuk meletakkan prestasinya lebih tinggi berbanding sektor-sektor lain. Bank kekal optimistik dengan keupayaan sektor pertanian untuk mencatatkan pertumbuhan yang positif pada tahun 2018 bersandarkan sokongan RM6.5 bilion di bawah Belanjawan 2018 yang diperuntukkan untuk membina sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.

Memandang ke hadapan, pihak Lembaga Pengarah akan terus memberi tumpuan pada usaha mengekalkan kemampunan dengan meningkatkan reputasi dan prestasi. Kami akan terus mengembangkan strategi kami bagi menyampaikan nilai kepada semua pihak yang berkepentingan dalam rangka kerja tadbir urus yang memastikan kestabilan, kehematan dan penyeliaan yang berkesan. Agrobank juga akan terus memainkan peranannya untuk mengukuhkan ekonomi, sebagai agen yang mencipta ruang pekerjaan, peluang perniagaan, jaminan kewangan, inovasi dan pertumbuhan. Bank komited untuk membina keupayaan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan Syariah baharu yang inovatif dan mampu memenuhi keperluan komuniti dan industri pertanian. Kesemua ini akan dilaksanakan dengan menginstitusikan elemen-elemen VBI dan menyepadukan elemen Maqasid Syariah di dalam operasi Bank.

EMBEDDING CULTURE OF INTEGRITY & ETHICAL BANKING

Integrity is a key governance consideration in the banking sector. Services provided must satisfy the highest of professional standards, avoid conflicts of interest, bias, or negligence, as well as ensure that all the stakeholders including employees, vendors and suppliers are treated fairly and equally. On February 26, 2017, Agrobank became the first financial institution in the country to sign the Corruption Free Pledge (CFP) in support of the initiative and commitment of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC).

This is part of the Bank's initiative in promoting and inculcating integrity as one of its corporate cultures amongst its employees, which subsequently will enhance its employees' value and work ethics. The pledge will also serve as part of the Bank's strategy to raise awareness of the potential threat posed by internal and external fraud.

THE YEAR AHEAD

The global economy is stronger than it has been for a number of years and is expected to keep its pace and even accelerate modestly in 2018. This is underpinned by recovering consumer confidence and improving trade whilst the anticipated conclusion of large regional trade agreements involving most Asian nations, also provides cause for optimism.

The agriculture sector in Malaysia recorded positive growth of 7.2% in 2017, reviving after a year of contraction and thus outperforming other sectors. The Bank remains optimistic that the agriculture sector will continue to register a positive growth in 2018 in parallel with the allocation of RM6.5 billion for building the agricultural sector as an engine of economic growth under Budget 2018.

Moving forward, the Board will continue to focus on sustaining resilience by enhancing reputation and performance. We will further develop our strategy to deliver value to all of our stakeholders within a governance framework that provides stability, prudence and effective oversight. Agrobank will also continue to play its role in helping secure a strong economy – as an enabler of employment, business opportunity, financial security, innovation and growth. The Bank is committed to building greater capability in innovating new Shariah products and services that serve the market need of the agriculture communities and industries. All this will be done by institutionalising elements of VBI and at the same time integrating elements of Maqasid Shariah in the Bank's operations.

- 01
- 02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance
- 03
- 04
- 05
- 06



PERUBAHAN DALAM LEMBAGA PENGARAH

Tahun 2017 menyaksikan perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah apabila kami mengucapkan selamat maju jaya kepada seorang Pengarah, dan menyambut kehadiran dua individu baru ke dalam Lembaga Pengarah. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Ng Chih Kaye (yang meletak jawatan sebagai Pengarah pada Julai 2017) atas khidmat dan bimbingan beliau kepada Lembaga Pengarah. Sementara itu, Tuan Haji Ibrahim Hassan dan Puan Faizah Abdullah telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah yang baru dan membawa bersama mereka pengalaman dan perspektif baru.

UCAPAN PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan serta rasa terima kasih saya kepada Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Syariah Bank, atas sokongan dan panduan mereka yang tidak henti-henti. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, yang telah meletak jawatan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank pada Ogos 2017. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya juga ingin merakamkan penghargaan istimewa kepada komuniti Agrobankers. Dalam tempoh singkat saya menggalas jawatan Penggerusi, saya amat kagum dengan usaha, tenaga kerja dan keupayaan warga kerja kami. Kekukuhannya prestasi Bank mencerminkan usaha keras, dedikasi dan iltizam mereka dalam menjalankan kerja di sebalik cabaran yang ada dan kami mendoakan kejayaan bagi tahun 2018, Insyallah.

Lembaga Pengarah juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pelanggan dan pihak berkepentingan kami, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)] dan Bank Negara Malaysia atas sokongan berterusan dan keyakinan mereka sepanjang perjalanan kami.

Wassalam dan terima kasih.

BOARD CHANGES

2017 saw changes to the composition of the Board as we wish great success to one Director and welcomed two new individuals to our Board. I wish to warmly thank Mr Ng Chih Kaye (who resigned from the Board in July 2017) for his valuable service and wise counsel to the Board. Meanwhile, Tuan Haji Ibrahim Hassan and Puan Faizah Abdullah joined the Board bringing a wealth of experience and fresh perspectives to our discussions.

NOTE OF APPRECIATION

I take this opportunity to extend my appreciation and gratitude to the Board of Directors and members of the Bank's Shariah Committee, for their unwavering support and guidance. On behalf of the Board, I would like to thank Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman, who resigned as the President and CEO of Agrobank in August 2017. We wish him all the best in his future endeavours. My special thanks are due on behalf of the Board to the community of Agrobankers. In my short time as Chairman, I have been enormously impressed by the effort, energy and ability of our people. The Bank's strong financial performance is a testament to their hard work, dedication and commitment to duty despite the challenges and pray for a successful 2018 ahead, Insyallah.

The Board would also like to express its appreciation to all its customers and key stakeholders, particularly the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry, Minister of Finance (Incorporated) [MOF (Inc.)] and Bank Negara Malaysia for their continuing support, confidence and who kept faith in us throughout this journey.

Wassalam and thank you.

MASAAT AWADZ

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif
Covering Duties President/Chief Executive Officer

- 01
- 02 Prestasi Strategik Kami
Our Strategic Performance
- 03
- 04
- 05
- 06



> **JUMLAH PEMBIAYAAN**
TOTAL FINANCING

RM 9.5
BILION/BILLION



> **JUMLAH DEPOSIT**
TOTAL DEPOSITS

RM 7.6
BILION/BILLION

ULASAN PRESTASI OLEH PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PERFORMANCE REVIEW BY COVERING DUTIES PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, yang Maha Mengasihani

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Para Pemegang Saham yang Dihormati sekalian,
Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan
bahawa pada tahun 2017, Agrobank telah
menzahirkan iltizamnya untuk merekodkan
pelbagai pencapaian penting bagi membolehkan
Bank mengukuhkan kedudukan kami sebagai
bank terpilih untuk bidang pembiayaan
pertanian. Di sebalik perkembangan pantas
dalam landskap pengawalseliaan, perubahan
dalam trend digital dan pasaran yang semakin
kompetitif, kami telah memanfaatkan peluang
yang ada dan berjaya menangani pelbagai
cabaran yang wujud untuk memenuhi sasaran
operasi dan kewangan.

Dear Shareholders,

I am pleased to report that in 2017 Agrobank has delivered on its commitment and achieved many significant milestones allowing the Bank to reinforce its leadership position as the bank of choice for agricultural financing. In the midst of this fast-evolving regulatory landscape, shifting digital trends and an increasingly competitive playing field; we embraced the many opportunities and challenges that the year brought while delivering on key operational and financial metrics.

Kejayaan ini berteraskan komitmen kami dalam menguruskan Bank sebagai perniagaan yang lebih mantap melalui perkhidmatan kepada pelanggan dengan cara yang turut memberi manfaat kepada generasi masa hadapan. Kemajuan dalam teknologi, sosial dan alam sekitar telah membentuk dunia yang wujud hari kini. Jadi, adalah penting untuk kami memahami keperluan pelanggan yang turut berubah, dan mengekalkan hubungan dengan pemegang saham serta masyarakat secara amnya. Salah satu pendekatan yang diambil adalah dengan menginstitusikan prinsip-prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) di samping menyepakukkan elemen Maqasid Syariah dalam aktiviti perniagaan Bank.

At the core of this success is our commitment to run the Bank as a more sustainable business, serving today's customers in a way that also helps future generations. As technological, social and environmental changes shape the world; it is important to stay connected with evolving customer needs, our shareholders and the wider expectations of society. One of the ways in which we are doing this is through institutionalising the Value Based Intermediation (VBI) principles as well as integrating elements of Maqasid Shariah in the Bank's business activities.

ULASAN PRESTASI OLEH PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY COVERING DUTIES PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER



01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

PRESTASI KEWANGAN

Berlatarkan keadaan pasaran yang mencabar, yang didorong oleh persaingan sengit dan penyusutan margin, Agrobank telah mencatatkan prestasi yang membanggakan. Kemajuan makroekonomi yang positif dalam ekonomi dunia dan usaha berterusan kami untuk menjadisebuah Bank yang efisien dan berteraskan pelanggan, telah membantu kami menzahirkan prestasi kewangan yang memberangsangkan. Prestasi yang dicatatkan oleh Agrobank pada tahun 2017 membuktikan peningkatan yang ketara dan bermakna bagi Bank.

Sekali lagi, Bank telah mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 16.5% bagi keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) untuk mencatatkan RM230.6 juta pada penghujung 2017. Pencapaian ini telah didorong oleh pertumbuhan dalam pembiayaan sebanyak 9.8%, yang jauh mengatasi prestasi industri. Pulangan atas ekuiti (sebelum cukai) adalah sebanyak 8.2% berbanding 7.5% pada tahun

FINANCIAL PERFORMANCE

We charted commendable performance in challenging market conditions underpinned by intense competition and margin erosion. The positive macroeconomic developments in the world economies and our ongoing efforts to become a more customer-driven, efficient bank helped us deliver a set of strong financial results. The results posted by Agrobank in 2017 are evident of a steady rise to a prominent and significant leap in the Bank's journey.

The Bank posted another year of double digit growth of 16.5% in its profit before zakat and tax (PBZT) to record RM230.6 million by end of 2017. This was driven by financing growth of 9.8%, which strongly overtook industry performance. The return on equity (before tax) was 8.2% against 7.5% in 2016. The result reflects a positive macroeconomic environment and higher customer activity.





24.9%

JUMLAH NISBAH
MODAL TERAS
**TOTAL CORE CAPITAL
RATIO**

2016. Keputusan ini mencerminkan keadaan makroekonomi yang positif dan peningkatan dalam aktiviti pelanggan.

Berbanding pertumbuhan industri sebanyak 4.3%, jumlah asset Bank meningkat sebanyak 9.1% dan kini mencecah RM15.2 bilion. Jumlah pembiayaan dan pendahuluan kasar meningkat kepada RM9.5 bilion, naik 9.8% iaitu lebih dua kali ganda berbanding purata pertumbuhan pembiayaan bagi industri pada 4.1%. Pertumbuhan kukuh dalam pembiayaan telah digalakkan oleh kemajuan dalam segmen perbankan pengguna dan perniagaan. Deposit pelanggan turut meningkat sebanyak 7.7% kepada RM7.6 bilion, yang menggambarkan pertumbuhan dalam bilangan pelanggan dan kesetiaan tegar pelanggan.

Pengambilan langkah-langkah pencegahan dan proaktif seperti dasar pembiayaan yang berhemat dan amalan pengurusan risiko yang baik telah menyumbang kepada pengukuran aset Bank. Ini dicerminkan melalui peningkatan dalam nisbah pembiayaan terjejas sebanyak 4.5% pada tahun

Total assets increased by 9.1% compared with industry growth of 4.3%, and now stand at RM15.2 billion. Total gross financing and advances rose to RM9.5 billion, up by 9.8%; which is more than double the industry's average financing growth of 4.1%. Strong growth in financing was led by growth in the consumer and business banking segments. Deposits from customers also increased by 7.7% to RM7.6 billion, reflecting a growing customer base and strong customer loyalty.

The Bank's strong asset quality is a result of a combination of preventive and proactive measures taken such as prudent financing policies and strong risk management practices. This is mirrored in improvement of the gross impaired financing ratio of 4.5% in 2017, lower than 5.2% recorded in 2016. Agrobank's financing loss coverage ratio decreased marginally from 100.6% in 2016 to 100.2% in 2017, but remains significantly higher than the coverage ratio for the banking system of 82.9%.



ULASAN PRESTASI OLEH PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY COVERING DUTIES PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER



01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

2017, lebih rendah daripada 5.2% yang dicatatkan pada tahun 2016. Nisbah perlindungan kerugian pembiayaan bagi Agrobank menunjukkan penurunan marginal sebanyak 100.2% dalam 2017 berbanding 100.6% pada tahun 2016, tetapi masih jauh lebih tinggi daripada nisbah perlindungan bagi sistem bank sebanyak 82.9%.

Sejajar dengan pencapaian hasil yang lebih baik dan pengurusan kos yang lebih berkesan dalam usaha Bank untuk memperkemas operasi perniagaannya bagi meningkatkan produktiviti dan keefisienan, nisbah kos kepada pendapatan meningkat kepada 60.6% berbanding 62.1% pada tahun 2016. Kedudukan modal Bank kekal stabil dengan nisbah modal teras sebanyak 24.9%, yang jauh mengatasi keperluan BNM.

MENAMBAH NILAI MELALUI PENCPTAAN NILAI


Meskipun sesetengah organisasi mungkin melihat kemampuan sebagai keperluan untuk pengawalseliaan dan pelaporan korporat sahaja, ia sebenarnya membentuk komponen utama lain dalam agenda politik, ekonomi dan sosial. Demikian juga, kemampuan memainkan peranan penting dalam pembentukan dan pelaksanaan strategi perniagaan. Persekitaran operasi yang kian berubah turut menggerakkan sektor korporat untuk meningkatkan dan mengembangkan pemahaman dan pendekatan mereka terhadap penciptaan ‘nilai’. Perniagaan hari ini tidak lagi wujud sekadar untuk memperoleh keuntungan; tetapi kesejahteraan kakitangan, komuniti dan bumi ini harus dititikberatkan demi kebaikan perniagaan tersebut.

Cost to income ratio improved to 60.6% compared with 62.1% in 2016, in line with strong revenues and more effective cost management as the Bank continued to focus on streamlining of its business operations to improve productivity and efficiency. The Bank's capital position continued to be healthy as reflected by its total core capital ratio of 24.9%, which is well in excess of BNM requirements.

ADD VALUE BY CREATING VALUE

While some organisations have treated sustainability as a regulatory and corporate reporting requirement in the past, it is now becoming a crucial component of the political, economic and social agenda and therefore central to business strategy and delivery. Furthermore, a changing operating environment is prompting corporates to rethink how they understand and approach ‘value’ creation and expand this narrative. Business no longer exists to just make money; the well-being of employees, communities and the planet is inevitably tied to the health of the business.

Agrobank has been an industry leader in placing sustainability at the heart of our business through the adoption of VBI principles; which in turn shapes our strategy, approach to financing, solutions and service delivery. With VBI deeply rooted in the Bank's core values



Pada tahun 2017, kami sekali lagi telah mencatatkan keputusan yang cemerlang melalui pencapaian markah yang tinggi sehingga 79% (sama seperti tahun lepas), dalam penilaian penglibatan kakitangan. Ini mencerminkan budaya dalam Bank di mana penglibatan kakitangan adalah diutamakan. Dari sudut penjenamaan, Agrobank telah meningkat naik dalam senarai Malaysia's 100 Leading Graduate Employers daripada tangga ke-44 pada tahun 2016 ke tangga ke-38 pada tahun 2017.

In 2017, we once again achieved an exceptional result when our employee engagement score recorded a high of 79% (same as last year), which reflects the culture of high employee engagement within the bank. In the area of employer branding, Agrobank moved up the Malaysia's 100 Leading Graduate Employers ranking from number 44 in 2016 to 38th place in 2017.



Agrobank mengutamakan kemampuan dalam menjalankan perniagaan kami, dan ini dilakukan melalui pengadaptasian prinsip-prinsip VBI yang diharap akan membentuk penzahiran strategi, pendekatan, pembiayaan, penyelesaian dan perkhidmatan kami. Dengan prinsip-prinsip VBI disemaikekan ke dalam nilai-nilai teras dan aktiviti perniagaan Bank, peranan Agrobank sebagai institusi kewangan adalah untuk membekalkan sokongan dan menggalakkan kemajuan ekonomi, sosial dan persekitaran, sambil menjana pulangan yang menggalakkan buat pemegang saham. Ini bermakna, kami di Agrobank berpegang teguh pada falsafah menambah nilai melalui penciptaan nilai!

Mencipta Nilai melalui Kerjasama

Bagi kami, kerjasama merupakan elemen penting dalam mencipta nilai pada masa hadapan. Melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategik yang tertumpu pada aktiviti pertanian dan aktiviti yang berkaitan dengan pertanian, kedudukan unik Agrobank dalam sektor pertanian dijangka akan bertambah kukuh.

Pada tahun ini, kami telah meluaskan skim pembiayaan Paddy-i melalui kerjasama strategik dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Kilang Padi Komersial (KPK). Sebagai skim pembiayaan inovatif yang dirangka untuk memenuhi keperluan pesawah padi yang memperoleh pendapatan mereka mengikut musim, skim Paddy-i menyediakan pesawah dengan kemudahan pembiayaan sehingga RM2,500 per hektar atau pembiayaan maksimum RM50,000 bagi menampung keperluan membeli padi, benih, baja, penyediaan tanah dan lain-lain kos pengeluaran yang berkaitan dengan penanaman padi.

Melalui kemudahan pembiayaan dan skim usaha sama seperti ini, Agrobank akan membantu mengukuhkan jaminan makanan dan memperbaiki kehidupan pesawah padi dalam negara, di mana pendapatan mereka adalah antara yang terendah dalam komuniti pertanian. Skim ini bukan sahaja dilihat sebagai projek pembiayaan untuk mencapai kemampunan, tetapi ia turut dianggap penting bagi melindungi jaminan makanan negara.

and business activities, Agrobank's role as a financial institution is to support and promote economic, social and environmental progress; and at the same time generate healthy returns for shareholders. This simply means that at Agrobank, we subscribe to the philosophy of adding value by creating value!

Value Creation via Collaboration

We believe that collaboration is an important source of future value creation. Agrobanks' niche position in the agriculture sector is expected to be further strengthened via its collaboration with strategic partners who are focused specifically on agriculture and agriculture-related activities.

During the year, we have extended our Paddy-i financing through a strategic collaboration with *Pertubuhan Peladang Kawasan* (PPK) and *Kilang Padi Komersial* (KPK). As an innovative financing scheme designed to cater for seasonal income earners of paddy farmers, Paddy-i provides farmers with financing facility of up to RM2,500 per hectare or maximum financing of RM50,000 to meet the requirement for the purchase of paddy, seeds, fertilisers, land preparation and other production costs associated with the paddy farming.

Through such financing facility and collaborative schemes, Agrobank contributes significantly to improving the state of national food security and livelihood of paddy farmers in the country, whose income are among the lowest in the agriculture community. The scheme is not only considered as financing for sustainability but also for food sovereignty of the country.

Similarly, our Chilli Fertigation Group Financing scheme promotes and supports sustainable development of agriculture and improves livelihood of the local communities. In 2017, we extended this facility in Selangor and Kelantan through our strategic alliance with the National Farmers Association (NAFAS) where Agrobank provided participants of the chilli fertigation projects financing facilities.

ULASAN PRESTASI OLEH PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY COVERING DUTIES PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Begitu juga dengan skim Pembiayaan Berkelompok Cili Fertigasi yang menggalakkan dan menyokong kemampuan dalam pembangunan bidang pertanian, dan meningkatkan kehidupan komuniti tempatan. Pada tahun 2017, kami telah meluaskan kemudahan ini di Selangor dan Kelantan melalui perikatan strategik dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) di mana Agrobank menawarkan kepada para peserta projek fertigasi cili kemudahan pembiayaan.

Mencipta Nilai untuk Pelanggan

Sebagai IKP, kami berperanan untuk menyokong dan menggalakkan kemajuan ekonomi, sosial dan persekitaran. Kami mencipta nilai melalui penyediaan produk dan perkhidmatan yang membantu masyarakat memperbaiki hidup mereka dan mendorong pertumbuhan ekonomi. Di Agrobank, kami memperkasakan pelanggan kami untuk berada satu langkah di hadapan, dalam kehidupan mereka dan perniagaan mereka. Ini digambarkan melalui rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada pelanggan kami di samping pelbagai inisiatif yang telah kami laksanakan untuk memperkasakan kedudukan ekonomi mereka secara mampan dan berterusan.

Pada tahun ini, kami telah memperkenalkan produk perbankan pengguna keempat kami iaitu Agro Home Financing-i yang bertujuan untuk memudahkan pemilikan rumah bagi komuniti pertanian. Usaha kami tidak terhenti setakat ini sahaja dan di bawah skim tersebut, Bank telah

Customer Value Creation

Our role as a DFI is to support and stimulate economic, social and environmental progress. We create value by providing products and services that help people to improve their lives and fuel economic growth. At Agrobank, we empower people to stay a step ahead in life and in business. This is reflected in the range of financial products and services we offer to our customers as well the various initiatives we have spearheaded to economically empower them in a sustainable, meaningful way.

During the year under review, we introduced our fourth consumer banking product, namely Agro Home Financing-i aimed at facilitating home ownership for the agricultural community. But we didn't stop here. Under this scheme, the Bank introduced the Rumah Bina Negara (RBN) in collaboration with the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), which is aimed at providing affordable housing for those from the second generation of RISDA settlers and to increase their assets while encouraging them to live in the village without migrating to urban areas.

We continued with the expansion of our electronic banking channels with majority of the initiatives in 2017 were concentrated on internet banking drive among business customers. These included promoting the subscription and utilisation of AGRONetBiz business internet banking service as the primary payment and



memperkenalkan projek usaha sama Rumah Bina Negara (RBN) dengan Pihak Berkua Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), yang bermatlamat untuk menyediakan perumahan yang mampu dimiliki kepada generasi kedua penduduk RISDA, dan meningkatkan aset mereka sambil menggalakkan mereka untuk terus menetap di kampung tanpa perlu berhijrah ke kawasan bandar.

Usaha kami diteruskan melalui peluasan saluran perbankan elektronik kami, di mana kebanyakannya inisiatif yang diambil dalam 2017 tertumpu pada usaha menggalakkan penggunaan perbankan Internet di kalangan pelanggan perniagaan. Ini termasuk menggalakkan langganan dan penggunaan perkhidmatan perbankan Internet kami, AGRONetBiz sebagai saluran pembayaran dan pengurusan gaji utama bagi perniagaan, menyepadukan pembayaran bagi badan-badan berkanun; serta pengenalan kemudahan membeli takaful dalam talian. Bagi tahun yang diulas, terdapat peningkatan ketara dari segi bilangan dan nilai urus niaga yang dijalankan melalui perkhidmatan perbankan Internet. Pada tahun 2017, terdapat peningkatan ketara dari segi bilangan dan nilai urus niaga yang dijalankan melalui perkhidmatan perbankan Internet, mencapai RM974.0 juta, naik 122.9% berbanding tahun lepas.

Di Agrobank, kami turut mencipta nilai dengan menggalakkan keusahawanan dan pertumbuhan SME. Pada tahun 2017, pembiayaan mikro bernilai RM269.8 juta telah disediakan untuk usahawan tani. Untuk menyokong aspirasi kerajaan dalam memperkasakan pembangunan usahawan tani, khususnya di kalangan belia, Bank telah mengeluarkan pembiayaan di bawah Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian atau DPUP. Agrobank juga menyedari kepentingan membina keupayaan usahawan tani bagi memastikan mereka memantapkan kemahiran dalam keusahawanan, dan seterusnya mencapai kemampuan perniagaan. Melalui Program Pembangunan Usahawan Tani (ADP), pembinaan keupayaan usahawan merangkumi empat bidang strategik yang penting iaitu Pengurusan Operasi, Pengurusan, Pengurusan Kewangan, dan Pemasaran. Program ini bertujuan untuk memupuk, membangunkan dan membantu usahawan tani memperolehi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, di samping meningkatkan amalan positif dan kemahiran ke arah kecemerlangan perniagaan. Pada tahun 2017, sebanyak 22 sesi latihan ADP telah dianjurkan yang melibatkan 618 peserta dari pelbagai subsektor pertanian.

Untuk menyokong ekonomi digital, BNM telah mempromosikan sistem pembayaran tanpa transaksi tunai. Menurut BNM, nilai per kapita bagi urus niaga pembayaran elektronik adalah 110.6 unit pada tahun 2017, yang meningkat lebih dua kali ganda sejak 2011. Dalam pada itu, nilai bagi urus niaga cek menyusut daripada 4.2 unit per kapita pada tahun 2016 kepada 3.7 unit per kapita pada tahun 2017. Bagi menyokong agenda ini, Agrobank sedang membangunkan aplikasi kad pintar bagi pelajar dan terminal penerimaan pembayaran untuk pelajar universiti yang dijangka akan menukar cara pelajar-pelajar sekolah dan universiti mengakses kemudahan dan perkhidmatan.

Bank juga telah menyempurnakan proses pemindahan daripada kad pembayaran berasaskan tanda tangan kepada kad berasaskan PIN, sejajar dengan inisiatif seluruh industri bagi mematuhi Spesifikasi Kad Cip Malaysia (MCCS). Dengan kad berasaskan PIN baharu ini, pemegang kad kini perlu memasukkan PIN enam digit untuk mengesahkan urus niaga pembayaran kad di semua terminal di tempat jualan (POS), sebagai langkah pencegah untuk menangani masalah penipuan bagi kad yang hilang dan kad yang dicuri.

payroll management channel for businesses, integration of payment to statutory bodies; and the introduction of an online takaful purchase facility. Significant growth in terms of both number and value of transactions made through internet banking services was registered during the year under review. In 2017, the value of banking transactions conducted through internet banking recorded some RM974.0 million, an increase of 122.9% compared to the previous year.

At Agrobank we also create value by fuelling entrepreneurship and growth of SMEs. During 2017, microfinancing worth a total of RM269.8 million was provided to agropreneurs. In support of the government's aspiration to empower the development of agro-entrepreneurs especially among youths, the Bank had disbursed funding under the Dana Pembiayaan Usahawan Pertanian or DPUP. Agrobank, however, recognises the importance of capacity development among agropreneurs to ensure they develop entrepreneurial abilities and, in the process, achieve business sustainability. Through our Agropreneur Development Programme (ADP), capacities of agropreneurs are built in four key strategic areas – Operational, Management, Financial Management, and Marketing. The programme aims to nurture, develop and enable agropreneurs to acquire necessary skills and knowledge as well as enhance positive attitudes and skills towards business excellence. In 2017, a total of 22 ADP training sessions were organised involving 618 participants from various agriculture subsectors.

To embrace the digital economy, BNM is pushing for cashless payment agenda on society. According to BNM, e-payment transaction volume per capita was 110.6 unit in 2017, which has more than doubled since 2011 while cheque volume declined to 3.7 unit per capita in 2017 from 4.2 unit per capita in 2016. In support of this national agenda, Agrobank is embarking on developing a student smart card application and payment acceptance acquiring terminal for university students, which is set to transform the way students at schools and universities access facilities and services.

The Bank also successfully completed the migration exercise from signature to PIN-based payment cards in line with the industry-wide initiative in compliance with the new Malaysian Chip Card Specification (MCCS). With this new PIN-based card, cardholders are now required to enter a six-digit PIN to authenticate payment card transactions at all point-of-sale (POS) terminals. This serves as a pre-emptive measure to combat lost and stolen card fraud.

ULASAN PRESTASI OLEH PENANGGUNG TUGAS PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY COVERING DUTIES PRESIDENT/CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Mencipta Nilai Kemasyarakatan

Kajian seperti rencana “Creating Shared Value” dan “How Great Companies Think Differently”, dalam *Harvard Business Review* menunjukkan bahawa perniagaan bukan sahaja boleh memberi manfaat kepada masyarakat tanpa perlu mengabaikan pertumbuhan, malahan nilai yang dicipta ini akan dipertingkatkan melalui usaha sosial dan kegiatan kemasyarakatan yang dilakukan. Sebagai IKP, kami memahami impak yang kami bawa kepada masyarakat, iaitu secara langsung melalui operasi perniagaan kami dan secara tidak langsung melalui portfolio pembiayaan kami. Pengaruh yang dimiliki ini adalah seiring dengan kepentingan tanggungjawab kami. Di Agrobank, kami percaya penciptaan nilai ekonomi boleh dihasilkan melalui penciptaan nilai kemasyarakatan, dan ini dilaksanakan dengan menawarkan produk kewangan yang memenuhi keperluan segmen masyarakat termasuk yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

Agrobank beriltizam untuk membantu orang ramai memperoleh akses kepada sumber kemahiran, dan menyokong usahawan untuk menggalakkan penciptaan kerja. Melalui program pembiayaan mikro iaitu Agro Teras, Bank menawarkan bantuan kewangan kepada usahawan daripada golongan 40% terbawah dalam kumpulan pendapatan isi rumah (B40) yang terlibat dalam bidang perniagaan pertanian dan asas tani. Berdasarkan kumpulan model setara, Agro Teras menawarkan pembiayaan menurut fasa, bermula dari serendah RM1,000 dan beransur-ansur ke RM30,000, mengikut kemampuan dan rekod pemohon.

Pada tahun 2017, Agrobank telah melancarkan skim takaful Agro Nurani untuk orang kurang upaya (OKU). Saya berbangga untuk menyatakan bahawa skim jenis ini adalah yang pertama diperkenalkan di Malaysia. Komitmen Bank terhadap penciptaan nilai untuk masyarakat di mana ia berkhidmat telah diiktiraf baru-baru ini dengan pemilihan Pelan Takaful *Family Life* kami yang dikenali sebagai Takaful Mabrur-i oleh BNM untuk menyertai skim Perlindungan Tenang. Bersandarkan tiga kriteria asas iaitu kemampuan, akses dan mudah untuk difahami, Perlindungan Tenang merupakan inisiatif negara untuk meningkatkan kewangan terangkum bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan bank di Malaysia, terutamanya golongan 40% terbawah dalam segmen isi rumah. Bersandarkan tiga kriteria asas iaitu mampu dimiliki, mudah diakses, dan senang difahami, skim Perlindungan Tenang merupakan inisiatif negara untuk meningkatkan kewangan terangkum bagi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan perbankan di Malaysia, khususnya golongan 40% terbawah bagi isi rumah.

Creating Societal Value

Numerous studies, such as the Harvard Business Review articles “Creating Shared Value” and “How Great Companies Think Differently,” show that not only can a business do good for society without sacrificing growth, but in fact the value created over time is significantly enhanced by a clear sense of social mission and intentional community investments. As a DFI, we understand that we have a broad impact on society, both directly through our own business operations and indirectly through our financing portfolio. And with this influence comes responsibility. At Agrobank we believe in creating economic value by creating societal value. This is done by offering financial products that caters to the needs of the unserved and underserved segments of the society.

Agrobank is committed to helping people gain access to skills, and supporting entrepreneurs to drive job creation. Through our micro financing programme – Agro Teras, the Bank provides financial assistance to entrepreneurs from the bottom 40% of household income (B40) involved in agriculture and agro-based business. Based on peer model group, Agro Teras offers funding in phases, starting from as low as RM1,000 and can gradually be increased up to RM30,000 based on the applicant's affordability and records.

In 2017, Agrobank launched the Agro Nurani takaful scheme coverage for persons with disabilities (PWD). I am proud to share that this is a first of a kind protection in Malaysia. The Bank's commitment to create value to the society it serves was recognised recently when our Family Life Takaful Plan known as Takaful Mabrur-i was chosen by BNM to carry the Perlindungan Tenang logo. Riding on three basic criteria of being affordable, accessible and easy to understand, Perlindungan Tenang is a national initiative to enhance financial inclusion of underserved segments in Malaysia, particularly the bottom 40% of households.

Agrobank supports the development of a financial system which delivers real value to the society by addressing the barriers of inclusiveness and affordability. Towards this end, the Bank remains steadfast committed to creating value through financial inclusion. In 2017, we expanded our agent banking network with the addition of 304 new AGROAgents, making up a total of 764 agents nationwide.

01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

Agrobank menyokong kemajuan dalam sistem kewangan yang merealisasikan nilai kepada masyarakat walaupun menghadapi halangan yang wujud dari segi keterangkuman kewangan dan kemampuan. Bank telah komited untuk menjayakan agenda keterangkuman kewangan ini agar perkhidmatan Bank dinikmati segenap lapisan masyarakat. Pada tahun 2017, kami telah meluaskan rangkaian ejen kami melalui penambahan 304 Ejen Perbankan (AGROAgent) baharu, sekaligus menjadikan jumlah Ejen Perbankan kepada 764 orang di seluruh negara.

Menambahkan Nilai dalam Persekutaran

Antara cabaran paling rumit pada hari ini adalah isu pemeliharaan alam sekitar dan iklim. Isu ini diambil kira dalam kesemua aspek perniagaan kami. Salah satu cara Agrobank menyokong *Sustainable Development Goals* (SDGs) adalah melalui pemberian sokongan kepada inisiatif yang tertumpu pada kemampuan. Kami akan terus mengkaji dan memperbaiki tumpuan utama kami dalam memperluaskan akses pembiayaan kepada segmen sosial dan alam sekitar, membina kemahiran, dan menyokong usaha pemerkasaan. Pada tahun 2017, kami telah meningkatkan kemampuan dalam perniagaan bank serta mengambil kira keperluan persekitaran dan sosial dalam meluluskan semua urus niaga dan produk kami.

Penerapan prinsip-prinsip VBI ke dalam DNA Bank mendorong Agrobank untuk menjalankan tanggungjawab sosial dan persekitaran sebagai entiti kewangan yang bertanggungjawab. Dari sudut ini, kami telah melaksanakan *Environment Impact Assessment* (EIA) sebagai medium untuk menilai permohonan pembiayaan.

Menurut kajian dan laporan tentang Generasi Y atau Generasi Milenium, golongan ini mempunyai definisi kerja yang berlainan daripada generasi sebelumnya. Berbanding ganjaran kewangan, insentif bukan kewangan didapati lebih berkesan untuk menarik dan mengekalkan bakat muda daripada generasi ini. Berdasarkan kajian oleh McKinsey, kakitangan daripada generasi milenium didapati lebih terbuka untuk menerima projek CSR berbanding kumpulan umur lain. Di samping itu, lebih daripada separuh kumpulan yang mementingkan kemampunan produk dan menyertai syarikat-syarikat dengan reputasi CSR yang baik, berasal daripada generasi milenium. Menyedari kepentingan kerja CSR bagi kumpulan kakitangan ini, Agrobank menyokong usaha Agrobankers kami, terutamanya siswazah YTP, yang seterusnya akan membawa manfaat kepada komuniti sekeliling. Contohnya, siswazah YTP kami telah menganjurkan projek CSR mereka sendiri di Kampung Orang Asli Sungai Gabai, yang merangkumi pengajaran asas-asas kebersihan diri kepada masyarakat asli yang tinggal di sana. Sumbangan turut dikumpulkan daripada Agrobankers lain di mana hasilnya telah disalurkan untuk membeli salah satu produk takaful Bank iaitu Takaful Kasih bagi komuniti di Sungai Gabai. Kejayaan program YTP kami jelas dicerminkan melalui penyertaan yang tinggi oleh golongan siswazah yang telah menjalani program ini.

Bagi kami, pendidikan boleh mengilhamkan golongan muda untuk membina masa hadapan yang lebih cerah buat diri mereka dan komuniti mereka. Dalam usaha kami untuk memupuk pemimpin masa hadapan, Agrobank telah melaksanakan Program Anugerah Biasiswa (SAP) yang bermatlamat untuk membangunkan memupuk, dan menghasilkan warga Malaysia yang cemerlang dan berbakat demi masa hadapan negara. Melalui biasiswa ini, warga belia Malaysia yang berbakat diberikan peluang untuk mengembangkan potensi penuh mereka, memenuhi aspirasi mereka, dan menyumbang ke arah pembangunan negara. Pada tahun 2017, kami telah meluluskan sejumlah RM98,449.50 dalam pemberian biasiswa kepada warga Malaysia yang berkelayakan, untuk menjalani program ijazah di institusi pengajian tinggi tempatan.

Various studies and reports on Gen-Ys or Millennials have shown that work doesn't define them to the same degree as the previous generations. Non-financial incentives are more effective than financial rewards in attracting and retaining young talents. In a McKinsey survey, Millennials employees were reported to be significantly more receptive than other age groups to CSR projects and of those who demanded sustainable products and joined companies with a CSR reputation, more than half were millennials. Understanding how important CSR work is for these cohorts of employees, Agrobank supports the volunteering efforts of our Agrobankers, especially our YTP graduates, which in turn benefit communities around us. For example, our YTP graduates organised their own CSR project at the Kampung Orang Asli Sungai Gabai, which included teaching basic personal hygiene to the indigenous people living there. They also collected donations from other Agrobankers and proceeds were used to purchase one of the Bank's takaful product, i.e. Takaful Kasih for the community in Sungai Gabai. The success of our YTP is reflected in the high retention rate of graduates who have undergone the programme.

We believe that education can inspire young minds into building better futures for themselves and the community around them. In our efforts to nurture future leaders, Agrobank established the Scholarship Award Programme (SAP) aimed to develop, nurture and raise excellent talented Malaysians of the future. Through this scholarship, aspiring young Malaysians are given the opportunity to develop their full potential, fulfill their aspirations, and contribute towards the nation's development. During the year under review, we have disbursed a total of RM 98,449.50 worth of scholarships to eligible Malaysians who are pursuing their degree programme in local institutions of higher learning.

WARGA KERJA KAMI ADALAH ASET BAGI KAMI OUR PEOPLE, OUR ASSET



4

MAJIKAN PILIHAN EMPLOYER OF CHOICE

Pada tahun 2017, strategi utama kami tetap tertumpu pada usaha membangunkan dan mengukuhkan penjenamaan majikan bagi memastikan kami terus menarik bakat baru, dan pembangunan modal insan berkembang menurut keperluan pasaran di mana kami berkhidmat. Salah satu usaha untuk meletakkan Agrobank sebagai majikan pilihan adalah dengan memperkuuhkan nilai-nilai teras dalam jenama kami. Dengan itu, kami telah merumus Proposisi Nilai Kakitangan (EVP) bertemakan ‘Pertumbuhan & Pembangunan Kerjaya’, yang menggambarkan tujuan kami dan bagaimana kami mahu dikenali sebagai majikan. Ia turut merangkumi ikrar kami untuk menyediakan semua kakitangan dengan peluang untuk mencapai potensi penuh mereka pada setiap pencapaian penting dalam perjalanan kerjaya mereka.

Kakitangan kami bekerja dalam persekitaran yang mendorong pencapaian prestasi tinggi dan memperkasakan setiap individu untuk bekerja secara inovatif dalam menghasilkan nilai di tempat kerja dan dalam komuniti di mana kami berkhidmat. Untuk menarik individu yang berfikiran tinggi, bakat-bakat ini perlu dimaklumkan tentang pembabitan mereka dalam organisasi yang menggalakkan perkembangan mereka. Bekerja di Agrobank memberikan ganjaran yang melebihi setakat makan gaji sahaja kerana ia turut merangkumi pembangunan kerjaya, pengiktirafan, peluang serantau dan pusingan kerja.

Keupayaan bank untuk menarik bakat-bakat cemerlang untuk menyertai Bank jelas terbukti melalui kedudukannya pada hari ini di mana Agrobank berdiri megah di kalangan gergasi lain dalam industri perkhidmatan kewangan. Kejayaan ini dicapai melalui penempatan dan pelaksanaan EVP yang telah dirangka dengan baik. Dalam pada itu, kami juga menawarkan peluang kerjaya yang baik buat warga kerja kami dengan memetakan profil dan kecekapan mereka, untuk disesuaikan dengan peluang kerja yang baik. Pada tahun 2017, usaha kami dalam penjenamaan majikan telah diiktiraf apabila kedudukan Agrobank meningkat dalam senarai *Malaysia's 100 Leading Graduate Employers* daripada tangga ke-44 pada tahun 2016 kepada tangga ke-38 pada tahun 2017. Pencapaian penting ini telah berjaya dizahirkan bersandarkan usaha bersama setiap Agrobankers. Dalam usaha menempatkan jenama Agrobank di landasan yang lebih cemerlang dan kukuh, Bank telah pun menetapkan kedudukannya sebagai majikan pilihan dengan bekalan bakat yang tersedia untuk dimanfaatkan dalam perjalanan kami untuk menjadi bank terkemuka dengan tumpuan pada bidang pertanian.

Our key strategy in 2017 continued to focus on developing a strong employer branding approach to ensure that we continue to attract new talent and that our human capital development progresses in accordance with the needs of the markets we are serving. One of our efforts to make Agrobank a distinctive workplace of choice is through strengthening our core brand values. In doing so we established our Employee Value Proposition (EVP) tagged 'Career Growth & Development', which is a statement of intent and sums up what we want to be known for as an employer. It also embodies the promise that at Agrobank, we will provide all employees with opportunities to reach their full potential at each milestone of their professional journey.

Our employees work in an environment that nurtures high performance and empowers every individual to innovate and deliver value in the workplace and in the community we serve. To attract the best minds, talented people need to know they will be part of an organisation where they can grow. Working in Agrobank is rewarding beyond the financial remuneration; it is also about career development, recognition, regional opportunities and job rotation.

Today, Agrobank stands tall amongst the giants of the financial services industry, evidenced by the Bank's ability to attract good talents to join the Bank. This enhanced brand visibility came about with a well-designed EVP put in place and well implemented. At the same time, we offer good career tracks for our people by mapping their profile and competencies and mapping these with the right job prospective. Our employer branding efforts were recognised in 2017 when we moved up the Malaysia's 100 Leading Graduate Employers ranking from number 44 in 2016 to 38th place in 2017. This milestone was made possible by the collective effort of every single Agrobankers. As the Agrobank brand continues to prosper and gain solid visibility, the Bank has established itself as an employer of choice and has a rich pool of ready and talented candidates to draw upon as we grow to become a leading bank with a focus on agriculture.

01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06



5

KESEJAHTERAAN DAN PEMBABITAN KAKITANGAN EMPLOYEE WELL BEING AND ENGAGEMENT

Dalam usaha meningkatkan budaya kerja di Agrobank untuk menjadikannya tempat kerja yang sihat dan produktif, pembabitan kakitangan dijadikan kepentingan utama. Kejayaan jangka panjang bagi Bank bergantung pada kakitangan yang memahami dan terlibat dalam pelaksanaan strategi jangka panjang kami, dan yang mempunyai pertalian dengan organisasi. Untuk menggalakkan pembabitan yang tinggi, kami mengadakan kaji selidik bagi kakitangan kami setiap tahun, dan menanda aras prestasi kami dengan prestasi organisasi lain. Kaji selidik Pembabitan Kakitangan kami bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada semua kakitangan tentang semua aspek dalam kerja mereka. Proses ini membantu kami untuk menangani halangan terhadap prestasi yang berkesan, memperluaskan inisiatif yang berjaya, dan meningkatkan pembabitan Agrobanks dengan Bank dan visi masa hadapan. Tahun ke tahun, penglibatan kakitangan kekal tinggi. Kami mencatatkan markah purata 79% sepanjang 2 tahun lepas, yang merupakan petanda baik dari segi pembabitan kakitangan.

Satu lagi komponen penting dalam memastikan kami mengekalkan penglibatan dan tahap motivasi warga kerja kami adalah melalui penyediaan persekitaran kerja yang kondusif dan menggalakkan, dengan tumpuan pada kesihatan mental dan fizikal. Mewujudkan budaya kerja yang selamat dan kondusif sentiasa menjadi keutamaan bagi Bank, dan ini dicerminkan melalui penekanan ke atas dasar Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH) bagi Bank.

Ibu Pejabat (HQ), pejabat-pejabat wilayah, cawangan-cawangan dan kios-kios kami telah melantik Warden Tingkat yang berkelayakan untuk memberi bantuan kecemasan dan bertanggungjawab untuk memastikan pemindahan keluar secara selamat dan menepati masa, dalam keadaan kemalangan atau kecemasan. Selain daripada Jawatankuasa OSH utama di HQ, Jawatankuasa kecil OSH turut ditubuhkan di setiap pejabat wilayah. Manual OSH kami telah disemak menurut peraturan terkini dan meliputi semua pihak termasuk kumpulan bukan kakitangan, pelawat dan orang awam. Manual OSH membentuk sebahagian daripada program OSH di Agrobank, dan ia dirangka untuk menggalakkan, mendidik, mengenal pasti, dan mengawal perkara keselamatan di tempat kerja, yang mengambil kira keutamaan dan sumber di tempat kerja sambil memenuhi kewajipan berkanun minimum.

Program kawalan bahaya di tempat kerja kami mengutamakan latihan dan pengetahuan OSH, di mana latihan tentang kesihatan dan keselamatan disediakan kepada semua Agrobanks secara berkala dan mereka turut dibekalkan dengan pengetahuan asas dalam OSH melalui platform latihan e-pembelajaran OSH. Sebagai langkah mandatori, kajian ergonomik telah dijalankan untuk memperbaiki persekitaran di tempat kerja dan memastikan penempatan amalan-amalan terbaik.

Employee engagement is a key priority in enhancing our work culture and making Agrobank a vibrant and productive work place. The Bank's long-term success depends on employees who understand and are engaged in our long-term strategy, and who feel a personal connection to the organisation. To promote strong engagement, we survey our employees annually and benchmark our performance against peer organisations. Our Employee Engagement Survey solicits confidential feedback from all employees on all aspects of their jobs. This process helps us address barriers to effective performance, expand on successful initiatives, and improve our employees' engagement with the Bank and our compelling vision for the future. Year-on-year, employee engagement remains high. We recorded an average score of 79% over the last 2 years, which bodes well in terms of employee engagement.

Another key component to ensure that we are able to keep our people engaged and motivated is to provide a conducive and nurturing work environment, with a focus on mental and physical health. Creating a safe and conducive working culture has always been the Bank's top priority and this is manifested in the importance given to the Occupational Safety & Health (OSH) policy of the Bank.

Our HQ, regional offices, branches and kiosks have dedicated Floor Wardens who have been equipped with basic first aid training and are responsible to ensure the safe, timely evacuation of all persons in the event of accidents or emergencies. Apart from the main OSH Committee at HQ, OSH Sub-Committee was also set up at each regional office. Our OSH Manual was revised according to latest regulations and covers all parties including non-employees, visitor and public. Formed as part of Agrobank's OSH programme, the OSH Manual is designed to promote, educate, identify and control workplace safety matters, which takes into account workplace priorities and resources, while meeting the minimum statutory obligations.

OSH training and knowledge remains a fundamental element in workplace hazard control programmes. Regular health and safety training is made available to all Agrobanks and they are equipped with basic OSH knowledge via the OSH e-Learning training platform. Apart from mandatory requirement, an ergonomics study was carried out to improve the workplace environment and ensure best practices are in place.

ULASAN PRESTASI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

ECONOMIC AND BUSINESS PERFORMANCE REVIEW

Tinjauan Ekonomi

Tahun 2017 menyaksikan kebangkitan pertumbuhan ekonomi dunia dan dagangan global. Ekonomi global mencatatkan pertumbuhan rancak serta tahap inflasi dan ketidakstabilan yang rendah bagi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8% yakni peningkatan tertinggi sejak 2011. Antara faktor unik yang menyumbang kepada pertumbuhan ini adalah penstabilan harga tenaga dan harga komoditi, keyakinan perniagaan dan pengguna yang lebih baik, pemulihan kitaran ekonomi di Eropah, dan rangsangan pertumbuhan China yang didorong oleh dasar yang dipraktikkannya.

Perdagangan global yang mencatatkan perkembangan pada anggaran 4.9% juga bergerak selari dengan lonjakan ekonomi pada tahun 2017. Pertumbuhan ini dapat dilihat lebih ketara di pasaran yang baru muncul dan ekonomi sedang membangun, mencerminkan kadar pertumbuhan pelaburan yang semakin meningkat di negara-negara pengeksport komoditi, di samping pemulihan dalam pelaburan ekonomi maju serta pengukuhan permintaan domestik. Menurut anggaran IMF, Asia mencatatkan sumbangan sebanyak 55% kepada pertumbuhan ekonomi global, menjadikannya sebagai pemain utama dalam ekonomi dunia pada tahun 2017. Dua gergasi Asia, iaitu China dan India, masing-masing menyumbang sebanyak 49% dan 20% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Asia.

Sebagai sebuah negara pedagang, Malaysia bakal mendapat manfaat daripada pemulihan dalam permintaan global. Dipandu oleh permintaan domestik yang kukuh dan persekitaran luar yang positif, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan mantap pada 5.9%, yakni sedikit melebihi jangkaan pasaran iaitu di antara 5.2% dan 5.7%. Sorotan utama untuk tahun 2017 adalah peningkatan dalam eksport barang elektrik dan elektronik (E&E). Ini termasuk kebangkitan dalam harga komoditi utama dan ringgit yang lemah, yang seterusnya menghasilkan harga eksport yang lebih rendah, telah meningkatkan kadar eksport Malaysia sehingga 19% kepada RM935.4 bilion pada tahun 2017, yakni pertumbuhan paling kukuh sejak 2005. Permintaan domestik menjadi pemandu utama yang mendorong pertumbuhan sepanjang tahun 2017, lanjutan kesan daripada prestasi perniagaan dan sentimen isi rumah yang lebih baik.

Jangkaan Ekonomi

Selepas melangkaui jangkaan pada tahun 2017, ekonomi global dijangka akan meneruskan momentumnya sehingga 2018 disokong oleh pemulihan global segerak, pasaran kewangan dan dagangan yang aktif, dan penyusunan semula cukai AS. IMF meramalkan pertumbuhan global sebanyak 3.9% manakala pertumbuhan dagangan global sebanyak 5.1%. Ekonomi Asia baru muncul, yang diramal

Economic Review

2017 was a year of resurgence of growth in the world economy and global trade. The global economy rode a wave of synchronous growth, low inflation and low volatility to record 3.8% growth, its best performance since 2011. The growth uptick reflects a combination of unique events, including the stabilisation of energy and commodities prices, improved business and consumer confidence, a cyclical recovery in Europe, and China's policy-driven growth stimulus.

In parallel, global trade saw a significant rebound in 2017, growing at an estimated rate of 4.9%. The upsurge was more pronounced in emerging markets and developing economies, reflecting improved investment growth rates in formerly stressed commodity exporter countries as well as the recovery in investments and stronger domestic demand in advanced economies. According to International Monetary Fund (IMF) estimates, Asia contributed 55% to global growth in 2017, making its mark as a significant player in the world economy. The two giants of Asia - China and India, contributed 49% and 20% to Asia's total Gross Domestic Product (GDP), respectively.

As a trading nation, Malaysia stood to benefit from the recovery in global demand. Anchored by resilient domestic demand amid favourable external environment, the Malaysian economy recorded a robust growth of 5.9%, which is slightly above market expectations of between 5.2% and 5.7%. A key highlight for the year was the upswing in exports of electrical and electronics (E&E). Together with a rebound in major commodity prices and a weak ringgit, which translated into relatively cheaper export prices; Malaysia's exports increased by 19% to RM935.4 billion in 2017, the strongest growth since 2005. Domestic demand took centre stage in fuelling growth during the year, following the spill over effects of improved business and household sentiments.

Economic Outlook

After exceeding expectations in 2017, the global economy is projected to carry forward its current momentum through 2018 riding on synchronised global recovery, buoyant trade and financial markets, and US tax reforms. The IMF forecasts a 3.9% global growth while global trade growth is projected at 5.1%. Emerging Asia, forecasted to continue growing at about 6.5% during 2018, will remain the most important engine of global growth. Malaysia's growth, on the other hand, is projected to grow at 5.0%-5.5% in 2018, to be driven by a resilient private consumption growth and reinforced with moderate export growth, moderating from a high base of 5.9% growth in 2017.

01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

akan terus bertumbuh pada kadar 6.5% sepanjang tempoh 2018, akan kekal sebagai jentera paling penting dalam pertumbuhan global. Pertumbuhan Malaysia pula dijangka akan tumbuh pada kadar 5.0%-5.5% pada tahun 2018, yang akan dipandu oleh pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta dan diperkuuhkan dengan pertumbuhan eksport yang sederhana, dikawal oleh asas pertumbuhan yang tinggi sebanyak 5.9% pada tahun 2017.

Dengan jangkaan ekonomi dunia yang optimistik pada tahun 2018, pertumbuhan eksport keseluruhan Malaysia dijangka terkawal pada 7.4% pada tahun 2018 (2017: 18.9%). Mewakili 81% daripada eksport Malaysia, eksport barang kilang dijangka meningkat sehingga 8.2% pada tahun 2018. Pada tahun 2018, sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK iaitu 54.5%, dijangka meningkat sehingga 6.4% (2017: 6.2%). Sektor-sektor kecil perkhidmatan yang dijangka mengalami pertumbuhan pesat termasuk perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), makanan & minuman dan penginapan, serta dagangan borong dan runcit. Sektor pembuatan dijangka meningkat sehingga 5.1% pada tahun 2018 (2017: 6.0%), didorong oleh industri elektronik, petroleum ditapis, produk-produk getah serta produk-produk kayu dan sebagainya.

Permintaan domestik dijangka kekal menjadi jentera pertumbuhan Malaysia pada tahun 2018, dengan unjuran pertumbuhan sebanyak 5.2% bagi menyumbang lebih kurang 90% kepada KDNK pada tahun 2018. Keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan peningkatan gaji dalam industri pembuatan akan terus mendorong perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan pengguna dijangka akan terus meningkat didorong oleh potongan dalam cukai pendapatan peribadi dan beberapa langkah-langkah yang dicadangkan dalam Belanjawan 2018 yang mana berpotensi besar meningkatkan purata pendapatan isi rumah boleh guna. Langkah-langkah ini termasuk penyediaan belanjawan sebanyak RM6.5 bilion bagi membangunkan infrastruktur luar bandar, pengurangan cukai pendapatan untuk isi rumah berpendapatan sederhana (M40) selain program-program peningkatan kebajikan yang disasarkan kepada segmen pendapatan rendah dan sederhana. Peningkatan purata pendapatan pekerja menjadi agenda utama kerajaan dalam memastikan kuasa beli mengatasi peningkatan inflasi.

With a cautiously optimistic outlook for the world economy in 2018, Malaysia's total export growth is expected to moderate to about 7.4% in 2018 (2017: 18.9%). Representing 81% of Malaysia's exports, manufactured exports are predicted to grow by 8.2% in 2018. In 2018, the services sector, which is the largest contributor to GDP at 54.5% share, is projected to grow by 6.4% (2017: 6.2%). Services subsectors that are expected to show rapid growth include information and communications technology services (ICT), food and beverages, accommodation and wholesale and retail trade. The manufacturing sector is forecasted to grow by 5.1% in 2018 (2017: 6.0%), to be boosted by industries such as electronics, refined petroleum, rubber products and wood products.

Domestic demand is expected to remain the engine of Malaysia's growth in 2018, and is forecasted to grow 5.2% to contribute about 90% to GDP in 2018. Improving labour market conditions and rising manufacturing wages should continue to support household spending. Consumer spending is likely to further improve, underpinned by the cut in personal income tax and several measures proposed during the Budget 2018 as they are likely to increase the average household disposable income. These measures include a RM6.5 billion budget to develop rural infrastructure, reduction of income tax for mid-range income households (M40) as well as welfare enhancement programmes targeted at the lower- and middle-income segments. Raising the average income of workers has been a notable government agenda to ensure that purchasing power exceeds the rise in inflation.

Moving towards normalising profit rates after a prolonged period of low rates, Bank Negara Malaysia (BNM) raised the Overnight Policy Rate (OPR) to 3.25% on 25 January 2018, from 3.00% previously, amid a firm growth momentum. While high fuel prices have contributed to inflation, the above average growth has also spurred demand-driven inflation. This would lead to higher household debt servicing and could potentially nudge the impairment rate up for vulnerable households.



ULASAN EKONOMI ECONOMIC REVIEW

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak

Malaysian economy registered a commendable growth of

5.9%

Peningkatan eksport Malaysia
Growth in Malaysian exports

19.0%

Pertumbuhan sektor pertanian
Growth in agriculture sector

7.2%

Pertumbuhan sektor kelapa sawit
Growth in palm oil sector

16.0%

ULASAN PRESTASI EKONOMI DAN PERNIAGAAN ECONOMIC AND BUSINESS PERFORMANCE REVIEW

Ke arah menstabilkan kadar keuntungan keuntungan setelah tempoh panjang berkadar rendah, BNM telah menaikkan OPR kepada 3.25% pada 25 Januari 2018, dari 3.00% sebelum ini, berlandaskan momentum pertumbuhan yang kukuh. Selain harga bahan api yang tinggi, pertumbuhan luar biasa juga telah menyumbang kepada peningkatan inflasi yang didorong oleh permintaan. Kesannya, hutang isi rumah akan meningkat lebih tinggi dan berpotensi melonjakkan kemerosotan untuk isi rumah yang berisiko.

Dengan perolehan yang lebih tinggi daripada industri minyak dan gas, inisiatif-inisiatif yang boleh dikembangkan dalam Belanjawan 2018 akan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2018. Projek-projek infrastruktur yang sedang berjalan akan menampung aktiviti ekonomi manakala pertumbuhan dalam perbelanjaan sektor swasta dijangka akan didorong oleh penghapusan GST di sebalik pertumbuhan gaji yang sederhana dan keadaan pasaran buruh yang stabil.

Prestasi ekonomi Malaysia akan terus berhadapan dengan cabaran terutamanya akibat perkembangan semasa di seluruh dunia. Pengukuran polisi monetari di AS, dengan jangkaan dua lagi kenaikan kadar pada tahun 2018, akan terus menyebabkan ketidaktentuan dan ketidakstabilan dalam pergerakan modal, mencetuskan turun naik kadar tukaran di pasaran baru muncul. Pasaran kewangan Malaysia kekal berdaya tahan untuk menahan aliran keluar dana antarabangsa yang besar. Rizab antarabangsa BNM yang kekal melebihi AS\$100 bilion memberikan kestabilan yang lebih kukuh terhadap pergerakan jangka pendek dana antarabangsa yang tidak menentu. Konflik geopolitik melibatkan Kora Utara pula dijangka menghasilkan perkembangan yang positif.

Ketegangan perdagangan antara China dan AS mampu mengganggu aktiviti perdagangan global sehingga memberikan kesan kepada pertumbuhan global. Hubungan Malaysia dan China sebagai rakan dagangan terbesar negara, yang menyumbang 16.4% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2017, boleh menyebabkan aktiviti eksport Malaysia terjejas disebabkan konflik perdagangan global. Selain itu, AS juga merupakan antara pasaran eksport yang cukup penting untuk Malaysia, berjumlah RM88.7 billion pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, pasaran eksport Malaysia yang pelbagai berfungsi sebagai penampang dalam menghadapi ketidaktentuan dalam perdagangan global.

Tinjauan dan Jangkaan Pertanian

Sektor pertanian berjaya mengatasi sektor-sektor lain dengan catatan kadar pertumbuhan sebanyak 7.2% pada tahun 2017 berbanding pengurunan sebanyak 5.1% pada tahun 2016. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh peningkatan dalam pengeluaran kelapa sawit mentah (CPO), berikutan pemuliharan tanaman dari kesan El Nino pada tahun 2016, di mana kelapa sawit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16% dan ditampung



With higher revenues from oil and gas, the mildly expansionary Budget 2018 initiatives would contribute positively towards economic growth in 2018. On-going infrastructure projects would sustain economic activity while private consumption growth is expected to be spurred by the removal of GST amid modest wage growth and stable labour market conditions.

Malaysia's economic performance will continue to face challenges especially from developments around the globe. Monetary tightening in the US, potentially with two more rate hikes in 2018, would continue to raise uncertainty and lead to unstable capital movements, triggering exchange rate volatility in emerging markets. Malaysia's financial market has remained resilient to withstand large outflows of foreign funds. BNM's foreign reserves, which remained above US\$100 billion, have provided greater stability against the unpredictable movements of short-term foreign funds. Geopolitical conflict related to North Korea appears to be heading towards positive developments.

Trade tensions between China and US could disrupt global trading activities and impact on global growth. Being an open economy linked to the global value chain, Malaysia's exports could be affected by the global trade conflict as China is our largest trading partner, contributing 16.4% of total trade in 2017. The US is also a significant export market for Malaysia, receiving RM88.7 billion of Malaysia's exports in 2017. Nonetheless, Malaysia's highly diversified export markets would serve as a buffer during uncertain times in global trade.

Agricultural Review and Outlook

The agriculture sector outperformed other sectors, after recording a growth rate of 7.2% in 2017 from a contraction of 5.1% in 2016. Growth was driven mainly by a turnaround in crude palm oil (CPO) production,

oleh kenaikan 2% dalam sektor kecil agromakanan. Pada tahun 2017, KDNK sektor pertanian dinilai pada RM95.9 bilion. Sektor pertanian telah menyumbang 8.2% daripada KDNK Malaysia yang berjumlah RM1,174.3 bilion pada tahun 2017.

Kelapa sawit menyumbang 46.6% (atau RM44.7 bilion) kepada sektor pertanian, iaitu yang terbesar di antara semua sub-sektor, diikuti tanaman makanan (18.6% atau RM17.8 bilion) dan ternakan (11.4% atau RM11.0 bilion). Dari segi kadar pertumbuhan, sub-sektor ternakan meningkat paling pesat di antara tahun 2010 dan 2017 dengan pertumbuhan purata tahun-ke-tahun sebanyak 6.7%, diikuti tanaman makanan sebanyak 5.7%. Sebaliknya, sub-sektor perhutanan dan pembalakan serta sub-sektor getah mengalami penurunan di antara tahun 2010 dan 2017, masing-masing dengan penurunan purata tahun-ke-tahun sebanyak -6.1% dan -2.8%.

Pada tahun 2018, sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.0% hingga 3.0% kerana pengeluaran CPO dijangka stabil berikutan pemuliharan luar biasa daripada kesan El Nino pada tahun 2017. Segmen agromakanan dijangka meningkat sebanyak 3% hingga 4% pada tahun 2018, dengan sumbangan positif daripada sektor-sektor kecil ternakan dan tanaman makanan selain permintaan berterusan daripada populasi yang semakin meningkat. Selepas membangun kukuh pada tahun 2017 (10.9%), eksport pertanian dijangka meningkat pada kadar 1.8% pada tahun 2018, dengan nilai eksport kelapa sawit diunjur meningkat sebanyak 2.6%, disokong oleh permintaan daripada negara-negara membangun seperti China, India, Turki dan Pakistan. Industri pemprosesan makanan dijangka meningkat sebanyak 6.3% pada tahun 2018 manakala industri minuman dijangka meningkat sebanyak 9.2%, dipacu oleh permintaan daripada pengguna domestik.

Sektor pertanian kekal sebagai sektor penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat luar bandar dan ke arah mencapai matlamat jaminan bekalan makanan negara. Pada tahun 2017, pihak Kerajaan telah mengumumkan pelbagai insentif dan pembiayaan untuk individu dan perniagaan yang terlibat di dalam sektor pertanian. Semasa pelancaran Hari Petani, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2017, peruntukan sebanyak RM7 juta telah diumumkan oleh pihak Kerajaan untuk persatuan penternak dan nelayan kawasan.

as yields recovered from the adverse El Nino effects in 2016, where palm oil recorded a 16% growth and supported by a 2% rise in agrofood subsector. In 2017, the GDP of the agriculture sector was valued at RM95.9 billion. The agriculture sector contributed 8.2% to Malaysia's GDP of RM1,174.3 billion in 2017.

The palm oil sector contributed 46.6% (or RM44.7 billion) to the agriculture sector, the largest among all subsectors, followed by food crops (18.6% or RM17.8 billion) and livestock (11.4% or RM11.0 billion). In terms of growth rate, the livestock subsector grew the fastest between 2010 and 2017 with an average year-on-year growth of 6.7%, followed by food crops at 5.7%. Conversely, the forestry and logging subsector and the rubber subsector experienced a decline between 2010 and 2017, with an average year-on-year decline of -6.1% and -2.8% respectively.

In 2018, the agriculture sector is expected to register a more moderate growth of 2.0% to 3.0% as CPO production is expected to normalise following the exceptional post-El Nino rebound in 2017. The agrofood segment is projected to grow by 3% to 4% in 2018, with positive contribution from livestock and food crops subsectors on the back of sustained demand from a growing population. After rising strongly in 2017 (10.9%), agriculture exports are anticipated to ease to a 1.8% growth in 2018, with palm oil export value projected to grow by 2.6%, to be supported by demand from developing countries such as China, India, Turkey and Pakistan. Food processing industry is expected to grow by 6.3% in 2018 while beverage industry may expand by 9.2%, to be driven by demand from domestic consumption.

The agriculture sector remains as an important sector to Malaysia's economic development, particularly in providing employment to the rural community and towards achieving the national food security objectives. In 2017, the Government announced a range of incentives and funding to individuals and businesses involved in the agricultural sector. During the launching of the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day 2017, a RM7 million allocation was announced by the Government for livestock breeders and fishermen's association.



Selepas meningkat kukuh pada tahun 2017 (10.9%), eksport pertanian dijangka meningkat pada kadar 1.8% pada tahun 2018, dengan nilai eksport kelapa sawit diunjur meningkat sebanyak 2.6%, industri pemprosesan makanan dijangka meningkat sebanyak 6.3% dan industri minuman dijangka meningkat sebanyak 9.2%, dipacu oleh permintaan daripada pengguna domestik.

After rising strongly in 2017 (10.9%), agriculture exports are anticipated to ease to a 1.8% growth in 2018, with palm oil export value projected to grow by 2.6%, food processing industry by 6.3% and beverage industry by 9.2%; to be driven by demand from domestic consumption.



Purata pertumbuhan tahun-ke-tahun bagi subsektor ternakan
Average year-on-year growth of livestock subsector

6.7%
2010-2017

ULASAN PRESTASI EKONOMI DAN PERNIAGAAN ECONOMIC AND BUSINESS PERFORMANCE REVIEW

Belanjawan 2018 juga merangkumkan pemberian geran dan lain-lain sokongan negeri untuk industri pertanian, makanan dan halal. Berikut adalah sorotan daripada belanjawan tersebut yang merujuk kepada sektor pertanian dan yang berkaitan dengannya:

- Perbelanjaan pembangunan untuk pertanian dan luar bandar ditingkatkan sebanyak 4.4% kepada RM2.5 bilion pada tahun 2018 untuk tujuan pembinaan kapasiti pertanian masa hadapan bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi.
- Peruntukan incentif sebanyak RM2.3 bilion bagi menyediakan bantuan dan incentif seperti baja dan input untuk penuai padi, pengusaha kecil getah dan nelayan.
- Peruntukan RM500 juta bagi memperbaiki infrastruktur saliran di ladang-ladang dan menaiktaraf laluan jalan di ladang-ladang.
- RM200 juta disediakan untuk penanaman semula pokok getah dan untuk penyediaan infrastruktur bagi meningkatkan pengeluaran getah.
- RM200 juta untuk program-program pertanian sebagai sumber pendapatan baharu, terutamanya untuk pembangunan industri tenuus menerusi penubuhan Lembaga Tenuusu dan Ruminan.
- RM140 juta untuk membangun dan menanam semula pokok kelapa sawit serta untuk mempertingkatkan program pemasaran.
- RM82 juta untuk pembangunan industri halal serta produk-produk di bawah pelbagai agensi.

Tinjauan dan Jangkaan Sektor Perbankan

Sektor perbankan mengekalkan kedudukan kewangan yang stabil sepanjang tahun 2017, dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.2 bilion, mewakili peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 12.3%. Pinjaman dan pembiayaan sistem perbankan meningkat pada kadar sederhana sebanyak 4.1% pada tahun 2017 berbanding 5.3% pada tahun 2016; sedikit perlahan berbanding jangkaan awal kerana pertumbuhan ekonomi pacuan eksport tidak diterjemahkan serta-merta menjadi peningkatan dalam perbelanjaan domestik pengguna dan perniagaan. Jumlah deposit mencatatkan peningkatan pertumbuhan sebanyak 3.9% berbanding 2.1% pada tahun 2016. Dengan pertumbuhan deposit sedikit rendah berbanding pertumbuhan pembiayaan, nisbah pembiayaan-kepada-deposit sistem perbankan mencatat sedikit peningkatan iaitu sebanyak 90.7% berbanding 90.5% pada tahun sebelumnya.

The recent 2018 Budget also included grants and other state support for agriculture, food and the halal industries. Highlights from the budget with reference to agriculture and related sectors are:

- Development expenditure for agriculture and rural development was increased by 4.4% to RM2.5 billion in 2018 for the purpose of building future agriculture capacity to ensure sufficient supply of food.
- RM2.3 billion allocation incentives to provide assistance and incentive such as fertilisers and input to paddy farmers, rubber smallholders and fishermen.
- RM500 million was allocated to improve irrigation infrastructure in farms and upgrade plantation roads.
- RM200 million would be reserved for replanting rubber trees and provide infrastructures to boost rubber production.
- RM200 million for agricultural programmes as new sources of income, particularly the development of dairy industry through the establishment of *Lembaga Tenuusu dan Ruminan*.
- RM140 million to develop and replant oil palm and enhance marketing programme
- RM82 million was allocated for the development of halal industries and products under various agencies.

Banking Sector Review and Outlook

The banking sector maintained a sound financial position during the year, with pre-tax profits of RM36.2 billion, representing a year-on-year increase of 12.3%. The banking system's loans and financing grew at a moderate pace of 4.1% in 2017 from a growth of 5.3% in 2016; softer than the initial expectation as the export-driven economic growth did not immediately translate into increased consumer and business spending domestically. Total deposits registered improved growth of 3.9% after slowing down to 2.1% in 2016. With deposits growth tracking a little behind financing growth, banking system financing-to-deposit ratio experienced little change at 90.7% from 90.5% in the previous year.

The asset quality of banking sector financing continued to be resilient, with a healthy gross impaired ratio financing (GIF) ratio of 1.1% (2016: 1.2%) whilst delinquencies were kept at low levels at 2.1% (2016: 2.2%) due to continued improvements in banks' risk management practices. Similarly, Financing-to-Fund Ratio and Financing-to-Fund & Equity Ratio of the banking system fell to 84% and 73.7% in 2017, signalling improved liquidity condition. Financing by the development financial institutions to the

01

02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance

03

04

05

06

Kualiti aset pembiayaan sektor perbankan terus meningkat, dengan nisbah pembiayaan merosot kasar (GIF) yang sihat sebanyak 1.1% (2016: 1.2%) manakala delinkuensi kekal pada tahap rendah iaitu 2.1% (2016: 2.2%) berikutan peningkatan berterusan dalam amalan pengurusan risiko bank-bank. Nisbah Pembiayaan-kepada-Dana dan Nisbah Pembiayaan-kepada-Dana & Ekuiti sistem perbankan juga masing-masing jatuh kepada 84% dan 73.7% pada tahun 2017, menandakan peningkatan kecairan. Pembiayaan oleh institusi-institusi kewangan pembangunan kepada sektor pertanian berkembang kepada RM10.0 bilion pada tahun 2017 berbanding RM9.2 bilion pada tahun sebelumnya. Setakat Disember 2017, nisbah Ekuiti Lazim Peringkat 1 (CET1) sistem perbankan adalah 13.3%, manakala Nisbah Modal Peringkat 1 dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing adalah pada 14.3% dan 17.1%.

Bank-bank terus mengekalkan tahap permodalan yang kukuh di mana kesemua bank melaporkan nisbah modal yang melebihi kehendak minimum, termasuk penimbal simpanan modal (CCB) sebanyak 2.5%. Perolehan yang sihat serta dasar-dasar simpanan perolehan yang konservatif membolehkan sektor perbankan mewujudkan penimbal yang kukuh.

Sektor perbankan diunjurkan stabil pada tahun 2018 dengan peluang-peluang pertumbuhan yang berterusan disokong oleh pemulihian ekonomi global dan pertumbuhan ekonomi domestik yang kukuh. Keseluruhannya, sektor perbankan dijangka mengalami peningkatan dalam perolehan teras pada tahun 2018 berbanding 2017. Peningkatan ini dipacu oleh pendapatan tanpa faedah yang lebih tinggi daripada pasaran modal yang lebih aktif, peningkatan dalam pendapatan keuntungan bersih selain margin keuntungan bersih yang lebih tinggi. Bagaimanapun, persaingan deposit yang sengit di antara bank-bank tempatan dijangka berterusan sehingga 2018 ekoran ketidaktentuan deposit dan kos deposit yang lebih tinggi.

agriculture sector expanded to RM10.0 billion in 2017 from RM9.2 billion in the previous year. As at December 2017, the banking system Common Equity Tier 1 (CET1) ratio was 13.3%, while Tier 1 Capital Ratio and Total Capital Ratio were a healthy 14.3% and 17.1%, respectively.

Banks continued to maintain a strong level of capitalisation with all banks reporting capital ratios that were well above the minimum requirements specified, including the 2.5% capital conservation buffer (CCB). Healthy earnings, coupled with generally conservative earnings retention policies, have enabled the banking sector to build strong buffers.

The banking sector outlook is expected to be generally stable in 2018 with continued growth opportunities at the back of firm global economic recovery and sound domestic economic growth. Overall, the banking sector is expected to see a boost in core earnings in 2018 compared with 2017. This improvement will be primarily driven by higher non-interest income from a more active capital market, improvement in net profit income as well as a marginally higher net profit margin. However, intense deposit competition among local banks is expected to continue into 2018 with increasing deposit volatility and higher cost of deposit.

Capital levels are expected to ease slightly in 2018, due to implementation of the new accounting standard, Malaysian Financial Reporting Standard 9: Financial Instruments (MFRS 9), which came into effect from 1 Jan 2018, replacing the existing MFRS 139 "Financial Instruments: Recognition and Measurement". Adoption of the new standard would require banks to put up appropriate provisions in anticipation of future potential losses, resulting in higher overall impairment loss provision.

Despite stable prospects of the overall economy, factors such as high domestic living costs, adjustments in domestic economic policies and uncertainties in policy development in the advanced economies which weigh on the domestic sentiment may have a lingering downside pressure on the overall economic growth.



Keseluruhannya, sektor perbankan dijangka mengalami peningkatan dalam perolehan teras pada tahun 2018 berbanding 2017. Peningkatan ini dipacu oleh pendapatan tanpa faedah yang lebih tinggi daripada pasaran modal yang lebih aktif, peningkatan dalam pendapatan keuntungan bersih selain margin keuntungan bersih yang lebih tinggi.

Overall, the banking sector is expected to see a boost in core earnings in 2018 compared with 2017. This improvement will be primarily driven by higher non-interest income from a more active capital market, improvement in net profit income as well as a marginally higher net profit margin.



Keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) Agrobank bagi tahun 2017
Agrobank's PBZT for 2017

16.5%

ULASAN PRESTASI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

ECONOMIC AND BUSINESS PERFORMANCE REVIEW

Tahap modal dijangka sedikit menurun pada tahun 2018 ekoran pelaksanaan piawaian perakaunan yang baharu iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (MFRS 9), yang berkuatkuasa Jan 1, 2018, menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran". Adaptasi piawaian baharu ini mengkehendaki bank-bank menyediakan peruntukan sewajarnya sebagai persediaan menghadapi potensi kerugian masa hadapan, lantas menghasilkan peruntukan kerugian kemerosotan keseluruhan yang lebih tinggi.

Walaupun dengan prospek ekonomi keseluruhan yang lebih baik, faktor-faktor seperti kos sara hidup domestik yang tinggi dan ketidaktentuan pembangunan dasar ekonomi maju yang bergantung kepada sentimen domestik mungkin memberikan tekanan negatif berterusan ke atas pertumbuhan ekonomi keseluruhan.

Tinjauan Prestasi Agrobank

Tempoh beberapa tahun lepas ternyata mencabar untuk sektor perbankan dan tahun 2017 tidak terkecuali. Sungguhpun momentum positif hasil pembangunan ekonomi menyokong pertumbuhan perniagaan perbankan domestik, ia masih dibebani oleh kesan terdahulu dalam persekitaran operasi. Pengenalan peraturan baharu serta tekanan pembiayaan telah memaksa bank-bank untuk melaksanakan penetapan harga deposit yang kompetitif. Walaupun dengan persekitaran sektor perbankan yang semakin kompetitif serta langkah-langkah kawal selia yang dipertingkatkan ekoran risiko yang kian berubah, Agrobank tetap mencatat prestasi yang baik sepanjang 2017 dalam pelaksanaan pelan Perniagaan Strategik 2016-2020 Bank.

Prestasi kewangan Agrobank yang positif pada tahun 2017 adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan industri perbankan Malaysia. Keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 meningkat sehingga RM32.7 juta atau 16.5% dari tahun sebelumnya bagi mencatat jumlah RM230.6 juta. Ini dipacu oleh pertumbuhan pembiayaan sebanyak 9.8%, yang mana jauh mengatasi prestasi industri sebanyak 4.1%.

Jumlah aset meningkat sebanyak 9.1% berbanding pertumbuhan industri yang mencatat 4.3%, bagi mencapai RM15.2 bilion. Jumlah deposit meningkat kepada RM9.8 bilion bagi mencatat pertumbuhan digit berganda sebanyak 12.7% daripada RM8.7 bilion pada tahun 2016. Pulangan ekuiti meningkat 8.2% manakala pulangan ke atas aset adalah 1.5%. Nisbah kos kepada pendapatan meningkat 1.5 peratus mata, mencapai 60.6% pada tahun 2017 berbanding 62.1% pada tahun sebelumnya, dipacu oleh perolehan yang kukuh serta disiplin kos yang baik.

Agrobank's Performance Review

The past few years have proven challenging for the banking sector. 2017 was no exception. Although the positive momentum of economic expansion had supported the growth of the domestic banking business, it was still weighed down by lingering headwinds in the operating environment. The introduction of new regulations together with funding pressures have compelled banks to implement competitive pricing on deposits. Despite an increasingly competitive environment in the banking sector and elevated regulatory measures in response to changing risks, Agrobank made good progress during 2017 in implementing the Bank's 2016-2020 Strategic Business plan.

Agrobank's positive financial performance in 2017 corresponds with the continuing growth trajectory of the Malaysian banking industry. Profit before zakat and tax (PBZT) for the financial year ended 31 December 2017 increased by RM32.7 million or 16.5% from the previous year to record RM230.6 million. This was driven by financing growth of 9.8%, which strongly overtook industry performance of 4.1%.

Total assets grew by 9.1% compared with industry growth of 4.3%, to reach RM15.2 billion. Total deposits increased to RM9.8 billion to record a double digit growth of 12.7% from RM8.7 billion in 2016. Return on equity edged higher to 8.2% while return on assets was 1.5%. Cost to income ratio improved 1.5 percentage points, reaching 60.6% in 2017 as compared with 62.1% in the previous year, driven by strong revenues coupled with good cost discipline.

Despite the strong expansion in the financing portfolio and amidst the continuously challenging economic environment, asset quality remained resilient with a lower gross impaired financing ratio of 4.5% compared to 5.2% registered the year before. The downward trend is expected to continue further as Agrobank maintains its focus on robust credit analysis and control process and credit risk policies. Financing loss coverage ratio stood at 100.2%, much higher than the industry average of 82.9%. The strong asset quality is a result of the Bank's continued thrust in robust risk management and internal control system. The Bank's capital position continued to be healthy as reflected by its total capital ratio of 24.9%, which is well in excess of regulatory requirements.

- 01
- 02 **Prestasi Strategik Kami**
Our Strategic Performance
- 03
- 04
- 05
- 06

Walaupun dengan perluasan yang kukuh dalam portfolio pembiayaan dan di sebalik persekitaran ekonomi yang terus mencabar, kualiti aset mencatatkan nisbah pembiayaan kemerosotan kasar yang lebih rendah sebanyak 4.5% berbanding 5.2% yang dicatat pada tahun sebelumnya. Trend menurun ini dijangka terus berlanjutan di kala Agrobank meneruskan fokusnya ke atas analisis kredit dan proses kawalan yang mantap serta dasar-dasar risiko kredit. Nisbah liputan kerugian pembiayaan dicatatkan pada 100.2%, yakni lebih tinggi daripada catatan purata industri sebanyak 82.9%. Kualiti aset yang kukuh adalah akibat peningkatan berterusan dalam sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap. Kedudukan modal Bank terus kukuh seperti yang dicerminkan oleh jumlah nisbah modalnya sebanyak 24.9%, yang mana jauh mengatasi kehendak kawal selia.

Jumlah pembiayaan dan pendahuluan kasar Bank meningkat dari RM8.7 bilion kepada RM9.5 bilion selepas mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 9.8%. Peningkatan ini datang terutamanya daripada perniagaan korporat dan pengguna. Dalam aspek pembiayaan, deposit pelanggan Bank adalah sebanyak RM7.6 juta setakat 31 Disember 2017, mencatatkan peningkatan tahun-ke-tahun sebanyak 7.7%. ini termasuk daripada peningkatan dalam deposit kos rendah (simpanan dan GIRO) sebanyak 4.2% atau RM130.0 juta dan peningkatan dalam deposit kos tinggi sebanyak 10.5% atau RM414.5 juta.

Seiring dengan sifat, saiz dan kerumitan operasi Agrobank yang kian berkembang maju, skop dan kecanggihan rangka kerja tadbir urus korporat yang sepadan dibangunkan. Lembaga Pengarah juga menyedari bahawa Agrobank beroperasi dalam persekitaran global yang semakin berkembang, pengawalseliaan yang sentiasa berubah, serta tumpuan yang kian meningkat terhadap penglibatan dan kebertanggungjawaban pihak berkepentingan. Berpaksikan matlamat ini, Agrobank sentiasa berusaha membangunkan dan menambah baik rangka kerja tadbir urus korporatnya agar ia seiring dengan amalan terbaik, perubahan yang berlaku dipersekitaran bisnes Agrobank, dan faktor luaran yang lain.

Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Agrobank memantapkan komposisi Lembaga Pengarah dengan pelantikan dua pengarah baharu susulan peletakan jawatan seorang pengarah. Tahun 2017 juga menyaksikan perletakan jawatan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif berikutnya penamatian tempoh kontraknya.

Pengarah bukan eksekutif menyumbang keseimbangan kepada Lembaga Pengarah, yakni dengan mengurangkan percanggahan kepentingan antara proses pembuatan dasar dan pengurusan Agrobank; manakala pengarah bebas pula berperanan memastikan Agrobank beroperasi secara terjamin dan mantap serta menyumbangkan perspektif baharu bagi meningkatkan lagi keberkesanannya Lembaga Pengarah.

Komposisi Lembaga Pengarah menepati keperluan BNM yang memerlukan Lembaga Pengarah untuk mempunyai sekurang-kurangnya tujuh orang ahli, yang mana majoritinya hendaklah terdiri daripada pengarah bebas dan sekurang-kurangnya tiga pengarah (tidak termasuk Ketua Pegawai Eksekutif) mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang perbankan/perakaunan. Oleh itu, secara keseluruhannya, Lembaga Pengarah memiliki jalinan kecekapan teras dalam bidang kewangan, perakaunan, perundangan, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat (IT), pengurusan pelaburan dan pertanian serta pengetahuan mengenai pasaran dan sektor sasaran Agrobank.

The governance framework provides a clear demarcation of roles and responsibilities between the Board and the Management Executive that fosters an environment of transparency, confidence and mutual trust in which the Board is able to constructively challenge and provide guidance to the Management. The Senior Management Executive comprised the President/Chief Executive Officer, the Chief Finance Officer, the Chief Risk Officer, the Chief Services Officer, the Chief Transformation Officer, the Chief Credit Officer, the Chief Human Resources Officer, the Chief Operations Officer, the Chief Financial Services Officer and also the Chief Internal Auditor. The Senior Management Executive members are accountable in developing the strategic direction of Agrobank and also responsible in ensuring that the Board's decisions and directions are implemented and responded to. The President/Chief Executive Officer and the Senior Management Executive members have a written mandate which outlined their roles, responsibilities and the required capabilities of their positions.

The scope and sophistication of the corporate governance framework is proportionate to Agrobank's nature, size and complexity. The Board also recognises that Agrobank is operating in an evolving global environment of diverse expectations, constant regulatory change, and increasing focus on stakeholder engagement and accountability. Towards this end, Agrobank continually seeks to develop and improve its corporate governance framework in light of changes in Agrobank's businesses, best practices and the external environment.

Board Composition and Balance

Agrobank refreshed the composition of the Board with the appointment of two new directors following the resignation of one director. The year under review also saw the resignation of the President/Chief Executive Officer due to expiry of his contract.

The non-executive directors provide a balance to the Board, mitigating any possible conflict of interest between the policy-making process and the day-to-day management of Agrobank; while the independent directors provide the necessary checks and balances to ensure Agrobank operates in a safe and sound manner and bring in new perspective to further elevate the effectiveness of the Board.

The Board's composition meets BNM's requirement of which a minimum of seven Board members of whom a majority should be independent directors and at least three directors (excluding the CEO) must have banking/accounting experience. Accordingly, the Board as a whole comprises a mix of core competencies in finance, accounting, legal, business management, information technology, investment management and agriculture as well as knowledge of bank's target markets and sectors.

- 01
- 02
- 03
- 04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus
How We Are Governed
- 05
- 06

Komposisi Lembaga Pengarah yang sedia ada berkesan dalam menyediakan halatuju dan panduan kepada pihak pengurusan, memenuhi Prinsip 2, Garis Panduan Tadbir Urus Korporat BNM bagi IKP. Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah menyelia strategi perniagaan dan keteguhan kewangan, keputusan penting berkenaan kakitangan, organisasi dalaman dan struktur tadbir urus serta pengurusan risiko dan obligasi Agrobank pada pematuhan. Seiring dengan perubahan Agrobank yang menjadi institusi perbankan Islam sepenuhnya pada Julai 2015, Lembaga Pengarah turut memainkan peranan yang lebih besar dengan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap keseluruhan rangka kerja tadbir urus Syariah dan pematuhan Syariah oleh Agrobank.

Antara peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah termasuk:

- Menyelia hal-ehwal Agrobank dengan cekap bagi memastikan pengurusan Agrobank yang teguh demi melindungi kepentingan pendeposit dan pihak berkepentingan.
- Menyelia perkembangan dan meluluskan objektif perniagaan Agrobank serta strategi jangka pendek dan jangka panjangnya, di samping memastikan keberkesanannya pelaksanaan strategi.
- Memastikan keberkesanannya pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Agrobank dan kebolehgunaannya dengan mengambil kira perubahan dinamik dalam landskap dan peraturan kewangan yang boleh memberi kesan ketara ke atas strategi perniagaan dan operasi Agrobank.
- Menetapkan kesanggupan Agrobank dalam menanggung risiko berdasarkan saranan oleh Pihak Eksekutif Pengurusan Kanan dan Ketua Pegawai Risiko, dengan mengambil kira landskap kewangan dan kawal selia yang kompetitif serta kekuahan kewangan Agrobank, pendedahan pada risiko dan keupayaan bagi mengurus risiko dengan berkesan.
- Memastikan Agrobank ditadbir berpandukan dasar yang kukuh, terutamanya berkaitan pengurusan berhemat yang merangkumi proses penilaian kecukupan modal, perancangan modal dan kecairan, dasar dan obligasi pematuhan serta sistem kawalan dalaman Agrobank.

Peranan Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank dipisahkan dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas bagi memastikan keseimbangan kuasa dan autoriti.

Pengerusi berperanan sebagai pemimpin Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab memastikan keberkesanannya fungsinya secara keseluruhan, termasuk menyemai dan mengekalkan hubungan saling mempercayai dengan ahli Lembaga Pengarah. Pengerusi memastikan keputusan Lembaga Pengarah dicapai menerusi kesepakatan, atau mencerminkan kehendak majoriti berdasarkan maklumat yang kukuh. Beliau menggalakkan perbincangan yang kritis dan memastikan perbezaan pandangan boleh disuarakan dan dibincangkan dengan bebas dalam proses membuat keputusan. Semasa bekerja dengan semua pengarah, Pengerusi memastikan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Pihak Pengurusan Kanan sentiasa sejajar dengan objektif dan aspirasi Agrobank. Sehubungan itu, Pengerusi turut memberikan sokongan dan nasihat yang sesuai yang diperlukan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.

The Board's current composition is effective in providing direction and guidance to the Management as stipulated under Principle 2 of BNM's Guidelines on Corporate Governance for DFIs.

Roles and Responsibilities of the Board

The Board has the ultimate responsibility to oversee Agrobank's business strategies and financial soundness, key personnel decisions, internal organisation and governance structure, as well as risk management and compliance obligations. With the conversion into an Islamic bank in July 2015, the Board has played a greater role in being ultimately accountable and responsible for the overall Shariah governance framework and Shariah compliance of Agrobank.

The roles and responsibilities of the Board include the following:

- Effectively supervise Agrobank's affairs to ensure sound management of the bank in order to protect depositors and stakeholders' interest.
- Oversee the development of and approve Agrobank's business objectives and its short- and long-term strategies as well as ensuring effective implementation of the strategies.
- Ensure effective implementation of Agrobank's governance framework and its applicability taking into consideration the dynamic changes in the financial landscape and regulations that may have material impact on Agrobank's business strategies and operations.
- Establish, upon recommendation by Senior Management and the Chief Risk Officer, Agrobank's risk appetite, taking into account the competitive financial and regulatory landscape as well as financial soundness, risk exposure and ability to manage risk effectively.
- Ensure Agrobank is governed by solid policies particularly pertaining to the prudential management encompassing capital adequacy assessment process, capital and liquidity plans, compliance policies and obligations, and internal control system.

The roles of the Chairman and President/Chief Executive Officer of Agrobank are separated with a clear division of responsibilities to ensure balance of power and authority.

The Chairman provides leadership to the Board and is responsible for its effective overall functioning including maintaining a relationship of trust with Board members. The Chairman ensures that Board's decisions are reached by consensus, or reflect by the will of the majority, based on sound information. He encourages critical discussions and ensures that dissenting views can be freely expressed and discussed within the decision-making process. Working with all the directors, the Chairman ensures that the business activities driven by the Senior Management are aligned with Agrobank's objectives and aspirations. In this regard, the Chairman provides the President/Chief Executive Officer with necessary support and advice as appropriate.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Peranan utama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif adalah menyelia operasi harian Agrobank bagi memastikan ia berkesan dan berjalan lancar. Ini termasuk merangka halatuju strategik Agrobank dan memastikan strategi tersebut, pelan perniagaan dan dasar korporat dilaksanakan dengan berkesan, di samping memastikan keputusan dan arahan Lembaga Pengarah dipatuhi. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif turut mengetengahkan kepimpinan yang ampuh dalam menyampaikan visi, falsafah pengurusan dan strategi perniagaan kepada kakitangan, sementara beliau terus memaklumkan sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah mengenai semua aspek penting operasi. Adalah penting bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk menampilkan tahap integriti dan ketelusan tertinggi dalam pengurusan kewangan Agrobank, memastikan semua aktiviti perniagaan dijalankan secara beretika dan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan berkaitan. Dalam memastikan kesinambungan perniagaan. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif juga bertanggungjawab membangunkan pelan pengantian yang mantap bagi jawatan penting di Agrobank.

Kepelbagaiannya Lembaga Pengarah

Agrobank percaya bahawa kepelbagaiannya dari segi jantina, umur, budaya dan pendidikan serta latar belakang profesional akan memberi kesan positif kepada mutu perbincangan Lembaga Pengarah dengan membawa perspektif yang berbeza dan segar sewaktu perbincangan. Justeru itu, Lembaga Pengarah sentiasa beriltizam memastikan kepelbagaiannya dalam keanggotaannya, seperti yang tergambar menerusi kepelbagaiannya kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh ahlinya.

Menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan yang telah diamanahkan untuk memastikan ahli-ahli Lembaga Pengarah memiliki gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pencalonan menetapkan keperluan minimum dari segi kemahiran dan kecekapan teras seseorang pengarah dan melakukan semakan tahunan berkenaan gabungan kemahiran, pengalaman dan kecekapan teras yang diperlukan dalam Lembaga Pengarah, di samping memastikan kriteria 'layak dan sesuai' bagi setiap pengarah dipenuhi.

Penyediaan Maklumat

Pihak Pengurusan dan Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dibekalkan dengan maklumat yang lengkap, tepat dan pada masanya dalam bentuk dan kualiti yang sesuai bagi membolehkan Lembaga Pengarah menunaikan tanggungjawabnya dengan berkesan. Akses pada maklumat pada masa yang tepat amat penting demi memastikan perbincangan yang berasas, pertimbangan berdasarkan maklumat dan pembuatan keputusan yang berkesan. Pihak Pengurusan perlu menyediakan pek mesyuarat untuk para pengarah, yang mengandungi semua maklumat penting dan relevan berkaitan agenda mesyuarat sekurang-kurangnya lima hari sebelum setiap Mesyuarat Lembaga Pengarah. Maklumat tambahan lain yang mungkin memberi kesan ketara kepada Agrobank, sama ada secara langsung ataupun tidak, akan diberikan tepat pada masanya dan apabila perlu atau apabila diminta oleh Lembaga Pengarah.

The key role of the President/Chief Executive Officer is to ensure the day-to-day business affairs of Agrobank are effectively managed. This includes developing the strategic directions of Agrobank, ensuring that the strategies, business plans and corporate policies are effectively implemented, and that decisions and directions by the Board are responded to. The President/Chief Executive Officer also provides strong leadership in communicating the vision, management philosophy and business strategies to the employees while keeping the Board fully informed of all important aspects of operations. The President/Chief Executive Officer is also expected to demonstrate the highest level of integrity and transparency in the financial management of Agrobank, ensuring all business activities are carried out in an ethical manner and in full compliance with the relevant laws and regulations. In ensuring business continuity, the President/Chief Executive Officer is also responsible for developing sound succession planning for critical positions in Agrobank.

Board Diversity

Agrobank believes that diversity in terms of gender, age, cultural and educational as well as professional background would have a positive impact on the Board's deliberations, bringing varying perspectives to the table. The Board is, therefore, committed to ensure diversity in its composition, as reflected by the wide ranging skills and knowledge represented by its members.

It is the responsibility of the Nominating Committee to ensure the Board members bring the required mix of skills and experience to the Board. The Nominating Committee establishes the minimum requirements on the skills set and core competencies of a director and undertakes an annual review of the required mix of skills, experience and core competencies within the Board as well as to ascertain the 'Fit and Proper' criteria of each directors.

Supply of Information

The Management and Company Secretary are responsible for ensuring the Board is continuously presented with a complete, accurate and adequate time bound information in a form and of quality appropriate to enable the Board to discharge its duties effectively. Access to timely information is important to ensure robust discussion, informed deliberation and effective decision making. The Management provides Board members a meeting pack containing all pertinent and relevant information pertaining to the agenda of meetings at least five days prior to every Board Meeting. Other additional information that may have material impact on Agrobank, either directly or indirectly, is provided in a timely manner as and when necessary or when requested by the Board.

Segala isu, perbincangan, pertimbangan, keputusan dan kesimpulan termasuk perbezaan pandangan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah berserta tindakan jelas yang perlu diambil pihak bertanggungjawab adalah direkodkan semasa mesyuarat.

Setiap pengarah mempunyai akses tidak terbatas ke atas semua maklumat dan rekod Agrobank serta khidmat nasihat Setiausaha Syarikat yang turut bertindak sebagai setiausaha bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah selain bertanggungjawab memastikan prosedur mesyuarat Lembaga Pengarah diikuti dan semua peraturan relevan dipatuhi. Selain itu, ahli Lembaga Pengarah secara individu mahupun secara berkumpulan boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas bagi melunaskan tanggungjawab mereka dengan berkesan, yakni jika perkhidmatan itu diperlukan.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Demi memastikan keteguhan fungsi pengawasan dan perbincangan mendalam mengenai fungsi penting kawalan dalaman, pengurusan risiko, prestasi dan pencalonan jawatan penting, Lembaga Pengarah dibantu oleh enam Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Walaupun Lembaga Pengarah mempertanggungjawabkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi fungsi-fungsi tersebut, namun Lembaga Pengarah tetap menggalas tanggungjawab bagi keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa tersebut.

Enam Jawatankuasa Lembaga Pengarah tersebut adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan
- Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Lembaga Audit
- Jawatankuasa Pencalonan
- Jawatankuasa Ganjaran
- Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat

Setiap jawatankuasa beroperasi dalam Terma Rujukan Tugas (ToR) yang jelas tertakrif bagi membantu Lembaga Pengarah menyempurnakan tugas dan tanggungjawabnya. Selepas setiap mesyuarat, Pengerusi bagi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah perlu melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang aktiviti jawatankuasa masing-masing dan memberi saranan yang sesuai mengikut keadaan. Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mengajukan pertimbangan dan keputusan penting yang dibuat oleh Jawatankuasa ke peringkat lebih tinggi, iaitu semasa mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah. Minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah turut dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sebagai makluman.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap bulan bagi membincangkan hal-ehwal kewangan, strategi dan dasar, selain memantau prestasi Agrobank secara keseluruhan. Mesyuarat tambahan diadakan jika terdapat isu penting dan/atau keputusan yang perlu dipertimbangkan sebelum berlangsungnya mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, Lembaga Pengarah mengadakan 16 mesyuarat termasuk 4 mesyuarat khas.

All issues raised, discussions, deliberations, decisions and conclusions including dissenting views made at Board meetings with clear actions to be taken by responsible parties are recorded in the meetings.

Each director has unrestricted access to all information and records of Agrobank as well as the advice and services of the Company Secretary, who also serves as secretary to the Board Committees and is responsible for ensuring that the procedures for Board meeting are followed and that all applicable rules and regulations are complied with. In addition, the directors, collectively or individually may seek independent professional advice in furtherance of their duties in the event such services are required.

Board Committees

In ensuring strong oversight function and in-depth deliberation of critical functions of internal controls, risk management, performance and nomination of key positions; the Board is assisted by six Board Committees. Despite delegating its functions to these Committees, the Board remains ultimately responsible for the decisions of the Committees.

The six Board Committees are:-

- Board Credit and Investment Committee
- Board Risk Management Committee
- Board Audit Committee
- Nominating Committee
- Remuneration Committee
- Board Information Technology Committee

Each committee operates within a clearly defined Terms of Reference ("ToR") to assist the Board in carrying out its duties and responsibilities. Following each meeting, the Chairman of the committees reports to the Board on the committee's activities, and makes such recommendations as are deemed appropriate in the circumstances. The Chairman of the committees will escalate pertinent discussions and decisions of the committee during the monthly Board meetings. The Minutes of Board Committees meeting are also be tabled to the Board for approval.

Board Meetings

The Board meets on a monthly basis, to consider financial matters, strategy and policies as well as to monitor the overall performance of Agrobank. Additional meetings are also convened as and when there are imminent issues and/or decisions to be deliberated in between the monthly meetings. During the financial year ended 31 December 2017, 16 meetings including 4 Special Board meetings were held.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Ahli Lembaga Pengarah sentiasa bersedia menjalankan tugas dengan mengambil bahagian secara aktif dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Profil ringkas setiap ahli Lembaga Pengarah disertakan dalam laporan ini. Maklumat kehadiran setiap ahli Lembaga Pengarah semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Ahli Lembaga Pengarah Board Members	Jawatan Designation	Kehadiran* Attendance*	% %
Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal	Pengerusi/ Chairman	16/16	100
Datuk Seri Ismail Hj Bakar	Ahli/Member	6/16	38
Dato' Dr. Yusof Ismail	Ahli/Member	10/16	63
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	Ahli/Member	15/16	94
Datin Setia Shahariah Hashim	Ahli/Member	16/16	100
Puan Azizah Abdul Rahman	Ahli/Member	16/16	100
Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	Ahli/Member	6/7	86
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	Ahli/Member	14/14	100
Puan Faizah Abdullah (Dilantik berkuat kuasa 18.04.2017/Appointed w.e.f. 18.04.2017)	Ahli/Member	12/13	92
Dato' Wan Mohd Fadzmi Wan Othman (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 31.08.2017/Resigned w.e.f. 31.08.2017)	Ahli/Member	11/11	100

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan

* Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

The directors are expected to discharge their duties by participating actively in the Board meetings. The profile of each of the directors is briefly described in this report. The attendances of Board members are as follows:

Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan

Jawatankuasa Lembaga Kredit dan Pelaburan (BCIVC) membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah bagi isu berkaitan urusniaga yang melangkaui kuasa yang diberikan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kredit (MCC). Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan kawalan kualiti dalam pelaporan kewangan dan proses pematuhan oleh Agrobank. Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa ini juga merangkumi:

- Mengkaji semula semua cadangan pembiayaan yang melebihi kuasa MCC bagi memberi kelulusan dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah.
- Mempertimbangkan hal yang melibatkan pembiayaan dan pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemantauan dan isu lain berkaitan kredit yang akan dilaksanakan oleh Agrobank, yang memerlukan pengesahan Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan menyemak semula cadangan pembiayaan strategik dan langkah bagi memastikan keuntungan mampan bagi pengesahan Lembaga Pengarah.
- Menilai pelaburan dalam ekuiti yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Mengenal pasti, menilai, memantau dan mengkaji semula prestasi portfolio pelaburan Agrobank secara berkala dan mencadangkan tindakan yang perlu diambil oleh Agrobank.
- Menilai prestasi pengurus dana Agrobank, di samping melantik dan menamatkan perkhidmatan pengurus dana, broker dan lain-lain wakil.

Board Credit and Investment Committee

The Board Credit and Investment Committee ("BCIVC") take decisions on behalf of the Board on issues pertaining to transactions that exceeds the delegated authority given to the Management Credit Committee (MCC). The Committee is also responsible for ensuring quality control in Agrobank's financial reporting and compliance process. Other roles and responsibilities of the Committee include:

- Review all financing proposals that exceed the MCC's approving authority and make recommendations to the Board.
- Deliberate matters concerning financing and investment, including but not restricted to monitoring and other credit related issues to be implemented by Agrobank, which may require endorsement by the Board.
- Review and revise strategic financing proposals and measures for sustained profitability for endorsement by the Board.
- Evaluate investments in equity that require the Board's approval and make recommendations to the Board.
- Identify, evaluate, monitor and review the performance of Agrobank's investment portfolio on a periodic basis and propose necessary actions to be taken by Agrobank.
- Assess the performance of Agrobank's fund managers, as well as appoint and terminate fund managers, brokers and other representatives.

BCIVC terdiri daripada empat pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi. Mesyuarat dihadiri oleh ahli Jawatankuasa, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Eksekutif Pengurusan Kanan yang berkaitan. Jawatankuasa boleh mendapatkan nasihat profesional bebas mengenai perkara teknikal daripada pakar yang memiliki pengalaman dan kepakaran relevan serta memastikan kehadiran mereka, sekiranya perlu. Pada tahun 2017, Jawatankuasa ini mengadakan 15 mesyuarat.

Ahli BCIVC dan rekod kehadiran mereka bagi tahun di bawah kajian adalah seperti berikut:

Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
Puan Faizah Abdullah (Pengerusi/Chairman) (Dilantik berkuat kuasa 18.04.2017/Appointed w.e.f. 18.04.2017)	10/10	100
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	15/15	100
Datin Setia Shahariah Hashim	14/15	93
Puan Azizah Abdul Rahman	15/15	100
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	10/10	100
Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	7/8	88

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan
 * Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) bertanggungjawab untuk meluluskan strategi risiko keseluruhan Agrobank, termasuk had risiko dan mengawasi pelaksanaannya. Sebagai jawatankuasa yang diberikan autoriti oleh Lembaga Pengarah, BRMC bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko enterpis yang kukuh dan menetapkan tahap kesanggupan menanggung risiko oleh Agrobank, selain had bagi semua aktiviti yang berisiko dalam Agrobank. BRMC secara berkala mengkaji semula dan memantau pematuhan pada tahap kesanggupan menanggung risiko secara keseluruhan oleh Agrobank dan seterusnya mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah.

Justeru itu, Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengkaji semula dan menambah baik kesesuaian dan keberkesanannya kesemua aspek pengurusan risiko enterpis, termasuk dan tidak terbatas kepada risiko strategik, risiko kredit, risiko pasaran, risiko pematuhan dan risiko operasi. BRMC turut mengkaji semula dasar berkenaan semua isu risiko dan mengekalkan pengawasan terbaik ke atas semua risiko. Dalam hal ini, skop tanggungjawab BRMC meliputi:

- Menyarankan visi dan objektif pengurusan risiko, strategi dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah; dan mengkaji semula rangka kerja risiko, dasar, prosedur dan proses pengurusan risiko Agrobank.
- Meluluskan strategi pengurusan risiko yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC), termasuk toleransi risiko dan had kesanggupan menanggung risiko dan dasar yang berkaitan dengan autoriti serta tanggungjawab ke atas pengurusan risiko.

The BCIVC comprised four non-executive directors and is chaired by an independent director appointed by the Board. The Committee meets at least once a month or whenever the Chairman deems it is necessary to do so. The meetings are attended by the Committee members as well as the President/Chief Executive Officer and other relevant Senior Management. The Committee may obtain independent professional advice on technical matters from experts with relevant experience and expertise and secure their attendance as and when required. The BCIVC had held 15 meetings during 2017.

The members of the BCIVC and their respective attendance record for the year under review are as follows:

Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
Puan Faizah Abdullah (Pengerusi/Chairman) (Dilantik berkuat kuasa 18.04.2017/Appointed w.e.f. 18.04.2017)	10/10	100
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	15/15	100
Datin Setia Shahariah Hashim	14/15	93
Puan Azizah Abdul Rahman	15/15	100
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	10/10	100
Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	7/8	88

Board Risk Management Committee

The Board Risk Management Committee (“BRMC”) is responsible to approve Agrobank’s overall risk strategy, including the risk appetite and oversee its implementation. Acting within an authority delegated by the Board, the BRMC has the overall responsibility for establishing a robust enterprise-wide risk management framework as well as guiding the risk-taking activities within Agrobank. The BRMC periodically reviews and monitors compliance with Agrobank’s overall risk appetite and makes recommendations thereon to the Board.

Its responsibilities also include reviewing the appropriateness and effectiveness of all aspects of enterprise risk management including, but not restricted to strategic risk, credit risk, market risk, compliance risk and operational risk. The BRMC also reviews the policy on all risk issues and maintains oversight of all risks. In this regard, the BRMC’s scope of responsibilities includes:

- Recommend risk management vision and objectives, strategies and risk tolerance for the Board’s approval; and review Agrobank’s risk frameworks, risk management policies, procedures and processes.
- Approve risk management strategies recommended by the Management Risk Committee (MRC), including risk tolerance and risk appetite limits as well as policies pertaining to authority and responsibility for the management of risks.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Mengkaji semula dan mempertimbangkan laporan berkala tentang risiko yang dibentangkan Pengurusan berkaitan dengan kedudukan risiko dan portfolio, aktiviti pengurusan risiko dan tindakan yang diambil oleh Pengurusan bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko tersebut.
- Mengkaji semula kecukupan tahap modal dalaman dan kawal selia Agrobank serta faktor risiko utama yang boleh memberi kesan terhadap kecukupan modal, selaras dengan rangka kerja Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalamans (ICAAP).
- Meluluskan pelantikan perunding dan penasihat luar bagi memberi nasihat mengenai prasarana sistem pengurusan risiko dan perkara teknikal, sekiranya perlu.
- Mengkaji semula dan menyarankan tindakan strategik agar Agrobank mematuhi keperluan yang ditetapkan oleh BNM dan badan pengawalselia lain.
- Meluluskan semua perkara berkaitan risiko Syariah, termasuk tindakan bagi membetulkan sebarang ketidakpatuhan Syariah selepas pengesahan oleh Jawatankuasa Syariah, sebelum dikemukakan kepada BNM, di samping memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelan pembetulan yang diluluskan.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali dan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi. Selain mesyuarat yang dijadualkan, Pengerusi atau mana-mana ahli jawatankuasa boleh memanggil sidang mesyuarat khas. Pada tahun di bawah kajian, Jawatankuasa ini mengadakan 12 mesyuarat. BRMC terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan pengarah bebas bukan eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Jika Pengerusi tidak hadir, ahli Jawatankuasa akan melantik salah seorang yang hadir bagi mempengerusikan mesyuarat.

Ahli BRMC dan rekod kehadiran mereka bagi tahun berkenaan adalah seperti berikut:

Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin (Pengerusi/Chairman)	12/12	100
Datin Setia Shahariah Hashim	12/12	100
Puan Azizah Abdul Rahman	12/12	100
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	8/8	100
Puan Faizah Abdullah (Dilantik berkuat kuasa 18.04.2017/Appointed w.e.f. 18.04.2017)	8/8	100
Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	5/6	83

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan

* Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

- Review and deliberate on periodic risk reports escalated by the Management pertaining to risk and portfolio positions, risk management activities and actions undertaken by the Management to identify, measure, monitor and control the risks.
- Review the adequacy of Agrobank's internal and regulatory capital level as well as key risk factors that may impact its capital adequacy.
- Approve the appointment of external consultants and advisors to advice on risk management system infrastructure and technical matter as and when required.
- Reviewing and recommending strategic actions in order to comply with the requirements set by BNM and other regulatory bodies.
- Approving all Shariah risk-related matter including actions to rectify any Shariah non-compliance upon confirmation by the Shariah Committee prior to submission to BNM, as well as notify the Board of the approved rectification plans.

The Committee meets at least once a month and whenever the Chairman deems necessary. In addition to the regular meetings, the Chairman or any other Committee member may call for a special meeting. During the year under review, the Committee held 12 meetings. The BRMC comprised at least three non-executive directors and is chaired by an independent non-executive director appointed by the Board. In the absence of the Chairman, the members elect the chair of the meeting among those present.

Members of the BRMC and their attendance record for the year are as follows:

Jawatankuasa Lembaga Audit

Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) menggalas tanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab pengawasannya, terutamanya dari segi penilaian kecukupan dan kecekapan dasar perakaunan, kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses pelaporan kewangan di Agrobank. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan integriti dan ketepatan masa dalam penyediaan penyata kewangan Agrobank, termasuk laporan tahunan dan interim, penyiaran keputusan kewangan awal dan sebarang siaran rasmi lain yang berkaitan prestasi kewangannya. Ia dilakukan menerusi pertimbangan yang mendalam tentang kedudukan dan prestasi kewangan Agrobank, terutamanya berkenaan kecukupan peruntukan rosot nilai, kunci kira-kira dan keberuntungan Agrobank sebelum dibawa ke peringkat Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa ini turut memastikan keberkesanan dasar dan prosedur aduan kesalahan, yang mana semua aduan (sama ada dengan ataupun tanpa nama) boleh diajukan berkenaan pengumpulan, pemprosesan dan pendedahan maklumat kewangan.

Selain itu, BAC juga mengkaji semula keberkesanan fungsi audit dalaman Agrobank dalam memastikan jaminan korporat bebas berhubung pematuhan kepada keperluan dalaman dan luaran. Ini termasuk meluluskan pelantikan dan seterusnya menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman. Sehubungan itu, Jawatankuasa memastikan bahawa audit dalaman memiliki sumber yang mencukupi dan akses yang sewajarnya kepada maklumat bagi membolehkannya menyempurnakan fungsinya dengan berkesan menurut piawaian profesional yang relevan. BAC juga mengkaji semula aktiviti, daptan dan saranan audit dalaman, di samping memastikan tindakan yang sewajarnya diambil oleh Agrobank bagi menangani daptan dan saranan audit.

Skop peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa adalah selaras dengan yang berikut:

- Mengkaji semula semua urusniaga pihak ketiga/pihak berkaitan dan memastikan Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai urusniaga sedemikian.
- Mengkaji semula prosedur Agrobank bagi kakitangan mengetengahkan kemusyikilan secara sulit, iaitu mengenai kemungkinan berlakunya kesalahan dalam pelaporan kewangan atau hal lain, di samping memastikan siasatan yang sewajarnya dan bebas berkenaan perkara sedemikian serta tindakan susulan yang bersesuaian.
- Mengemukakan cadangan berhubung pelantikan, pelantikan semula dan penamatian perkhidmatan juruaudit luar Agrobank.
- Menyelia hubungan dengan juruaudit luar – meluluskan bayaran kepada mereka, syarat pelantikan, dan memastikan tiada pertalian (seperti kekeluargaan, pekerjaan, pelaburan, kewangan atau perniagaan) antara juruaudit tersebut dan Agrobank (selain urusan perniagaan biasa).
- Meluluskan penyediaan sebarang perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luar.
- Meluluskan pelan audit tahunan; dan mengkaji daptan juruaudit luar.

Board Audit Committee

The Board Audit Committee (“BAC”) assists the Board in fulfilling its oversight responsibilities, in particular with regard to the evaluation of the adequacy and efficiency of accounting policies, internal controls, risk management and financial reporting processes at Agrobank. The Committee is responsible to ensure the integrity and timeliness of the financial statements of Agrobank, including its annual and interim reports, preliminary results release and any other formal release relating to its financial performance. This is done through in-depth deliberations of Agrobank's financial position and performance, particularly on the adequacy of impairment provisions, balance sheet and profitability prior to escalation to the Board.

The Committee also ensures the effectiveness of Agrobank's whistleblowing policies and procedures on the basis of which complaints, whether signed or anonymous, may be reported about the possible misconduct in the collection, processing and disclosure of financial information.

In addition, the BAC reviews the effectiveness of Agrobank's internal audit function in providing independent corporate assurance with regard to compliance with internal and external requirements. This includes approving the appointment and subsequently evaluating the performance of the Chief Internal Auditor. In this respect, the Committee ensures that the internal audit has adequate resources and appropriate access to information to enable them to perform its function effectively and in accordance with the relevant professional standards. The BAC also reviews the internal audit activities, findings and recommendations, as well as ascertains appropriate actions are taken by Agrobank in addressing the audit findings and recommendations.

The Committee's scope of roles and responsibilities is consistent with the followings:

- Review all third/related party transactions and keep the Board informed of such transactions.
- Review Agrobank's procedures for employees to raise concerns, in confidence, about possible wrongdoing in financial reporting or other matters, as well as ensure proportionate and independent investigation of such matters and the appropriate follow-up actions.
- Make recommendations in relation to the appointment, re-appointment and removal of Agrobank's external auditor.
- Oversee the relationship with external auditors – approve their remunerations, terms of engagement, and ensure there are no relationship (such as family, employment, investment, financial or business) between the auditor and Agrobank (other than in the ordinary course of business).
- Approve the provision of any non-audit service by external auditors.
- Approve the annual audit plan and review the findings of external auditors.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

BAC terdiri daripada empat orang pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sekurang-kurangnya seorang ahli jawatankuasa memiliki latar belakang dan pengalaman yang luas dalam bidang perakaunan. Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap dua bulan, yang mana risiko utama perniagaan Agrobank dan tindakan pembetulan akan dilaporkan dan dipertimbangkan, dan seterusnya, ringkasan mengenainya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Mesyuarat BAC turut dihadiri oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Operasi serta mana-mana pihak lain yang diundang oleh Pengerusi bagi mendapatkan khidmat nasihat dan input profesional mereka.

Sepanjang tahun kewangan ini, sebanyak 12 mesyuarat, dengan 1 mesyuarat khas diadakan bagi membincangkan laporan audit dan Penyata Kewangan yang Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Komposisi ahli dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

	Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
01	Puan Azizah Abdul Rahman (Pengerusi/Chairman)	12/12	100
02	Dato' Dr Yusof Ismail	4/10	40
03	Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	11/12	92
04	Datin Setia Shahariah Hashim	11/12	92
05	Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	7/7	100
06	Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	6/6	100

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan
 * Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab mengenalpasti calon, mengkaji semula dan mencadangkan calon kepada Lembaga Pengarah untuk dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, jawatankuasanya dan Pengurusan Eksekutif, di samping menilai keberkesanannya setiap pengarah, keberkesanannya Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan prestasi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif serta ahli Eksekutif Pengurusan Kanan yang utama. Dalam proses mencadangkan pelantikan pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, Jawatankuasa sentiasa berusaha memastikan komposisi Lembaga Pengarah mencerminkan sebaiknya fungsi perniagaan dan sokongan yang luas, yang mana pengarah bukan eksekutif dilantik dari pelbagai industri demi melengkapkan Lembaga Pengarah dengan kerencaman pandangan dan pengalaman.

The BAC comprised four non-executive directors and is chaired by an independent director appointed by the Board. At least one member of the Committee possesses extensive accounting background and experience. The Committee meets at least once every two months where Agrobank's major business risks and remedial actions would be reported and deliberated, a summary of which would be escalated to the Board. The meeting of the BAC is also attended by the President/Chief Executive Officer, the Chief Internal Auditor and the Chief Operations Officer and any other party invited by the Chairman, for their professional advice and input.

12 meetings were held during the financial year, with 1 special meeting to discuss audit reports and the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2017. The composition and the attendance record of BAC members are listed below:

Nominating Committee

The Nominating Committee is responsible in identifying candidates, reviewing and recommending individuals to the Board for nominations as members of the Board, its Committees and Executive Management as well as assessment of the effectiveness of individual directors, the Board as a whole and the performance of the President/Chief Executive Officer and key senior management personnel. In recommending the appointment of executive and non-executive directors, the Committee seeks to ensure that these directors represent a broad range of business and support functions where independent non-executive directors are drawn from a range of industries to facilitate a diversity of views and experience on the Board.

Demi mencapai matlamat ini, peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

- Mewujudkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah gugusan kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kecekapan teras lain yang diperlukan ahli Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menilai dan mencadangkan calon kepada Lembaga Pengarah bagi jawatan pengarah, ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Jawatankuasa Syariah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menyelia komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah, iaitu dari segi kesesuaian saiz dan kemahiran, serta keseimbangan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas melalui kajian semula tahunan.
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah bagi penyingkiran mana-mana pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif atau ahli Eksekutif Pengurusan Kanan utama sekiranya mereka didapati tidak berkesan, menyeleweng atau cuai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
- Mewujudkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah suatu mekanisme bagi penilaian rasmi dan penetapan kriteria prestasi berkenaan keberkesanannya Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan sumbangan setiap pengarah kepada keberkesanannya Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif serta pegawai kanan utama yang lain.
- Memastikan semua pengarah menerima latihan berterusan agar sentiasa maklum tentang perkembangan terkini dalam industri.
- Menyelia pelantikan, pengurusan, pelan penggantian dan penilaian prestasi pegawai kanan utama.
- Memastikan ahli Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif tidak hilang kelayakan bagi jawatan mereka di bawah Seksyen 7 Akta Industri Kewangan Pembangunan (AIKP) 2015 pada setiap tahun.
- Menyelia inisiatif-inisiatif utama Agrobank bagi sumber manusia.
- Mendapatkan khidmat pakar bebas bagi menasihati Pengurusan atau Jawatankuasa mengenai perkara teknikal, sekiranya perlu.

In furtherance of this purpose, the Committee has the following roles and responsibilities:

- Establish and recommend to the Board the skills set, experience, qualifications and other core competencies required for Board members and the President/Chief Executive Officer.
- Assess and recommend to the Board nominees for directorship, Board Committee members, Shariah Committee members and the President/Chief Executive Officer.
- Oversee the overall composition of the Board, in term of the appropriate size and skills, and the balance between executive directors, non-executive directors and independent directors through annual reviews.
- Recommend to the Board the removal of any director, the President/Chief Executive Officer or key senior management personnel if they are found to be ineffective, errant or negligence in discharging their responsibilities.
- Establish and recommend to the Board a mechanism for the formal assessment and performance criteria on the effectiveness of the Board as a whole and the contribution of each director to the effectiveness of the Board, the contribution of the Board's various committees and the performance of the President/Chief Executive Officer and other key senior officers.
- Ensure all directors receive continuous training to keep abreast with the latest development in the industry.
- Oversee the appointment, management, succession planning and performance evaluation of key senior officers.
- Ensure on an annual basis that the directors and President/Chief Executive Officer are not disqualified under Section 7 of the DFIA 2002.
- Oversee the Agrobank's key human resource initiatives.
- Engage independent experts to advise the management or committee on technical matters as and when required.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada enam pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Jika Pengerusi tidak hadir, ahli Jawatankuasa akan melantik salah seorang yang hadir bagi mempengerusikan mesyuarat. Selain ahli Jawatankuasa, mesyuarat juga dihadiri oleh wakil Pengurusan. Pengerusi boleh menggunakan budi bicaranya bagi menjemput mana-mana pihak yang relevan, sekiranya perlu. Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap suku tahun. Pada tahun di bawah kajian, Jawatankuasa bermesyuarat sebanyak 8 kali. Butiran ahli dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
Datin Setia Shahariah Hashim (Pengerusi/Chairman)	8/8	100
Datuk Seri Ismail Hj. Bakar	2/8	25
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	8/8	100
Puan Azizah Abdul Rahman	8/8	100
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	5/5	100
Puan Faizah Abdullah (Dilantik berkuat kuasa 18.04.2017/Appointed w.e.f. 18.04.2017)	4/5	80
Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	2/3	67

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan
 * Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

Jawatankuasa Ganjaran

Peranan dan fungsi utama Jawatankuasa Ganjaran adalah bagi membantu Lembaga Pengarah membangunkan dan memastikan prosedur yang telus dan adil bagi menetapkan dasar dan strategi keseluruhan sumber manusia Agrobank serta dasar ganjaran untuk ahli Lembaga Pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai pengurusan utama. Jawatankuasa juga memastikan pakej ganjaran Agrobank ditentukan berpaksikan merit, kelayakan dan kecekapan, dan mengambil kira keputusan operasi Agrobank, prestasi individu dan statistik pasaran yang sebanding dengannya. Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Ganjaran termasuklah:

- Mencadangkan rangka kerja ganjaran untuk para pengarah, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama kepada Lembaga Pengarah, seperti berikut:
 - Rangka kerja ganjaran Agrobank mencerminkan tahap tanggungjawab yang digalas dan iltizam yang diperlukan berdasarkan kepakaran, pengetahuan dan pengalaman.
 - Tahap ganjaran perlu seimbang bagi menarik dan mengekalkan bakat yang diperlukan tanpa menjelaskan daya maju, kemampuan bayar dan reputasi Agrobank.
- Mendapatkan khidmat pakar bebas bagi menasihati Pengurusan atau Jawatankuasa mengenai perkara teknikal, sekiranya perlu.

The Nominating Committee consists of six non-executive directors and is chaired by an independent director appointed by the Board. In the absence of the Chairman, the members elect the chair of the meeting among those present. Other than the members, meetings are also attended by Management representatives. The Chairman has the discretion to invite any relevant party as and when required. The Committee meets at least every quarter. During the year, the Committee met 8 times. Detail of the members and their attendance record are as follows:

Remuneration Committee

The main role and function of the Remuneration Committee is to assist the Board in developing and administering a fair and transparent procedure for setting policy on the overall human resources strategy of Agrobank and the remuneration policy for directors, President/Chief Executive Officer and key management personnel. The Committee also ensures that these remuneration packages are determined on the basis of their merit, qualifications, and competence, and having regard to the Company's operating results, individual performance, and comparable market statistics. The roles and responsibilities of the Remuneration Committee include:

- Recommend to the Board the remuneration framework for the directors, President/Chief Executive Officer and key senior officers as follows:
 - Agrobank's remuneration framework reflects the level of responsibility undertaken and commitment required based on expertise, knowledge and experience.
 - The levels of remuneration should be balanced to attract and sustain the required talent but not to compromise the viability, solvency and reputation of the DFI.
- Engage independent experts to advise management or the committee on technical matters as and when required.

Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada lima pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Jika Pengerusi tidak hadir, ahli Jawatankuasa akan melantik salah seorang yang hadir bagi mempengerusikan mesyuarat. Jawatankuasa bermesyuarat sebanyak 9 kali sepanjang tahun ini. Selain ahli yang dilantik, mesyuarat juga dihadiri oleh wakil Pengurusan dan lain-lain individu yang difikirkan perlu oleh Pengerusi. Butiran ahli Jawatankuasa Ganjaran dan rekod kehadiran mereka bagi tahun ini adalah seperti berikut:

Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin (Pengerusi/Chairman)	9/9	100
Datin Setia Shahariah Hashim	8/9	89
Dato' Dr Yusof Ismail	1/6	17
Puan Azizah Abdul Rahman	9/9	100
Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik berkuat kuasa 01.03.2017/Appointed w.e.f. 01.03.2017)	5/5	100

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan

* Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat

Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat (BITC) ditubuhkan pada Oktober 2016 dan berperanan mengawasi dan menetapkan hala tuju ke arah pendekatan holistik Agrobank berkenaan Teknologi Maklumat (IT). Jawatankuasa menasihati Agrobank mengenai keutamaan dalam IT, membuat keputusan berkenaan isu strategik dan menggalakkan pematuhan dengan tindakan yang dipersejutui. Berikut adalah peranan dan tanggungjawab utama Jawatankuasa:

- Menetapkan hala tuju strategik berhubung Pengurusan IT dan memastikan pelan strategik IT menyokong pelan strategik perniagaan Agrobank.
- Mengkaji semula dan meluluskan hala tuju serta dasar Agrobank bagi pelaburan strategik utama dalam IT demi memastikan keberkesanannya sistem kawalan dalam dan keandalan sistem pengurusan maklumat.
- Memastikan pihak Pengurusan Agrobank menerima pakai dasar dan prosedur yang berhemat serta berkesan bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal atau mengurangkan risiko IT.
- Menerima pakai pematuhan pada dasar dan prosedur IT yang sedia ada, serta garis panduan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh BNM.
- Meluluskan pelantikan perunding luar dan penasihat bagi menasihati Jawatankuasa mengenai prasarana sistem pengurusan risiko dan perkara teknikal, sekiranya perlu.

The Remuneration Committee comprised five non-executive directors and is chaired by an independent director appointed by the Board. In the absence of the Chairman, the members elect the chair of the meeting among those present. The Committee met 9 times during the year. Besides the appointed members, Management representatives and other individuals are also attended the meeting as and when deemed necessary by the Chairman. Details of members of the Remuneration Committee and their attendance for the year as follows:

Board Information Technology Committee

The Board Information Technology Committee (“BITC”) was established in October 2016 and provides oversight and direction for Agrobank’s holistic approach to Information Technology (“IT”). The Committee advises Agrobank on IT priorities makes decisions on strategic issues and drives compliance with agreed actions. The roles and principal responsibilities of the Committee are as follows:

- Provide strategic direction with regard to IT Management and ensure the IT strategic plan supports Agrobank’s strategic business plan.
- Review and approve Agrobank’s key IT strategic investment direction and policies to ensure the effectiveness of internal control systems and the reliability of the management information system.
- Ensure Agrobank’s Management adopts prudent and effective policies and procedures to identify, measure, monitor and control or mitigate IT risks.
- Adopt compliance with established IT policies and procedures, and guidelines and circulars issued by BNM.
- Approve the appointment of external consultants and advisors to advise the Committee on risk management system infrastructure and technical matters as and when required.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

BITC terdiri daripada lima orang pengarah bukan eksekutif dan dipengerusikan oleh pengarah bebas yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Individu yang bukan ahli Lembaga Pengarah yang turut menghadiri mesyuarat ini adalah wakil pihak pengurusan, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Jabatan Pengurusan Sistem Maklumat serta individu lain, sekiranya diperlukan oleh Pengerusi. Jika Pengerusi tidak hadir, ahli Jawatankuasa akan melantik salah seorang yang hadir bagi mempengerusikan mesyuarat.

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun atau pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh Pengerusi. Selain mesyuarat yang dijadualkan, Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa boleh memanggil sidang mesyuarat khas, sekiranya perlu. Sepanjang tahun kewangan di bawah kajian, 4 mesyuarat telah diadakan pada tahun 2017. Butiran ahli dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

The composition of BITC consists of five non-executive directors and is chaired by an independent director appointed by the Board. Non-board members in attendance are management representatives, the Chief Operations Officer, the Head of Information Technology Department and other individuals as and when required by the Chairman. In the absence of the Chairman, the remaining members present during the meeting shall elect one of the members to act as the chair of the meeting.

The Committee shall meet at least once in every quarter or at such other times as deemed necessary by the Chairman. In addition to the scheduled regular meetings, the Chairman or any of the Committee members may call for special meetings as and when required. During the financial year, 4 meeting was held by the BITC. Detail of members and their attendance record are as follows:

	Nama Name	Kehadiran* Attendance*	% %
01			
02	Tuan Haji Ibrahim Hassan (Dilantik sebagai Pengerusi berkuat kuasa w.e.f. 30.06.2017/Appointed as Chairman w.e.f. 30.06.2017)	3/3	100
03			
04	Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	4/4	100
05	Puan Azizah Abdul Rahman	4/4	100
06	Datin Setia Shahariah Hashim	4/4	100
	Encik Ng Chih Kaye (Meletakkan jawatan berkuat kuasa 01.07.2017/Resigned w.e.f. 01.07.2017)	2/2	100

* Menunjukkan bilangan mesyuarat yang diadakan semasa para Pengarah memegang jawatan
 * Reflects the number of meetings held during the time of the Directors held office

Pelantikan ahli Lembaga Pengarah

Proses pelantikan pengarah eksekutif dan bukan eksekutif bagi menganggotai Lembaga Pengarah Agrobank disempurnakan seterus mungkin dan sejajar dengan undang-undang serta peraturan Agrobank. Dalam hal ini, pelantikan setiap pengarah tertakluk kepada Memorandum Bank dan Undang-undang Tubuh Syarikat, di samping pengesahan oleh BNM dan kelulusan oleh Menteri Kewangan (MOF); sepetimana yang ditetapkan di bawah subseksyen 6(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan) 2015.

Board Appointment

The process for appointing executive and non-executive directors to the Board of Agrobank is transparent and in accordance with local laws and regulations governing Agrobank. Hence, the appointment of each director is subject the Bank's Memorandum and Articles of Association as well as verification by BNM and approval by the Minister of Finance ("MOF"); as prescribed under subsection 6(1) of the amended DFIA 2015.

Jawatankuasa Pencalonan menggalas tanggungjawab keseluruhan bagi proses pelantikan. Seperti yang digambarkan dalam rajah di bawah, proses pelantikan merangkumi usaha mengenal pasti calon yang berpotensi, termasuk menilai keupayaan calon bagi menjalankan tugas dengan cekap lagi berkesan. Proses saringan mantap ini selaras dengan Garis Panduan BNM dan dipandu kriteria yang digariskan dalam Dasar Bank mengenai Kriteria dan Dasar Layak dan Sesuai bagi Pelantikan/Pelantikan Semula Pengaruh, Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif. Ini diikuti dengan pembentangan kepada Jawatankuasa Pencalonan untuk pertimbangan dan seterusnya saranan akhir kepada Lembaga Pengarah untuk pengesahan. Jawatankuasa Pencalonan turut memastikan calon memiliki kemahiran, kecekapan teras dan pengalaman, integriti dan masa bagi memainkan peranan mereka sebagai pengarah dengan berkesan.

Dengan tertakluk pada kelulusan dan sokongan Lembaga Pengarah, permohonan untuk pelantikan ataupun pelantikan semula calon diajukan kepada BNM untuk pengesahan bahawa calon itu memenuhi kriteria ‘layak dan sesuai’, seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta IKP 2015. Setelah keputusan diperolehi, Agrobank mengemukakan permohonan bagi pelantikan calon kepada MOF. Pelantikan baharu secara amnya adalah untuk tempoh dua (2) tahun, dengan lanjutan tempoh perkhidmatan sehingga enam tahun, iaitu berdasarkan saranan Jawatankuasa Pencalonan dan kelulusan oleh MOF.

Proses Pelantikan ahli Lembaga Pengarah/Board Appointment Process



Kriteria Layak dan Sesuai

Kriteria ‘layak dan sesuai’ menetapkan bahawa para pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif mestilah individu yang berkaliber tinggi kerana mereka diamanahkan oleh para pemegang saham Agrobank dan pihak berkepentingan yang lain bagi menguruskan Agrobank sebaik mungkin dan memastikan keteguhan operasinya. Berkenaan piawaian ‘layak dan sesuai’ bagi Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah mengikuti Garis Panduan Tadbir Urus Korporat bagi IKP oleh BNM.

The Nominating Committee has the overall responsibility for the appointment process. As depicted in the diagram below, the appointment process includes the identification of potential candidates, including the evaluation of the candidates' ability to discharge their duties effectively and efficiently. The screening process is in accordance with the BNM's Guidelines and guided by the criteria outlined in Agrobank's Policy on Fit and Proper Criteria and Policy on the Appointment/Reappointment of Chairman, directors and President/Chief Executive Officer. This is subsequently followed by a submission to the Nominating Committee for deliberation to be followed by the final recommendation to the Board for endorsement. The Nominating Committee also ensures candidates possess the appropriate skills, core competencies, experience, integrity and time to be able to discharge their roles as directors effectively.

Subject to the approval and endorsement of the Board, the application for the appointment or reappointment of the candidate is submitted to BNM for verification on the ‘fit and proper’ criteria as set out in the First Schedule of DFIA 2002. Once the verification is obtained, Agrobank submits its application for the appointment of the candidate to MOF. New appointments are generally for a two-year term, for extension of up to six-years, based on the Nominating Committee’s recommendation and approval of MOF.

Fit and Proper Criteria

The ‘fit and proper’ Criteria stipulated that directors and the President/Chief Executive Officer have to be persons of high calibre as they are entrusted by Agrobank’s shareholders and other stakeholders with managing the bank and ensuring its sound operations. The Board follows the Guidelines on Corporate Governance for DFIs by BNM on its ‘Fit and Proper’ standards for Board of Directors.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Dalam menentukan sekiranya seseorang itu 'layak dan sesuai' memegang jawatan pengarah atau Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, faktor-faktor berikut diambil kira:

- Kejujuran yang tidak diragui, ketekunan, kecekapan dan kebijaksanaan dalam membuat pertimbangan.
- Reputasi, kelakuan, integriti (termasuk integriti kewangan) dan kejujuran.
- Rekod kesalahan yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran dan keganasan.
- Sama ada beliau pernah terlibat dalam apa-apa perniagaan yang menipu, menindas atau tidak wajar atau amalan lain yang boleh mencemarkan nama baiknya.
- Sama ada beliau pernah terlibat dalam apa-apa cara yang boleh menimbulkan keraguan mengenai kecekapan dan kebijaksanaannya dalam membuat pertimbangan.
- Sama ada beliau pernah melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang bermatlamat melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan.
- Sama ada beliau telah diisyiharkan muflis.

Penilaian Lembaga Pengarah

Penambahbaikan dan pembangunan berterusan ke atas proses dan prosedur Lembaga Pengarah serta jawatankuasanya adalah penting demi memastikan struktur tadbir urus Agrobank sentiasa sejajar dengan amalan terbaik. Ini dapat dicapai menerusi penilaian Lembaga Pengarah yang menjadi mekanisme maklum balas yang berkesan dan bernilai tinggi bagi menambah baik keberkesanan Lembaga Pengarah, memaksimumkan kekuatan dan mengenalpasti bidang bagi pembangunan selanjutnya. Agrobank menyedari bahawa usaha penilaian Lembaga Pengarah yang berkesan dapat membantu Lembaga Pengarah, jawatankuasanya dan para pengarah menjalankan tugas pada tahap optimum.

Di Agrobank, Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab memastikan para pengarah sentiasa memenuhi kriteria 'layak dan sesuai' sepanjang tempoh lantikan. Ini dicapai melalui penilaian tahunan yang dijalankan pada penghujung tahun ke atas semua pengarah. Penilaian tersebut terdiri daripada soal selidik terperinci, yang mana para pengarah menilai diri mereka dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain. Penilaian ini dianalisis oleh Setiausaha Syarikat dan keputusan yang terperinci dikemukakan kepada Pengerusi, yang mana Pengerusi kemudiannya memaklumkan kepada setiap pengarah tentang markah peribadinya, manakala markah pengarah lain kekal sulit.

Berdasarkan keputusan penilaian tersebut, Setiausaha Syarikat mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil, selain memperkasakan lagi keupayaan Lembaga Pengarah.

In determining if an individual is 'fit and proper' to hold positions as director or President/Chief Executive Officer, the following factors are taken into considerations:

- Probity, diligence, competence and soundness of judgement.
- Reputation, character, integrity (including financial integrity) and honesty.
- History of offence(s) involving fraud, dishonesty and violence.
- Whether he/she has been engaged in any deceitful, oppressive or improper business or other practice, which would discredit him/her.
- Whether he/she has behaved in any manner which may cast doubt on his/her competence and soundness of judgement.
- Whether he/she has contravened any provision made by or under any written law designed to protect members of the public against financial loss due to dishonesty, incompetence or malpractice.
- Whether he/she has been declared a bankrupt.

Board Evaluation

Continuous improvement and development of the Board and its Committees' processes and procedures is the key to ensure that Agrobank's governance structure remains in line with the best practices. This is achieved through the Board's evaluation, which provides a powerful and valuable feedback mechanism to improve the Board's effectiveness, maximising strengths and highlighting areas for further development. Agrobank is mindful that an effective board evaluation exercise helps the Board, committees and individual directors perform to their optimum capabilities.

At Agrobank, the Nominating Committee is responsible for ensuring that the directors continue to satisfy the 'fit and proper' criteria once they have been appointed. This is achieved via an annual evaluation of all directors, which is conducted towards year end. The evaluation comprises an elaborate questionnaire that requires the directors to assess themselves as well as their peers. These assessments are analysed by the Company Secretary and the results are presented to the Chairman, who also provides each director with his own personal rating, while ratings of the others are kept confidential.

Based on the results of the evaluation, the Company Secretary recommends actions to be taken to fill in any gap that exists in the Board and strengthen its capabilities.

01

02

03

04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus
How We Are Governed

05

06

Latihan bagi Para Pengarah

Lembaga Pengarah memperakui kepentingan pendidikan berterusan bagi para pengarahnnya demi memastikan mereka dilengkapskan dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan bagi menyempurnakan fungsi mereka dengan berkesan. Semua pengarah baharu dibekalkan dengan fail induksi dan Pihak Pengurusan Kanan memberikan taklimat relevan agar para pengarah memperoleh pemahaman mantap tentang pengurusan dan operasi Agrobank, serta isu semasa dan cabaran yang dihadapi. Pengarah baharu juga dikehendaki menghadiri program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) yang dianjurkan oleh BNM.

Selain itu, para pengarah digalakkan menghadiri program latihan dan bengkel berkaitan bidang yang relevan kepada Agrobank dan mengikut keperluan latihan yang ditentukan berdasarkan penilaian tahunan. Sekurang-kurangnya dua program dalaman dianjurkan setiap tahun bagi menambah baik perkara yang dikenal pasti menerusi penilaian Lembaga Pengarah. Analisis tentang penilaian tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan menjelang Februari setiap tahun. Sesudah diluluskan oleh Lembaga Pengarah, perbincangan diadakan dengan penyedia latihan bagi merangka latihan berkesan yang dirangka khusus buat para pengarah. Setiausaha Syarikat juga memaklumkan tentang program yang dianjurkan rakan kerjasama Agrobank yang mungkin menarik minat para pengarah.

Dalam meneruskan azam bagi sentiasa menggali ilmu dan menimba kemahiran dan pengetahuan yang relevan demi meningkatkan kepakaran perniagaan dan profesionalisme, berikut adalah program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri pengarah sepanjang tahun 2017:

Directors' Training

The Board acknowledges the importance of continuing education for its directors to ensure they are equipped with the necessary skills and knowledge to perform their functions effectively. All new directors receive an induction file and Senior Management provide relevant briefing to enable the director to gain a better understanding of Agrobank's management and operations, as well as current issues and challenges faced. New directors are also required to attend the Financial Institutions Directors' Education (FIDE) programme organised by BNM.

In addition, directors are encouraged to attend training programmes and workshops on areas relevant to Agrobank and in accordance with the training needs as determined through the annual evaluation. At least two in-house programmes are organised every year, to fill in any gaps that have been identified from the Board evaluation. An analysis of the evaluation was tabled to the Nominating Committee by February each year. Once approved by the Board, a discussion is held with training providers to customise suitable training for the directors. The Company Secretary makes known programmes that have been organised by the Agrobank's partner organisations, which may be of interest to the directors.

In furtherance of the quest for continuous learning and acquisition of relevant skills and knowledge in order to enhance their business expertise and professionalism, directors have attended training programmes, conferences and forums during the year of 2017.

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal	Program Teras FIDE FIDE Core Programme Modul A/Module A	13-16 Mac/March 2017
	Modul B/ Module B Taklimat "Proposed Enhancement to Corporate Governance Requirement for Development Financial Institutions" Briefing on the Proposed Enhancement to Corporate Governance Requirement for Development Financial Institutions	9-11 Oktober/October 2017
	Simposium Global mengenai IKP dengan kerjasama Bank Dunia Global Symposium on DFIs in collaboration with the World Bank	19 Julai/July 2017
	Pembentangan "Malaysian Financial Reporting Standard 9 ("MFRS 9")" oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 ("MFRS 9") by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	19 September/September 2017
	"AMLATPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance" AMLATPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	29 September/September 2017
		8 Disember/December 2017

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
Datuk Seri Dr. Ismail Hj. Bakar	Program Teras FIDE FIDE Core Programme Modul A/Module A Modul B/ Module B Tadbir Urus Korporat untuk Institusi Kewangan Pembangunan Corporate Governance for Development Financial Institution	13-16 Mac/March 2017 7-9 Ogos/August 2017 11-12 April/April 2017
Dato' Dr. Yusof Ismail	Program Teras FIDE FIDE Core Programme Modul A/Module A Modul B/ Module B Global Kawal Selia Pasaran Pesat Membangun Global Kawal Selia Pasaran Pesat Membangun	13-16 Mac/March 2017 7-9 Ogos/August 2017 14 Mac/March 2017
01		
02		
03		
04	Bagaimana Kami Ditadbir Urus How We Are Governed	27 Mac/March 2017
05	Persidangan “Global Offset and Countertrade Association” Persidangan Global Offset and Countertrade Association	5 April/April 2017
06	Program Latihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Program Latihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun	11-12 April/April 2017
	Tadbir Urus Korporat untuk Institusi Kewangan Pembangunan Corporate Governance for Development Financial Institution	29 September/September 2017
	Pembentangan “Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	12 Disember/December 2017
	Program “Global Entrepreneurship Community” Programme Global Entrepreneurship Community	10 Januari/January 2017
Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin	Seminar Industri “Reach & Remind Friends” 2017 “Meeting Market Challenges” - Malaysian Palm Oil Promotion Council (“MPOC”) Reach & Remind Friends of Industry Seminar 2017 “Meeting Market Challenges” - Malaysian Palm Oil Promotion Council (“MPOC”) “Procurement Fraud” – MOF & MACC Procurement Fraud – MOF & MACC	7 Mac/March 2017
	Perubahan oleh Akta Syarikat 2016 – MOF & Tetuan Zul Rafique & Partners Changes By Companies Act 2016 – MOF & Messrs Zul Rafique & Partners	7 Mac/March 2017
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Best Practice of Nomination and Remuneration Committee” MKD Directors’ Talk - Best Practice of Nomination and Remuneration Committee	8 September/September 2017

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom” MKD Directors Talk – Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom	3 November/November 2017
	Pembentangan “Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	29 September/September 2017
	AMLATPUAA 2001: “Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance” AMLATPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	8 Disember/December 2017
Datin Setia Shahariah Hashim	Program Teras FIDE FIDE Core Programme	
	Modul A/Module A	7-10 Mac/March 2017
	Modul B/ Module B	7-9 Ogos/August 2017
	“Women Power Network” Women Power Network	24 Februari/February 2017
	Kumpulan Fokus FIDE FIDE Focus Group	1 Mac/March 2017
	Forum FIDE: Dialog Tahunan bersama Timbalan Gabenor BNM FIDE Forum: Annual Dialogue with Deputy Governor BNM	27 Mac/March 2017
	“Cyber Fraud for Board” Cyber Fraud for Board	17 Mei/May 2017
	Persidangan Pematuhan 2017 Compliance Conference 2017	18 Mei/May 2017
	FIDE: Bengkel Eksklusif untuk Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pencalonan FIDE: Exclusive Workshop for Nomination Committee Chairman and Members	23 Mei/May 2017
	Peluang-peluang Fintech untuk Industri Perkhidmatan Kewangan Malaysia Fintech Opportunities for Financial Service Industry Malaysia	11 Julai/July 2017
	“Value Based Intermediation Dialogue” (“VBI”) Value Based Intermediation Dialogue (“VBI”)	24 Ogos/August 2017
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Best Practice of Nomination and Remuneration Committee” MKD Directors’ Talk - Best Practice of Nomination and Remuneration Committee	8 September/September 2017
	Simposium Global “DFIs Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World” Global Symposium on DFIs Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World	19-20 September/September 2017
	Memperkuatkan Amalan Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Risiko untuk Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif di Institusi Kewangan Pembangunan Strengthening the Risk Management Practices and Risk Governance for Board Members, CEO of DFIs	19-20 Oktober/October 2017

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom” MKD Directors Talk – Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom	3 November/November 2017
	Forum FIDE – “Leveraging Technology for Growth” Fide Forum – Leveraging Technology for Growth	14 November/November 2017
	Pembentangan “Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	29 September/September 2017
	AMLATFPUAA 2001: “Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance” AMLATFPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	8 Disember/December 2017
01 02 03 04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus How We Are Governed	Puan Azizah Abdul Rahman Program Teras FIDE FIDE Core Programme Modul A/Module A	7-10 Mac/March 2017
	Modul B/ Module B	7-9 Ogos/August 2017
	“Having Strategic Conversations” Having Strategic Conversations	24 Februari/February 2017
05 06	Dialog – “Economic and Financial Services Section Bank Negara – Trends and Challenges Moving Forward” Dialogue – Economic and Financial Services Section Bank Negara – Trends and Challenges Moving Forward	27 Mac/March 2017
	“Cyber Fraud for Board” Cyber Fraud for Board	17 Mei/May 2017
	Persidangan Pematuhan 2017 Compliance Conference 2017	18 Mei/May 2017
	BNM/Bank Dunia: Simposium Global mengenai Kewangan Mikro BNM/World Bank: Global Symposium on Microfinance	22-23 Mei/May 2017
	Peluang-peluang Fintech untuk Industri Perkhidmatan Kewangan Malaysia Fintech Opportunities for Financial Service Industry Malaysia	11 Julai/July 2017
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Best Practice of Nomination and Remuneration Committee” MKD Directors’ Talk - Best Practice of Nomination and Remuneration Committee	8 September/September 2017
	Simposium Global “DFIs Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World” Global Symposium on DFIs Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World	19-20 September/September 2017
	Memperkuatkan Amalan Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Risiko untuk Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif di Institusi Kewangan Pembangunan Strengthening the Risk Management Practices and Risk Governance for Board Members, CEO of DFIs	19-20 Oktober/October 2017

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom” MKD Directors Talk – Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom	3 November/November 2017
	Forum FIDE – “Leveraging Technology for Growth” Fide Forum – Leveraging Technology for Growth	14 November/November 2017
	Pembentangan “Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	29 September/September 2017
	AMLATPUAA 2001: “Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance” AMLATPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	8 Disember/December 2017
Tuan Haji Ibrahim Hassan	BNM/Bank Dunia: Simposium Global mengenai Kewangan Mikro BNM/World Bank: Global Symposium on Microfinance	22-23 Mei/May 2017
	Pembentangan “Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 (“MFRS 9”) by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	29 September/September 2017
	AMLATPUAA 2001: “Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance” AMLATPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	8 Disember/December 2017
Puan Faizah Abdullah	BNM/Bank Dunia: Simposium Global mengenai Kewangan Mikro BNM/World Bank: Global Symposium on Microfinance	22-23 Mei/May 2017
	“Risk and Reward: What Must Board Know About a Sustainable FI Remuneration System for Senior Management and Material Takers” Risk and Reward: What Must Board Know About a Sustainable FI Remuneration System for Senior Management and Material Takers	8 Jun/June 2017
	Fintech: Peluang-peluang untuk Industri Perkhidmatan Kewangan di Malaysia Fintech: Opportunities for the Financial Services Industry in Malaysia	11 Julai/July 2017
	“Value Based Intermediation Dialogue” (“VBI”) Value Based Intermediation Dialogue (“VBI”)	24 Ogos/August 2017
	Simposium Global “Development Financial Institution Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World” Global Symposium on Development Financial Institution Balancing Sustainability and Social Mandate: DFI in a New World	19-20 September/September 2017
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Best Practice of Nomination and Remuneration Committee” MKD Directors’ Talk - Best Practice of Nomination and Remuneration Committee	8 September/September 2017
	Memperkuuhkan Amalan Pengurusan Risiko dan Tadbir Urus Risiko: ADFIM/BNM Strengthening the Risk Management Practices and Risk Governance: ADFIM/BNM	19-20 Oktober/October 2017
	Ceramah Para Pengarah MKD – “Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom” MKD Directors Talk – Boardroom Language: A Guide To Surviving The Boardroom	3 November/November 2017
	Forum FIDE: “Leveraging Technology for Growth” Leveraging Technology for Growth: FIDE Forum	14 November/November 2017

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Pengarah Directors	Latihan Dihadiri Training Attended	Tarikh Latihan Date of Training
	Pembentangan "Malaysian Financial Reporting Standard 9 ("MFRS 9") oleh Tetuan Pricewaterhouse Coopers Presentation of Malaysian Financial Reporting Standard 9 ("MFRS 9") by Messrs. Pricewaterhouse Coopers	29 September/September 2017
	AMLATFPUAA 2001: "Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance" AMLATFPUAA 2001: Risk, Challenges and Vulnerabilities Towards Regulatory Compliance	8 Disember/December 2017
01 Encik Ng Chih Kaye	Forum Kemampunan untuk Para Pengarah/Ketua Pegawai Eksekutif – "The Velocity of Global Change and Sustainability" – BURSA Sustainability Forum for Directors/CEO – The Velocity of Global Change and Sustainability – BURSA Taklimat mengenai Akta Syarikat 2016 yang Baharu – MDV/Tetuan Arianti Dipendra Jeremiah Briefing on the New Companies Act 2016 – MDV/Messrs Arianti Dipendra Jeremiah	10 Januari/January 2017
	EMTech Asia – "Emerging Technology Singapore Conference" – MIT Technology EMTech Asia – Emerging Technology Singapore Conference – MIT Technology	14-15 Februari/February 2017
02	Program Pensijilan Penilai untuk "FAA Individual Accreditation" – Finance Accreditation Agency Assessor Certification Programme for FAA individual Accreditation – Finance Accreditation Agency	1-3 Mac/March 2017
03		
04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus How We Are Governed	"Ecosystem Matter – Asian Corporate Governance Association" – MINDA/ICLIF Ecosystem Matter – Asian Corporate Governance Association – MINDA/ICLIF	7 Mac/March 2017
05	Persidangan Jawatankuasa Audit – MIA/IIAM Audit Committee Conference – MIA/IIAM	5 April/April 2017
06	"Cyber Security Risk Management for the Boardroom and C Suites" – MINDA Cyber Security Risk Management for the Boardroom and C Suites – MINDA	2 Mei/May 2017
	Forum FIDE: "Efficient Inefficiency – Making Boards Effective in a Changing World" – Professor Jeffrey Sampler FIDE Forum: Efficient Inefficiency – Making Boards Effective in a Changing World – Professor Jeffrey Sampler	4 Mei/May 2017

Setiausaha Syarikat

Tanggungjawab Setiausaha Syarikat terhadap Lembaga Pengarah, antara lain adalah memastikan prosedur dan semua peraturan serta kod tadbir urus dipatuhi. Setiausaha Syarikat juga memberi panduan kepada para pengarah mengenai tadbir urus, pematuhan dan tanggungjawab fidusiari mereka. Oleh itu, para pengarah mempunyai akses tidak terbatas kepada khidmat nasihat Setiausaha Syarikat, di samping akses penuh dan bertepatan masanya pada maklumat relevan agar para pengarah dapat menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin.

Company Secretary

The Company Secretary is responsible to the Board for inter alia, ensuring that procedure and all regulations and governance codes are observed. The Company Secretary also provides guidance to the directors on governance, compliance and their fiduciary responsibilities. As such directors have unrestricted access to the advice and services of the Company Secretary as well as full and timely access to information that are relevant to the proper discharge of their duties.

Antara fungsi dan peranan utama Setiausaha Syarikat adalah:

- **Menyokong Lembaga Pengarah dan Pengerusi**

Setiausaha Syarikat menyokong Lembaga Pengarah dan Pengerusi bagi mendukung piawaian tertinggi dalam tadbir urus korporat, dan sekiranya sesuai, memudahcara keberkesanannya fungsi Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya. Bagi tujuan ini, Setiausaha Syarikat:

- Menasihati Pengerusi dan para pengarah berkenaan tugas dan tanggungjawab mereka.
- Memastikan mesyuarat berlangsung dengan berkesan.
- Merekodkan keputusan Lembaga Pengarah, dan memastikan keputusan diedarkan kepada semua pengarah dan disampaikan kepada Pengurusan bagi tindakan selanjutnya.
- Memberi akses dan perkhidmatan sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah.

- **Pelantikan Pengarah Baharu**

Setiausaha Syarikat memastikan pelantikan semua pengarah baharu dilaksanakan dengan betul. Ini termasuklah membantu Lembaga Pengarah memastikan pelantikan pengarah baharu dikendalikan dengan lancar, memberi taklimat kepada pengarah baharu tentang struktur organisasi Agrobank dan prosedur yang mengawal selia operasi Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat turut bertanggungjawab memastikan pengarah baharu menjalani proses induksi yang sesuai dan mendapat semua maklumat yang relevan agar mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan sebaiknya.

- **Pematuhan kepada Keperluan Pemfailan dan Tadbir Urus**

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan Agrobank mematuhi keperluan menafalkan di bawah undang-undang dan peraturan yang relevan. Justeru itu, Setiausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam membimbing dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan pematuhan undang-undang dengan memastikan pematuhan kepada prosedur pengendalian mesyuarat dan penyimpanan dokumen korporat secara selamat, membantu Lembaga Pengarah mentafsir akta perundangan dan kawal selia yang berkaitan dengan Agrobank, memaklumkan kepada Pengerusi tentang kemungkinan berlakunya pelanggaran undang-undang dan peraturan kawal selia, serta menasihati Lembaga Pengarah mengenai kewajipannya mendedahkan maklumat penting.

- **Pelaksanaan Tadbir Urus Korporat**

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab memastikan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dengan sentiasa mengikuti perkembangan terbaru dalam tadbir urus korporat, perubahan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan serta amalan terbaik pada peringkat antarabangsa.

Jawatankuasa Pengurusan

Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya disokong oleh pelbagai jawatankuasa pengurusan, masing-masing terdiri daripada ahli Pengurusan Kanan dengan pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan dalam bidang tumpuan jawatankuasa tersebut. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif berhak melantik seorang ahli sebagai pengerusi mesyuarat semasa ketiadaan beliau. Sepanjang tahun berkenaan, jawatankuasa pengurusan mengadakan 34 mesyuarat, termasuk 11 mesyuarat khas.

Some of the key functions and roles of the Company Secretary are:

- **Support the Board and the Chairman**

The Company Secretary supports the Board and the Chairman in promoting the highest standards of corporate governance, and facilitating the effective functioning of the Board and its committees, where appropriate. To this effect, the Company Secretary:

- Provides advice to the Chairman and directors as to their duties and responsibilities.
- Ensures the meeting flows effectively.
- Records the decisions of the Board, ensuring decisions are relayed to management to act upon and circulated amongst the directors.
- Provides full access and services to the Board.

- **Appointment of new directors**

The Company Secretary ensures all appointments of new directors are properly effected. This includes assisting the Board in ensuring a smooth administration of the appointment of new directors, briefing new directors on organisational structure of Agrobank and procedures that regulate the operations of the Board. The Company Secretary is also responsible for ensuring that new directors receive appropriate induction into Agrobank and receive all relevant information for the proper discharge of their duties.

- **Compliance with filing and administrative requirements**

The Company Secretary is responsible for ensuring that Agrobank is in compliance with filing requirements under relevant statutes, rules and regulations. Hence, the Company Secretary plays an important role in guiding and advising the Board on legal compliance by way of ensuring compliance with the procedure for conducting meetings and safekeeping of corporate documentation, assisting the Board with interpreting legal and regulatory acts related to Agrobank, notifying the Chairman of any possible violations of legal and regulatory acts, and advising the Board on its obligatory requirements to disclose material information.

- **Implementation of Corporate Governance**

The Company Secretary is responsible for ensuring high standards of governance by keeping abreast with the latest developments in corporate governance, changes in the legal and regulatory framework and international best practices.

Management Committees

The Board and its committees are supported by various management committees, each comprising senior members of management with the requisite knowledge and experience in the focus area of the committee. The President/Chief Executive Officer has the right to appoint a member to be the chairman of the meeting in his absence. During the year, the Management Committees held 34 meetings inclusive of 11 special meetings.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Buat masa ini, terdapat LAPAN jawatankuasa pengurusan, iaitu:

- Jawatankuasa Pengurusan
- Jawatankuasa Pengurusan Kredit
- Jawatankuasa Pengurusan Audit
- Jawatankuasa Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Pengurusan Teknologi Maklumat dan Transformasi
- Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi

Penglibatan Pihak Berkepentingan

Agrobank amat menyedari bahawa kemarpanan perniagaan hanya mampu dicapai menerusi interaksi bernes dengan pihak berkepentingan dan memahami kesan perniagaan Agrobank pada persekitarannya. Penyertaan Agrobank dalam dialog strategik dan proaktif dengan pihak berkepentingan utama membantu Agrobank meraih pemahaman yang lebih mendalam mengenai pemacu perniagaan, di samping dapat mengenal pasti peluang, lantas berupaya mendahului pesaing dalam melakukan penyesuaian terhadap perubahan dalam permintaan. Agrobank sedar bahawa bagi menggapai visinya, jalinan kerjasama amatlah penting.

Walaupun tiada dasar rasmi berkennaan penglibatan dengan pihak berkepentingan, Agrobank kerap mengundang penglibatan para pemegang saham utama, MoF dan pihak berkepentingan utama yang lain, seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, serta pengawal selia, iaitu BNM.

Setiap tahun, satu mesyuarat peringkat tinggi diadakan dengan para menteri yang berkaitan dan/atau timbalan mereka bagi membincangkan prestasi industri pertanian, sumbangan Agrobank serta bagaimana Agrobank dapat melonjakkan lagi sumbangannya demi pembangunan industri ini. Mesyuarat ini disokong dengan mesyuarat berkala pada peringkat Pengurusan Kanan antara Agrobank dan wakil kementerian serta pengawalselia.

Agrobank memberi maklum balas yang berterusan berkennaan pengurusan dan pengagihan dana konsesi daripada kementerian, sekaligus memberi jaminan kepada agensi kerajaan bahawa dana tersebut diuruskan sebaiknya, selaras dengan objektif yang ditetapkan yang menyokong agenda keseluruhan Kerajaan bagi membangunkan negara. Perlu dimaklumi bahawa dana tersebut disalurkan dengan cara yang sewajarnya demi mendorong pembangunan dalam segmen yang disasarkan. Penglibatan sedemikian tersirat dalam AIKP yang mentadbir Agrobank dan lain-lain IKP.

Agrobank mempunyai pelbagai jabatan dan seksyen yang dikhaskan bagi menghubungkan kerajaan, industri dan kakitangan. Setiap pasukan dilengkappan dengan rangka kerja yang memandu penglibatan mereka dengan pihak berkepentingan.

There are currently eight management committees, namely:

- Management Committee
- Management Credit Committee
- Management Audit Committee
- Asset and Liability Committee
- Management Information Technology and Transformation Committee
- Human Resource Management Committee
- Management Risk Committee
- Operational Risk Management Committee

Stakeholder Engagement

Agrobank is fully aware that sustainable business can only be achieved by interacting with its stakeholders and understanding the impact of the business has on its environment. Taking part in strategic and proactive dialogue with key stakeholders helps Agrobank to deepen its insights into business drivers and identify opportunities, and thus be ahead of competition in adjusting to changing demands. Agrobank realises that working in partnerships is crucial in delivering its vision.

Although there is no formal policy on stakeholder engagement, Agrobank engages regularly with its shareholder, MoF, and other key stakeholders, namely the Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA), Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC), Ministry of Rural and Regional Development (KKLW), as well as the regulator i.e. Bank Negara Malaysia (BNM).

A high-level meeting is held with the relevant ministers and/or their deputies annually to discuss the performance of the agriculture industry, Agrobank's contributions as well as ways in which Agrobank could lend further support to the development of the industry. This is supported by regular meetings at the Senior Management level between Agrobank and representatives of the ministries and regulatory bodies.

Agrobank provides constant feedback on the management and distribution of concessionary funds from the ministries, providing assurance to the government agencies that the fund are being administered in line with set objectives that support the Government's overall national development agenda. On this particular note, the funds are being channelled appropriately in a manner that promotes the development of the targeted segments. Such engagement is implicit in the DFIA governing the bank and other DFIs.

Agrobank has various departments and sections dedicated to government relations, industry relations and employee relations. Each team has their engagement framework with its respective stakeholders.

Kebertanggungjawaban dan Audit

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para pengarah bertanggungjawab memastikan penyata kewangan Agrobank memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai keadaan Agrobank, di samping prestasi dan kedudukan aliran tunainya bagi tahun kewangan yang berakhir. Penyata-penyata ini disediakan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, iaitu Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), dan ia mematuhi keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Penyata kewangan dibentangkan kepada para pemegang saham melalui surat dan kemudiannya disiarkan dalam laporan tahunan Agrobank, yang mana ia diedarkan kepada semua pihak kepentingan dan turut terdapat dalam talian di laman sesawang Agrobank di www.agrobank.com.my.

Kawalan Dalam

Agrobank mengendalikan dan membangunkan sistem kawalan dalamannya dengan matlamat utama bagi melonjakkan prestasi perniagaannya dan pada masa sama, mematuhi undang-undang serta peraturan. Kawalan dalaman meliputi semua dasar, proses, prosedur dan struktur organisasi dalam Agrobank yang membantu pihak pengurusan, dan terutamanya pihak Lembaga Pengarah bagi memastikan Agrobank mencapai matlamatnya, serta pengendalian perniagaannya mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang relevan.

Lembaga Pengarah diamanahkan dengan tanggungjawab mengendalikan dan mengkaji semula keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi mengurus dan memantau risiko ketara, dan memastikan pelaburan para pemegang saham, kepentingan pelanggan serta aset Agrobank sentiasa terpelihara. Lembaga Pengarah sentiasa mengkaji semula dan menambah baik rangka kerja pengurusan risiko Agrobank dengan matlamat memastikan kecekapan dan keberkesanan prosedur operasi dan kawalan dalaman bagi mengukur, mengawal, memantau dan melaporkan risiko; dan sentiasa dikemas kini selari dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan dan keadaan operasi dalaman.

BAC sentiasa menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Agrobank dengan mengkaji keberkesanan tindakan yang diambil terhadap kelemahan/kekurangan yang dikenal pasti dalam laporan yang disediakan oleh juruaudit dalaman dan luar semasa berlangsungnya mesyuarat yang dijadualkan. BAC turut mengkaji semula saranan juruaudit dan maklum balas pihak pengurusan terhadap saranan tersebut bagi memastikan apa-apa kelemahan atau kekurangan yang dikenal pasti ditangani sebaiknya dan dengan sesegera mungkin.

Dasar Pendedahan Maklumat

Dalam pengendalian perniagaan dan operasinya, Agrobank beriltizam mendukung setinggi mungkin piawaian integriti, keterbukaan dan kebertanggungjawaban. Sejak dengan prinsip VBI yang diterapkan, Agrobank bertekad menyempurnakan segala urusannya dengan penuh etika, tanggungjawab dan ketelusan, selari dengan prinsip VBI yang telah diterapkan oleh Agrobank. Agrobank sentiasa mengambil segala langkah yang mungkin bagi mengelakkan sebarang tindakan tidak wajar yang boleh mendatangkan akibat yang serius kepada Agrobank atau kakitangannya. Agrobank turut memandang serius sebarang penyelewengan atau kesalahan oleh mana-mana kakitangan, anggota pengurusan atau Lembaga Pengarah, khususnya yang berkaitan dengan kewajipan mereka demi kepentingan Agrobank.

Accountability and Audit

Directors' Responsibility Statement

The directors are responsible for ensuring the financial statements of Agrobank provide a true and fair view of the state of affairs of Agrobank, as well as its performance and cash flow position for the financial year ended 2017. These statements are prepared in accordance with accounting standards approved by the Board, namely the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) and International Financial Reporting Standards (IFRS), and comply with the requirements of the Companies Act, 2016 in Malaysia. The financial statements are presented to the shareholders via letters and subsequently published in Agrobank's annual report, which is distributed to all stakeholders and also made available online on Agrobank's website at www.agrobank.com.my.

Internal Controls

Agrobank maintains and develops its internal control system with the ultimate aim of improving its business performance and, at the same time, complying with the laws and regulations. Internal controls cover all the policies, processes, procedures and organisational structures within Agrobank that help management, and ultimately the Board, to ensure that Agrobank is achieving its objectives and that the business conduct is in compliance with all applicable laws and regulations.

The Board is responsible for maintaining and reviewing the effectiveness of risk management and internal control to manage and monitor material risks, thus ensuring that shareholders' investments, customers' interests and Agrobank's assets are safeguarded. The Board continuously reviews Agrobank's risk management framework with a view to ensure adequate and effective operational procedures and internal controls to measure, control, monitor, and report risks are in place; and are updated in line with changes arising within the business environment and internal operating conditions.

The BAC regularly evaluates the adequacy and effectiveness of Agrobank's internal control systems by reviewing the effectiveness of remedial actions taken on lapses/deficiencies identified in reports prepared by the internal and external auditors during its scheduled meetings. The BAC also reviews the auditors' recommendations, and management's response to these, to ensure any lapse of deficiency identified is dealt with adequately and promptly.

Whistleblowing Policy

Agrobank is committed to the highest possible standards of integrity, openness and accountability in the conduct of this businesses and operation. Agrobank aspires to conduct its affairs in an ethical, responsible and transparent manner in line with the adopted VBI principles. Agrobank takes every effort to avoid any improprieties that may result in serious consequences for Agrobank or its employees. It also takes a serious view of any malpractice or wrong-doing on the part of any employee, member of management or Board, in particular with respect to their obligations to Agrobank's interest.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Dalam usaha membendung penyelewengan, Agrobank menyediakan saluran komunikasi dan saluran lain bagi kakitangan menyuarakan kemosyikilan secara sulit tentang kemungkinan berlakunya kesalahan, penyelewengan atau sebarang salah laku yang disedari oleh mereka. Dasar pendedahan maklumat Bank menyediakan saluran tersusun bagi mana-mana individu membuat laporan dengan jujur tanpa takut terhadap tindakan balas, kebimbangan tentang kemungkinan berlakunya kesalahan dalam pelaporan kewangan atau apa-apa kesalahan yang disyaki, sama ada yang sedang berlaku atau tindakan masa lalu yang boleh memudaratkan Agrobank. Ini termasuk tetapi tidak terhad pada tindakan tidak beretika, seperti aktiviti jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan oleh kakitangan lain atau mana-mana individu yang berurusan dengan Agrobank.

Selaras dengan Dasar Pendedahan Maklumat Bank, identiti pemberi maklumat dilindungi, iaitu sebaik yang mampu dilakukan dan dia dilindungi daripada sebarang tindakan buruk dan memudaratkan susulan pendedahannya tentang perbuatan tidak wajar yang dilakukan ataupun yang akan dilakukan dalam Agrobank, sebaik yang mampu dilakukan, asalkan pendedahan itu dilakukan dengan jujur.

Ikrar Integriti Korporat

Etika dan integriti merupakan komponen yang tersemat dalam semua aspek tadbir urus korporat dan dalam setiap keputusan serta tindakan oleh Lembaga Pengarah. Dalam menegaskan iltizamnya bagi mengekalkan tahap integriti, tadbir urus korporat dan ketelusan yang tinggi, Agrobank menjadi IKP pertama menandatangani Ikrar Integriti pada 6 September 2014. Dengan ikrar ini, Agrobank beriltizam bekerjasama sepenuhnya dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyebatikan budaya integriti dan sifar toleransi terhadap penipuan atau rasuah. Ikrar ini membuktikan iltizam Agrobank dalam membudayakan amalan perniagaan beretika dan menetapkan "Suri Teladan dari Atas" bagi memacu agenda integriti di Agrobank.

In order to curb any malpractices, Agrobank has placed communication channels and other avenues for employees to raise concerns in confidence about possible wrongdoing, malpractice or any misconduct of which they become aware. Agrobank's Whistleblowing Policy provides for access to well-defined channels for any individual to report in good faith, without fear of reprisal, concerns about possible improprieties in financial reporting or any suspected wrongdoings either on-going or past action that could be detrimental to Agrobank. These include but are not limited to unethical incidences such as criminal activities or contravention of laws/regulations committed by another employee or any person who has dealings with Agrobank.

In accordance to Agrobank's Whistleblowing Policy, a whistleblower will be accorded with protection of confidentiality of identity, to the extent reasonably practicable and shall be protected against any adverse and detrimental actions for disclosing any improper conduct committed or about to be committed within Agrobank, to the extent reasonably practicable, provided that the disclosure is made in good faith.

Corporate Integrity Pledge

Ethics and integrity are inherent components in all aspects of corporate governance and in every board decisions and actions. Underlining its commitment to maintaining high standards of integrity, corporate governance and transparency, Agrobank became the first DFI to sign the Integrity Pledge on 6 September 2014. With this pledge, Agrobank is committed to working with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to create a culture of integrity and zero tolerance to fraud or corruption. This pledge is a sign of manifestation of commitment to observe ethical business practices and sets the "Tone at the Top" in driving the integrity agenda within Agrobank.

01

02

03

04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed

05

06

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH


STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Sebagai pendukung bagi prinsip VBI, Agrobank komited dalam mengekalkan tahap ketelusan dan rangkuman tadbir urus serta pelaporan yang tinggi. Ia sekaligus menghasilkan sumbangan yang berkekalan dan berkesan dalam jangka masa panjang kepada masyarakat selain menyediakan peluang dan pertumbuhan dalam bidang perniagaan. Pihak Bank menyedari bahawa tadbir urus Syariah yang kukuh dan menyeluruh amat penting bagi memastikan Agrobank memenuhi semua tanggungjawab dalam mendukung prinsip dan syarat Syariah dalam semua aspek operasi perniagaannya. Dalam merealisasikan hasrat ini, Manual Pematuhan Syariah telah disediakan dan dilaksanakan selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Garis Panduan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (SGF) bagi Institusi Kewangan Islam yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Antara lain, manual ini menggariskan mekanisme kawalan patuh Syariah yang lengkap, termasuk pengawasan berkesan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, selain prosedur operasi Jawatankuasa Syariah (SC) serta kod etika dan tatalaku ahlinya. Jabatan Syariah, *Shariah Review*, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah merupakan nadi Syariah dalaman bagi Bank yang menyokong fungsi jawatankuasa tadbir urus. Jabatan-jabatan ini berperanan dan dipertanggungjawabkan dengan bidang tugas dan kelulusannya adalah ditetapkan oleh SGF serta dasar dan garis panduan yang diselaraskan oleh Syariah dalaman Bank. Pada peringkat institusi, Jabatan Syariah bertindak sebagai perantara bagi SC dan pihak Pengurusan Bank, manakala fungsi *Shariah Review*, Pengurusan Risiko Syariah dan Audit Syariah masing-masing dijalankan oleh Bahagian Pematuhan, Pengurusan Risiko dan Audit Dalam.

As a strong advocate of VBI principles, Agrobank is committed in maintaining a high degree of transparency and inclusiveness in governance and reporting, which will make lasting and impactful contributions to the society besides providing opportunities and growth for the business. The Bank is mindful that a comprehensive and robust Shariah governance framework is essential to ensure that Agrobank meets all obligations in relation to upholding Shariah tenets, principles and conditions in all aspect of its business operations. In view of that, a Shariah Compliance Manual was developed and implemented in line with the requirements prescribed under the Islamic Financial Services Act 2013 and the Guidelines on Shariah Governance Framework (SGF) for Islamic Financial Institutions issued by Bank Negara Malaysia (BNM).

Among others, the manual outlines the end-to-end Shariah-compliant control mechanism including effective oversight by the Board and management as well as the operational procedures of the Shariah Committee (SC) and code of ethics and conduct of its members. These governing committees are supported by dedicated functions acting as internal Shariah organs of the Bank, namely Shariah Department, Shariah Review, Shariah Risk Management and Shariah Audit, whose roles and responsibilities as well as scope of duties and authorities are embedded in the SGF and the Bank's own internal Shariah policies and guidelines. At the institutional level, the Shariah Department acts as an intermediary between the SC and the Management of the Bank; whilst Shariah Review, Shariah Risk Management and Shariah Audit functions are performed by the Compliance, Risk Management and Internal Audit division respectively.



PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Peranan dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menggalas tanggungjawab utama berhubung keseluruhan rangka kerja Syariah dan pematuhan Syariah dalam memastikan rangka kerja tadbir urus berpadanan dengan saiz, kompleksiti dan operasi perniagaan Bank termasuklah keberkesan pelaksanaannya. Dalam melaksanakan fungsi pengawasan ini, Lembaga Pengarah terlibat secara aktif dengan SC bagi mendapatkan khidmat nasihat dan penjelasan berhubung prinsip Syariah. Lembaga Pengarah melantik ahli SC berdasarkan saranan dan cadangan Jawatankuasa Pencalonan Lembaga Pengarah. Semua dasar-dasar berkaitan Syariah diluluskan SC sebelum dipertimbang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Syariah

Jawatankuasa Syariah (SC) dibentuk bagi memastikan perniagaan berasaskan perbankan Islam dan hal-ehwal operasi serta aktiviti Bank mematuhi peraturan dan prinsip Syariah. Peranan dan tanggungjawab SC adalah seperti yang telah ditetapkan di dalam SGF yang dikeluarkan oleh BNM, di mana SC bertanggungjawab ke atas semua keputusan, pandangan dan pendapat Bank yang berkaitan dengan urusan Syariah. Jawatankuasa ini mengesahkan dasar serta prosedur Syariah, dan menyemak laporan yang dikemukakan berdasarkan fungsi Syariah. Ahli jawatankuasa membincangkan isu secara teliti dan memberikan saranan bagi mengurangkan kelemahan kawalan Syariah dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Lain-lain peranan dan tanggungjawab SC adalah seperti berikut:

- Menyemak terma dan syarat dokumen, kontrak dan perjanjian rasmi yang berkaitan urusniaga dan perkhidmatan Bank, selain menyemak iklan, ilustrasi jualan dan brosur pemasaran;
- Menilai keberkesan fungsi Semakan Syariah dan Audit Syariah;
- Memainkan peranan sebagai penasihat pada badan penasihat undang-undang Bank, juruaudit, perunding atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Bank berkenaan urusan yang berkaitan Syariah; dan
- Mendapatkan nasihat daripada Majlis Penasihat Syariah (SAC) BNM bagi pihak Bank demi menyelesaikan sebarang isu dan kemusykilan.

SC terdiri daripada enam orang ahli, dengan lima daripadanya memiliki pengalaman dan pengetahuan meluas mengenai aspek Syariah yang berbeza, daripada undang-undang Syariah hingga kepada kewangan Islam, sementara ahli yang keenam pula adalah ahli perbankan Islam berpengalaman yang menyalurkan pandangannya tentang amalan dan operasi perbankan kepada jawatankuasa.

Roles and Responsibilities

Board of Directors

The Board is ultimately accountable and responsible for the overall Shariah governance framework and state of compliance with Shariah. The Board ensures that the governance framework is commensurate with the size, complexity and nature of the Bank's business operations, and is responsible for its effective implementation. In performing its oversight functions, the Board actively engages with the SC for advisory and clarification relating to Shariah principles and requirements. The Board appoints members of the SC based on recommendations of the Board Nominating Committee. All Shariah-related policies are approved by the SC prior to deliberation and approval of the Board.

Shariah Committee

The Shariah Committee (SC) was established to ensure that the Bank's Islamic banking business and operational affairs as well activities are in compliance with Shariah rules and principles. The roles and responsibilities of the SC are as prescribed in the SGF issued by BNM, which stated that the SC is responsible for all Bank's decisions, views and opinions relating to Shariah matters. The committee endorses Shariah policies and procedures, and reviews reports escalated by the dedicated Shariah functions. The committee members rigorously deliberate on issues and recommendations to mitigate Shariah control weaknesses and potential Shariah non-compliances.

Other roles and responsibilities of the SC are as follows:

- Review the terms and conditions of the official documents, contracts and agreements associated with the Bank's transactions and services, as well as the advertisements, sales illustrations and marketing brochures.
- Assess the effectiveness of the Shariah Review and Shariah Audit functions.
- Undertake an advisory role to the Bank's legal counsel, auditor, consultant or any other party acting for the Bank on matters related to Shariah.
- Consult the Shariah Advisory Council (SAC) of BNM, on behalf of the Bank for the resolution of issues and concerns.

The SC comprises six members, five of whom have extensive experience and knowledge of different aspects of Shariah, ranging from Shariah law to Islamic finance, while the sixth member is an experienced Islamic banker who provides insights on banking practices and operations to the committee.

Pada tahun 2017, SC mengadakan 14 mesyuarat, yang mana usul, semakan dan laporan dibentang dan dibincang dengan teliti, terutamanya mengenai produk dan perkhidmatan baharu dan yang sedia ada. Dapatan Semakan dan audit Syariah, proses pembetulan, perakaunan dan laporan zakat, termasuk isu yang timbul susulan penukaran Bank kepada bank Islam sepenuhnya juga dibincangkan. Ahli SC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:-

Ahli Jawatankuasa Committee member	Jawatan Designation	Bilangan mesyuarat yang dihadiri Number of meetings attended
Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir	Pengerusi/Chairman	14
Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah	Ahli/Member	13
Dr. Mohamad Sabri Zakaria	Ahli/Member	14
Y.M. Engku Ahmad Fadzil bin Y.M. Engku Ali	Ahli/Member	13
Tn. Hj. Azizi bin Che Seman	Ahli/Member	13
Tn. Hj. Jahaidi bin Harun	Ahli/Member	14

Jabatan Syariah: Fungsi, Aktiviti Utama pada tahun 2017 dan Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Mekanisme tadbir urus Agrobank yang kukuh terus memainkan peranan penting dalam memacu penghasilan nilai dengan memastikan semua produk dan perkhidmatan mendapat akreditasi sewajarnya sejajar dengan prinsip Syariah. Proses tadbir urus Syariah di Agrobank diurus oleh Jabatan Syariah. Jabatan Syariah membantu dan bekerjasama dalam semua aktiviti perbankan Syariah serta memastikan pelaksanaan SGF dijalankan secara menyeluruh, termasuk pengwujudan dan pengurusan SC, selain berhubung dengan mereka bagi mendapatkan kelulusan produk dan urusniaga. Jabatan Syariah turut bekerjasama dengan lain-lain jabatan dan jawatankuasa Bank berhubung isu Syariah.

Lain-lain peranan dan fungsi merangkumi:

- Melaksanakan semakan awal bagi kelulusan produk, menilai isu dan melaksanakan urusan pentadbiran dan kesetiausahaan yang berkaitan SC;
- Menjalankan penyelidikan Syariah dan memberikan khidmat nasihat serta rundingan harian berkenaan Syariah kepada pihak berkaitan, termasuk mereka yang terlibat dalam proses pembangunan produk, di samping fungsi sokongan lain;
- Bertindak sebagai penyelaras bagi mesyuarat, mengumpulkan kertas cadangan, memaklumkan keputusan Syariah kepada pihak berkepentingan yang relevan serta bekerjasama dengan SC bagi perbincangan lanjut mengenai isu Syariah tertentu; dan
- Meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai prinsip Syariah serta fungsinya kepada kakitangan Bank melalui program latihan dan kesedaran serta perkongsian ilmu.

In 2017, the SC held 14 meetings at which proposals; reviews and reports were presented and thoroughly discussed mainly on new and existing products and services. Findings of Shariah Review and audit, rectification process, accounting and zakat report including issues arising from the Bank's conversion into a full-fledged Islamic bank were also discussed during these meetings. The members of the SC and their record of attendance are as follows:-

Ahli Jawatankuasa Committee member	Jawatan Designation	Bilangan mesyuarat yang dihadiri Number of meetings attended
Prof. Madya Dr. Mohamed Fairooz Abdul Khir	Pengerusi/Chairman	14
Prof. Madya Dr. Atikullah Hj. Abdullah	Ahli/Member	13
Dr. Mohamad Sabri Zakaria	Ahli/Member	14
Y.M. Engku Ahmad Fadzil bin Y.M. Engku Ali	Ahli/Member	13
Tn. Hj. Azizi bin Che Seman	Ahli/Member	13
Tn. Hj. Jahaidi bin Harun	Ahli/Member	14

Shariah Department: Functions, Key Activities in 2017 and Strategic Priorities in 2018

Agrobank's robust Shariah governance mechanism continues to play an integral part in driving value creation by ensuring that all the products and services are duly accredited and in line with Shariah principles. The Shariah governance process at Agrobank is managed by the Shariah Department. Providing cross-functional support for all Shariah banking activities, the Shariah Department ensures the implementation of a comprehensive SGF, including the formulation and management of the SC and liaising with them for product and transaction approvals. The Shariah Department also coordinates with the Bank's various departments and committees on Shariah issues.

Other roles and functions include:

- Conduct pre-product approvals, appraise issues and undertake administrative as well as secretarial matters relating to the SC.
- Perform in-depth Shariah research and provide day-to-day Shariah advice and consultancy to relevant parties including those involved in the product development process as well as other supporting functions.
- Act as a central coordinator for meetings, compiling proposed papers, disseminating Shariah decisions to relevant stakeholders and engaging with the SC when seeking further deliberation on Shariah issues.
- Elevate understanding and awareness of Shariah principles and its applications among Bank staff through trainings, awareness programmes and knowledge sharing.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Pengwujudan budaya tadbir urus Syariah yang kukuh di seluruh Bank terus menjadi tumpuan utama sepanjang 2017. Agrobank menyedari perubahan tatacara dan penetapan minda mengenai pematuhan Syariah mampu menjana kesedaran, motivasi dan kebertanggungjawaban. Bagi mencapai hasrat ini, pemahaman yang lebih mendalam mengenai risiko Syariah dan pematuhan Syariah merupakan usaha penting bagi menginstitusikan budaya sifar ketidakpatuhan Syariah. Pelbagai program latihan dan kesedaran dianjurkan oleh Jabatan Syariah pada tahun 2017 seperti program-program berbentuk kesedaran dan latihan perbankan Islam bagi memupuk pemahaman lebih mendalam untuk mengenalpasti risiko ketidakpatuhan Syariah dengan lebih baik. Semua modul dihasilkan oleh Bank berdasarkan isu yang timbul susulan semakan Syariah dan pengauditan. Ianya bagi memastikan latihan menjadi lebih relevan dan praktikal bagi operasi sehari-hari Bank. Menerusi program kesedaran ini, Jabatan Syariah memanfaatkannya dengan memaklumkan program kesedaran secara berkala kepada semua peringkat unit perniagaan mengenai kepentingan memenuhi kehendak Syariah.

Peranan Jabatan Syariah di Agrobank tidak terhad kepada hanya memastikan pematuhan tadbir urus Syariah. Ianya juga melibatkan khidmat nasihat dan sokongan kepada pelbagai jabatan dan jawatankuasa bagi semua perkara berkaitan Syariah. Dengan peranan dan kapasitinya, Jabatan Syariah menjadi penghubung penting antara pematuhan Syariah dan perniagaan Bank, serta pada masa yang sama membantu pelbagai jabatan menjalankan operasi dan urusan sehari-hari, termasuk menyokong perniagaan bagi mengurangkan risiko serta membangunkan perniagaan.

Dengan budaya Ketidakpatuhan Syariah Sifar sebagai nadi aktiviti Jabatan Syariah pada tahun 2017, beberapa inisiatif dilaksanakan bagi menyediakan khidmat sokongan kepada kakitangan Bank, termasuklah pengumpulan isu Syariah dan penambahbaikan saluran khidmat nasihat, khususnya menerusi Agrofiqh dan Soal Jawab Syariah. Menerusi portal Soal Jawab Syariah, kakitangan Bank dapat mengajukan sebarang soalan berkaitan Syariah, yang mana ia akan disemak dan dijawab Jabatan Syariah. Dengan akses terbuka pada semua kakitangan, portal tersebut menjadi wadah pembelajaran dan maklumat yang menggalakkan pembelajaran berterusan oleh kakitangan Bank bagi semua perkara berkaitan Syariah (sama ada bagi isu berkaitan perbankan maupun sebaliknya).

Creating a strong Shariah governance culture across the Bank continues to be the main focus in 2017. Agrobank is cognisant to the fact that changing behavior and mindset on Shariah compliance creates a sense of awareness, motivation, and accountability. To this effect, greater understanding of Shariah risk and Shariah compliance are of paramount importance in efforts to institutionalise a Zero Shariah Non-Compliance culture. A number of trainings and awareness programmes were organised during the year by the Shariah Department in the form of Islamic banking training and awareness programme for deeper understanding and better identification of Shariah non-compliance risks. All modules were developed in-house based on issues arising from Shariah review and audit exercises. This ensures that trainings were made more relevant and are practical to the day-to-day Bank's operations. Through awareness programmes, Shariah Department would communicate regularly the importance of adherence to Shariah requirements to all levels in the business units.

The role of the Shariah Department at Agrobank goes beyond box-ticking to comply with Shariah governance, but extends to include advisory and support services to various departments and committees on all matters related to Shariah. In its role and capacity as a business partner, the Shariah Department becomes the crucial link between Shariah compliance and the Bank's business while at the same time facilitating various departments in conducting their day-to-day business and operations including supporting business in risk mitigation and business development.

With Zero Shariah Non-Compliance culture at the heart of the Shariah Department's activities in 2017, a number of initiatives were undertaken to provide the necessary *support service* to the Bank's staff including the compilation of Shariah issues and the enhancement of advisory channels namely *Agrofiqh* and *Soal Jawab Shariah*. Through the *Soal Jawab Shariah* portal, bank staff can pose any Shariah related questions, which will be reviewed and responded to by the Shariah Department. Accessible by all staff, the portal serves as a learning and information gateway that encourages continuous learning by staff in all matters related to Shariah (both bank and non-bank issues).

01

02

03

04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed

05

06

Sepanjang tahun, Jabatan Syariah terus menganjurkan program bimbingan Syariah, selain sesi halaqah setiap Jumaat bagi membincangkan fatwa dan piawaian yang dikeluarkan Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI). Pemahaman yang lebih mendalam dan menyeluruh mengenai piawaian AAOIFI dalam kalangan pegawai Syariah ini membolehkan mereka memanfaatkan amalan terbaik antarabangsa dalam tadbir urus dan pematuhan Syariah. Adakalanya, sesi halaqah ini juga turut disertai SC bagi memberi sedikit sebanyak panduan. Keberkesanan Jabatan Syariah terbukti dengan pengurangan secara signifikan isu ketidakpatuhan Syariah mahupun dapatan berdasarkan data yang dikumpulkan melalui semakan Syariah sepanjang tahun.

Jabatan Syariah sudah mengenalpasti beberapa keutamaan strategik yang mewakili bidang tumpuan bagi 2018. Keutamaan ini bukan hanya tertumpu kepada inisiatif baharu bahkan melibatkan cara menangani cabaran dan memanfaatkan peluang. Antara keutamaan strategik yang dikenalpasti adalah implementasi program kesedaran sedia ada dan baharu, termasuk program kesedaran budaya Islam dan program Keterlibatan Cawangan. Program kedua itu diharap menggalakkan Pegawai Syariah memantapkan penglibatan mereka dengan kakitangan cawangan. Menerusi program ini, kakitangan cawangan mempunyai peluang untuk mendapatkan bimbingan secara terus daripada pegawai Syariah berkenaan perkara berkaitan Syariah dalam operasi perbankan. Cawangan adalah barisan pemantauan pertama, justeru, matlamat program ini adalah untuk meningkatkan pemahaman kakitangan cawangan mengenai isu-isu utama Syariah dan berkaitan Syariah, selain menjawab soalan dan menangani keraguan. Jabatan Syariah akan terus menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi menggarap konsep-konsep Syariah baharu bagi produk dan perkhidmatan perbankan, dan memperkemas garis panduan dalaman yang berkaitan Syariah. Di samping itu, demi memastikan keseimbangan gaya hidup, Jabatan Syariah merancang menawarkan lebih banyak aktiviti suai kenal di luar pejabat bagi memacu interaksi, pendidikan dan pembinaan pasukan di tempat kerja. Ini mencakupi aktiviti seperti sukan, hari keluarga dan berkembara.

Pengurusan Risiko Syariah: Fungsi, Aktiviti Utama pada tahun 2017 dan Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Tadbir urus Syariah yang teguh terus diperkuuh dengan penggunaan rangka kerja pengurusan risiko bagi ketidakpatuhan Syariah, di mana pengurusan risiko Syariah merupakan sebahagian rangka kerja pengurusan risiko bersepadu Bank. Fungsi utama pengurusan risiko Syariah adalah mengenalpasti, mengukur, memantau, mengawal, mengurang dan melaporkan risiko Syariah dan bukan Syariah berkaitan operasi dan perniagaan Bank secara berstruktur dan sistematik, seperti mana yang dikehendaki SGF. Menerusi pemantauan berterusan profil risiko Syariah dan keberkesanan kawalan sedia ada, risiko Syariah memudahkan pengurusan risiko ketidakpatuhan Syariah dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan, sekaligus berusaha ke arah memantapkan budaya Sifar Ketidakpatuhan Syariah di keseluruhan peringkat Bank.

Throughout the year, the Shariah Department continued to conduct coaching programmes on Shariah as well as a one hour halaqah session every Friday to review fatwas and standards issued by the Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). A deeper and more comprehensive understanding of AAOIFI's standards amongst Shariah officers would enable them to adopt international best practices in Shariah governance and compliance. These *halaqah* sessions are occasionally joined by the SC for good guidance. The effectiveness of the Shariah Department activities is evidenced in the significant reduction of Shariah non-compliance issues or findings based on data collected through Shariah review exercises throughout the year.

Within its function, the Shariah Department has identified several strategic priorities that represent areas of focus for 2018. These priorities will not only focus on new initiatives but address challenges and build upon opportunities. Strategic priorities that have been identified include the implementation of existing and new awareness programmes such as the Islamic culture awareness programme and Branch Engagement programme by the Shariah Department. The latter programme is envisaged to encourage Shariah Officers to increase their involvement with the staff at the branch level. Through this programme, staffs at the branches will have the opportunity to have face-to-face engagement sessions with a Shariah officer for direct coaching on Shariah related matters in their banking operations. The aim is to enhance the level of understanding of key Shariah and Shariah related issues and to address queries and doubts especially from the branches as they are the first line of defence. The Shariah Department will continue to conduct research and development for new Shariah concepts for banking products and services, and streamlining Shariah related internal guideline. Moreover, in striving to achieve lifestyle balance, the Shariah Department plans to offer more outdoor engagement activities that drive interaction, education and team building in the workplace. These include activities such as sport, family day trip and travelling.

Shariah Risk Management: Functions, Key Activities in 2017 and Strategic Priorities in 2018

Sound Shariah governance is further reinforced with the adoption of risk management framework for Shariah non-compliance where Shariah risk management forms part of the Bank's integrated risk management framework. The main function of Shariah risk management is to identify, measure, monitor, control, mitigate and report Shariah as well as non-Shariah risks associated with the Bank's business and operations, in a structured and systematic manner, as per requirement under the SGF. Through the continuous monitoring of Shariah risk profiles and the effectiveness of existing controls, Shariah risk facilitates the efficient and effective management of Shariah non-compliance risks and work towards further institutionalising a Zero Shariah Non-Compliance culture across the Bank.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Oleh itu, pengurusan risiko Syariah bertanggungjawab ke atas pembangunan, pengekalan dan penambahbaikan rangka kerja, dasar, prosedur dan pelaksanaan Pengurusan Risiko Syariah, termasuk melaporkan risiko ketidakpatuhan Syariah kepada Jawatankuasa Syariah (SC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC), Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) dan Lembaga Pengarah. Selain itu, mandat juga diberikan bagi pembangunan dan pelaksanaan langkah bagi meningkatkan kesedaran mengenai risiko Syariah di Bank, memantau penyucian pendapatan akibat ketidakpatuhan Syariah sepetimana yang dikehendaki oleh SC serta menyediakan langkah pengurangan dan pelan tindakan bagi mencegah berulangnya insiden yang berpotensi menjana pendapatan tidak patuh Syariah.

Pengurusan risiko Syariah juga memastikan sebarang ketidakpatuhan segera ditangani, dibetulkan dan dilaporkan. Ini bukan hanya bertujuan untuk memastikan pendapatan yang diperolehi adalah patuh Syariah, tetapi apa yang lebih penting lagi adalah bagi memastikan sistem dan kawalan sedia ada mencukupi agar ketidakpatuhan pada undang-undang dan prinsip Syariah dapat dielakkan. Oleh yang demikian, sebarang urusniaga yang diragui sebagai tidak patuh Syariah akan diajukan kepada SC untuk dibincangkan dan bagi memutuskan sama ada peraturan Syariah dilanggar ataupun tidak. Pengurusan risiko Syariah memantau insiden ini serta status pembetulannya, serta memastikan pelaporan kepada SC, Lembaga Pengarah dan BNM dilakukan tepat pada masanya.

Sepanjang tahun, tiga garis panduan pengurusan risiko Syariah telah dikemaskini seiring dengan kehendak kawal selia dan amalan terbaik industri, termasuk Garis Panduan Penyucian Pendapatan Tidak Patuh Syariah (MO-190). Bagi memudahkan rujukan, garis panduan mesra pengguna yang mudah difahami berkenaan risiko Syariah turut dihasilkan. Pengurusan risiko Syariah juga menyediakan paparan maklumat bulanan yang komprehensif mengenai pengurusan risiko Syariah. Ia meliputi laporan tentang ketidakpatuhan Syariah bagi rujukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC) dan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC).

Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa Agihan diwujudkan bagi mengoptimumkan fungsi sedia ada Jawatankuasa dalam pengagihan zakat dan pendapatan yang tidak patuh Syariah. Antara lain, Jawatankuasa menjalankan peranan berikut: memastikan pengagihan zakat dan pendapatan wang tidak patuh syariah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan sebagaimana yang ditetapkan Al-Quran, dan memastikan pematuhan pada garis panduan pengagihan.

Hence, Shariah risk management is responsible for the development, maintenance and enhancement of the Shariah Risk Management framework, policies and procedures and its implementation, including reporting Shariah non-compliance risk to the Shariah Committee (SC), Management Risk Committee (MRC), Board Risk Management Committee (BRMC) and the Board of Directors. Other mandates include the development and implementation of measures to elevate Shariah risk awareness within the Bank, monitor the purification of the non-halal income due to non-compliance with Shariah requirements as guided by the Bank's SC and provide mitigating measures as well as action plans to avoid the recurrence of incident(s) that could potentially result in non-halal income.

The Shariah risk management also ensures that any incident of non-compliance is immediately addressed, rectified and reported. This is not only to ensure the purity of the income earned but more importantly to ascertain that adequate systems and controls are in place in assuring that non-compliance with Shariah rules and principles can be averted. Hence, any transaction suspected as Shariah non-compliant will be escalated to the SC for deliberation and decision whether any Shariah requirements have been breached. Shariah risk management tracks the incident and rectification status, and ensure timely reporting to the SC, Board and BNM.

During the year, three Shariah risk management guidelines were revised in line with regulatory requirements and industry best practices, which included Purification of Non-Halal Income Guideline (MO-190). For easy reference, user-friendly guidelines of Shariah risks that are easy to understand were developed. The Shariah risk management also prepared comprehensive, monthly Shariah risk management dashboard that includes reporting of Shariah non-compliance events for the consumption of the Management Risk Committee (MRC) and for Board Risk Management Committee (BRMC).

The Terms of Reference (TOR) for the Distribution Committee (*Jawatankuasa Agihan*) were established with a view to optimise the existing Committee's function for distribution of zakat and non-halal income. Amongst others, the Committee performs the following roles: ensure the effective and efficient distribution of zakat and non-halal income as laid down in the Quran, and ensure the adequacy of and compliance with the distribution guidelines.

01

02

03

04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed

05

06

Memandangkan risiko ketidakpatuhan Syariah adalah risiko operasi, maka pengurusan risiko Syariah menjadi sebahagian Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM) Bank. Berdasarkan ini, Bank membangunkan rangka kerja ORM yang menyeluruh, yang merangkumi Kesedaran Kendiri Kawalan Risiko Syariah (SRCSA) dan Petunjuk Utama Risiko (KRI). KRI risiko ketidakpatuhan Syariah diterapkan dalam proses perniagaan bagi memudahkan pemantauan risiko utama dari semasa ke semasa. Berbekalkan kejayaan projek rintis SRCSA pada tahun 2016, Bank melaksanakan SRCSA di cawangannya di seluruh negara pada tahun 2017, di mana risiko ketidakpatuhan Syariah dan kawalan bagi mengurangkan risiko itu dikenalpasti dan dinilai oleh pemilik proses. Inisiatif lain yang menyokong budaya Ketidakpatuhan Syariah Sifar termasuklah menganalisis status pematuhan Bank berdasarkan garis panduan BNM bagi keperluan pengurusan risiko, di samping membina kemampuan dan keupayaannya bagi melaksanakan polisi yang dikeluarkan BNM dalam bidang pengurusan risiko.

Pada tahun 2018, Bank menjangka mampu menambah baik pelaporan pendapatan daripada perkara yang melibatkan ketidakpatuhan Syariah dan aset bukan Syariah, termasuk mengenalpasti dan menilai risiko ketidakpatuhan Syariah dalam aktiviti dan operasi perniagaan Bank. Keutamaan strategik lain bagi 2018 termasuklah mengemaskini garis panduan pengurusan risiko Syariah iaitu Garis Panduan Penilaian Kendiri Kawalan Risiko Syariah (MO-213), menghasilkan profil risiko bagi unit perniagaan dan sokongan menerusi proses penilaian kendiri kawalan risiko dan lain-lain metodologi dan medium pengurusan risiko. Pengurusan risiko Syariah juga akan sentiasa berhubung dengan unit perniagaan melalui program kesedaran, peringatan dan makluman demi menambah baik pemahaman berkenaan Syariah, perbankan Islam dan pengurusan risiko.

Semakan Syariah: Fungsi, Aktiviti Utama pada tahun 2017 dan Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Fungsi semakan Syariah memastikan aktiviti dan operasi yang dijalankan Agrobank sentiasa patuh Syariah. Secara ringkasnya, semakan Syariah adalah semakan menyeluruh yang bukan hanya tertumpu pada penyata kewangan, tetapi turut membabitkan kontrak, perjanjian, urus niaga dan proses pembangunan produk dari awal hingga akhir bagi memastikan pematuhan Syariah dan meningkatkan kredibiliti aktiviti Bank. Bagi mencapai matlamat ini, semakan Syariah melibatkan pemeriksaan dan penilaian dalam dan luar premis ke atas keseluruhan aktiviti dan operasi unit perniagaan dan sokongan dari mula hingga akhir, yakni bagi tahap pematuhan pada peraturan dan prinsip Syariah.

Semua dapatan yang diperoleh susulan semakan Syariah, termasuk ketidakpatuhan Syariah didokumenkan dan dimasukkan di dalam Laporan Semakan Syariah. Laporan itu kemudian dibentangkan kepada pihak Pengurusan, SC dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah bagi perbincangan dan makluman. Laporan itu juga mengandungi saranan langkah dan tindakan pembetulan yang perlu diambil bagi menangani ketidakpatuhan Syariah, selain mekanisme kawalan bagi mengelakkannya daripada berulang.

In view that Shariah non-compliance risk is in itself an operational risk, Shariah risk management forms part of the Bank's Operational Risk Management (ORM) Framework. Towards this end, the Bank has developed a comprehensive ORM framework comprising of Shariah Risk Control Self-Awareness (SRCSA) and Key Risk Indicator (KRI). The KRIs of Shariah non-compliance risks are built into the business processes to facilitate the monitoring and tracking of key risks over time. With the success of the pilot projects on SRCSA conducted in 2016, the Bank expanded the SRCSA throughout its branches nationwide during the year, whereby Shariah non-compliance risks and the adequacy of controls in-placed to mitigate those risks were being identified and measured by the process owners. Other key initiatives that support a Zero Shariah Non-Compliance culture include analysing the Bank's compliance status against BNM policy documents for risk management requirements as well as build up its capability and capacity to response to policy documents issued by BNM in the areas of risk management.

In 2018, the Bank expects to improve in tracking and reporting of income from Shariah non-compliance events and non-Shariah asset, which includes identifying and assessing Shariah non-compliance risks in the Bank's business operations and activities. Other strategic priorities for 2018 include the revision of Shariah risk management guidelines on Shariah Risk Control Self-Assessment Guidelines (MO-213), establish a bank-wide Shariah risk profile of business and support units through risk risk and control self-assessment process and other risk management tools and methodologies. Shariah risk management will also continue to engage with business units through awareness, alerts and notification programmes with a view of enhancing the understanding of Shariah, Islamic banking and risk management.

Shariah Review: Functions, Key Activities in 2017 and Strategic Priorities in 2018

The Shariah review function ensures that the activities and operations carried out by Agrobank do not contravene with the Shariah. In short, the Shariah review is a comprehensive review of not only the financial statements but also of the contracts, agreements, transactions and end-to-end product development process, to ensure Shariah compliance and to add credibility to the Bank's activities. To this effect, Shariah review involves the off-site and on-site examinations and independent evaluations of the end-to-end activities and operations of the business and support units within the Bank with regard to their level of compliance with Shariah rules and principles.

All observations arising from Shariah review exercises including incidence of Shariah non-compliance are documented and highlighted in the Shariah Review Report, which are then tabled to the Management, SC and subsequently to the Board for deliberation and notification. The report also contains recommended rectification measures and actions that need to be taken to resolve Shariah non-compliance as well as control mechanisms to avoid any recurrence.

PENYATA TADBIR URUS SYARIAH

STATEMENT ON SHARIAH GOVERNANCE

Dengan pengurusan risiko yang semakin kukuh, Agrobank berjaya menjalankan semakan Syariah ke atas 174 cawangan dan kiosk, manakala 7 semakan dijalankan di ibu pejabat. Bagi semakan ke atas cawangan, ianya merangkumi semakan fizikal ke atas 80 buah cawangan dan baki 94 cawangan melalui semakan komputer. Objektifnya adalah bagi mengenal pasti sebarang kekurangan dalam kawalan atau proses yang dapat mengakibatkan insiden ketidakpatuhan Syariah, selain memastikan pematuhan Syariah oleh operasi Bank secara keseluruhan agar operasi Bank selari dengan garis panduan Syariah yang telah ditetapkan.

Pihak Semakan Syariah juga telah berjaya membetulkan 349 akaun ketidakpatuhan Syariah yang lalu menjelang akhir Disember 2017, dan tanpa sebarang aktiviti ketidakpatuhan Syariah sebenar dilaporkan pada tahun 2017. Jerayawara Kesedaran Perbankan Islam yang dijalankan Unit *Syariah Review* secara bersama dengan pasukan Tadbir Urus Syariah berjaya meningkatkan kesedaran Syariah di kalangan kakitangan. Ini menyumbang kepada sifar aktiviti ketidakpatuhan Syariah di Bank. Jerayawara ini terbukti berkesan berdasarkan pertambahan cawangan yang mencapai penarafan cawangan yang memuaskan pada tahun 2017, seperti berikut:

With the strengthening of Shariah risk management capabilities, Agrobank successfully conducted Shariah review exercises across 174 branches and kiosks whilst 7 were carried out at the Bank's headquarters, where physical review was conducted on 80 branches and desktop review on the remaining 94 branches. The objective was to consciously identify any lapses in controls or processes that could lead to Shariah non-compliance incidents as well as to ensure the overall Shariah compliance of the Bank's operation and their alignment with the stipulated Shariah guidelines.

As a result of the exercise, the Bank was able to rectify 349 legacy Shariah non-compliance accounts by end of December 2017 with no actual Shariah non-compliant event reported in 2017. The Islamic Banking Awareness Roadshow, in which the Shariah review unit had collaborated with the Shariah governance team, had the much desired impact on enhancing Shariah awareness amongst the staff and had contributed to zero Shariah non-compliance incidents within the Bank. The impact of this roadshow is evident from the increase of the number of branches achieving satisfactory branch rating in 2017 as follows:

Penarafan Kumulatif Cawangan 2017/Commulative Branch Rating 2017	
Penarafan Rating	Peratusan Percentage
Rendah/Low	16.2
Sederhana/Moderate	64.7
Atas Sederhana/Above Average	19.1
Tinggi/High	0

Bank akan memanfaatkan maklumat yang diperolehi susulan semakan Syariah bagi memperkuatkannya prosesnya untuk memastikan Pematuhan Syariah 100% dapat dikekalkan, termasuk menambah baik dan memperbanyak bilangan cawangan yang disemak secara fizikal, semakan komputer dan pemeriksaan mengejut ke atas cawangan ataupun jabatan yang diberi keutamaan, berdasarkan Pelan Semakan Syariah berasaskan pengurusan risiko. Senarai semak bagi semakan Syariah akan dikemaskini bagi memudahkan pelaksanaan penilaian kendiri pematuhan Syariah pada peringkat cawangan. Paparan maklumat semakan Syariah juga akan dibentuk agar menjadi platform bagi mendapatkan semua dapatkan secara menyeluruh semasa semakan dilakukan seterusnya menjadi sebahagian penilaian risiko berkala oleh semakan Syariah.

Moving forward, the Bank would draw from the lessons learnt from the review exercises to strengthen its processes in order to maintain the 100% Shariah Compliance, including enhancing and broadening the coverage of branch visitation through the conduct of physical review, desktop review and spot checks on priority branches or departments based on a Shariah Review Risk Heat Map. The Shariah review checklist will be revised to ensure ease of carrying out self Shariah-compliant assessments at the branch level. A Shariah review dashboard will also be developed as a platform to comprehensively track all observations during the review exercises and will become part of the regular risk assessment conducted by Shariah review.

Antara fokus utama bagi tahun 2018, semakan Syariah akan menyemak semula produk berasaskan *Qard*, selaras dengan dokumen dasar Syariah bagi *Qard* (*Piaawaiyan Qard*) yang dikeluarkan BNM. *Qard* adalah instrumen yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan penduduk luar bandar, sejahtera dengan komitmen kami untuk memberi khidmat kepada komuniti yang kurang ataupun tidak mendapat akses pada perkhidmatan perbankan dan ini merupakan satu usaha menginstitusikan prinsip VBI oleh Agrobank. Selari dengan Klausa 22 dalam dokumen dasar mengenai *Qard*, industri perbankan Islam dikehendaki menjalankan langkah pengelasan semula, yang mana ia akan menggantikan semua Akaun Semasa-*i* dan Akaun Simpanan-*i* (*CASA-i*) berasaskan Wadiyah dengan Akaun Semasa-*i* dan Akaun Simpanan-*i* (*CASA-i*) berasaskan *Qard* menjelang 31 Julai 2018. Bagi menggalakkan dan mengekalkan budaya pematuhan Syariah cemerlang, lain-lain inisiatif untuk kakitangan akan dipertingkatkan, termasuk penganjuran program/sesi pematuhan Syariah yang dikhushuskan, jerayawara, buletin pematuhan dan sebagainya.

Audit Syariah: Fungsi, Aktiviti Utama pada tahun 2017 dan Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Sebagai salah satu tunggak utama SGF, audit Syariah menyediakan penilaian bebas dan jaminan objektif yang direka bentuk bagi menambah nilai dan menambah baik tahap pematuhan dalam operasi perniagaan Agrobank, serta dengan objektif utama memastikan kewujudan sistem kawalan Syariah dalaman yang kukuh dan berkesan. Justeru itu, audit Syariah menjalankan khidmat nilai tambah secara berkala bagi meneliti aktiviti operasi, laporan kewangan serta ketepatan polisi dan proses dan prosedur Bank.

Bagi menilai sama ada sistem kawalan dalaman pematuhan Syariah yang kukuh dan berkesan sudah pun dilaksanakan, audit Syariah bertanggungjawab membangunkan program ataupun pelan audit dalaman yang menyeluruh. Ia meliputi objektif, skop, tugas kakitangan, persampelan, kawalan dan tempoh, di samping mewujudkan proses, dasar dan prosedur audit yang sewajarnya. Semua hasil penilaian dan dapatan susulan audit Syariah akan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC) dan SC. Audit Syariah juga memberikan saranan berkenaan langkah pembetulan, selain melakukan susulan bagi memastikan pelaksanaannya oleh Pengurusan Bank. Lain-lain fungsi sokongannya termasuklah mendapatkan dan membuat rujukan pada sumber relevan, termasuk ketetapan BNM SAC yang diterbitkan, keputusan Jawatankuasa Syariah, fatwa, garis panduan, hasil audit Syariah dan manual dalaman mengenai Syariah.

Bagi memastikan proses pematuhan penuh dengan garis panduan Syariah, audit Syariah menjalankan audit Syariah yang sudah dirancang ke atas tadbir urus, pengurusan risiko, kawalan dan pematuhan pada peraturan serta prinsip Syariah pada tahun dalam kajian. Apabila sesuai, saranan penambahbaikan dibuat dan seterusnya dilaporkan kepada BAC dan SC. Audit Syariah juga bekerjasama dengan Tadbir Urus Syariah bagi menganjurkan dan menyokong pelaksanaan Jerayawara Kesedaran Perbankan Islam. Ini demi menyemai budaya Ketidakpatuhan Sifar Syariah. Pada tahun 2018, keutamaan strategik bagi fungsi audit Syariah meliputi penambahbaikan instrumen penilaian bagi semakan tematik dan terhad dengan memanfaatkan metodologi berasaskan risiko Syariah, di samping terus memupuk budaya pematuhan Syariah cemerlang dan meningkatkan pengetahuan Syariah di kalangan kakitangan Bank. Audit Syariah merancang menyediakan khidmat nasihat dan perundingan bagi rumusan tindakan yang sesuai berkenaan isu Syariah, di mana kekurangan yang dikenal pasti berhubung pematuhan Syariah dianggap sebagai ilmu yang dapat diambil manfaatnya.

Shariah review will continue to have major focus on reviewing *Qard* based products as per the Shariah policy document for *Qard* (*Qard Standard*) issued by BNM in 2018. *Qard* is an instrument designed to serve rural areas, in-line with our commitment to the un-served and underserved communities as part of Agrobank's effort to institutionalise VBI. Pursuant to Clause 22 in the *Qard* policy document, the Islamic banking Industry is to implement reclassification exercise, which will effectively replace all Wadiyah based Current Account-*i* and Saving Account-*i* (*CASA-i*) with *Qard* based Current Account-*i* and Savings Account-*i* (*CASA-i*) by 31 July, 2018. In promoting and maintaining a strong Shariah compliance culture, further engagement initiatives with all staff will be further enhanced including organising dedicated Shariah compliance programmes/sessions, roadshows, compliance bulletin, etc.

Shariah Audit: Functions, Key Activities in 2017 and Strategic Priorities in 2018

Shariah audit, which is one of the key pillars of the SGF, provides an independent assessment and objective assurance designed to add value and improve the degree of compliance in relation to Agrobank's business operations, with the main objective of ensuring a sound and effective internal Shariah control system is in place. Hence, Shariah audit performs value-added services that examine operational activities, financial reporting, and the adequacy of policies and procedures of the Bank on a periodic basis.

In assessing whether a sound and effective internal control system for Shariah compliance has been implemented, Shariah audit is responsible for developing a comprehensive internal audit programme or plan that includes objectives, scope, personnel assignment, sampling, control and duration as well as the establishment of proper audit processes, policies and procedures. All results of assessments or findings arising from the Shariah audit will be communicated to the Board Audit Committee (BAC) and SC. The Shariah audit also provides recommendations on rectification measures taken as well as following up on the implementation by the Management of the Bank. Other support functions include obtaining and making reference to relevant sources, including the BNM SAC's published rulings, the Shariah Committee's decisions, fatwas, guidelines, the Shariah audit results and the internal manual on Shariah.

In ensuring full compliance with shariah requirement, Shariah audit conducted planned Shariah audit assignments and evaluations on the governance, risk management, controls and compliance with Shariah rules and principles during the year under review. Where appropriate, recommendations for improvements and enhancements were made and thereafter reported to the BAC and SC. In a combined effort to inculcate zero Shariah non-compliance culture, Shariah Audit collaborated with the Shariah Governance team to implement and support the Islamic Banking Awareness Roadshow. Strategic priorities for Shariah audit functions in 2018 include to enhance assessments tools for thematic and limited review by utilising Shariah risk based methodology, to further inculcate a strong Shariah compliance culture and enhance Shariah knowledge among bank staff. Shariah audit plans to provide consultation and advisory services in devising appropriate course of action for Shariah issues, where identified deficiencies pertaining to Shariah compliance are regarded as lesson-learnt.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Agrobank menekankan kepentingnya memiliki sistem pengawasan dan pengurusan risiko yang mantap dan kukuh yang berkaitan dengan aktiviti perniagaanya. Pengurusan risiko begitu penting dalam perniagaan, operasi dan bagi mendapatkan keputusan Bank untuk mencapai keseimbangan antara risiko yang diambil dan tahap ganjaran yang dikehendaki. Dengan articulasi mengenai keutamaan dan keseimbangan risiko bagi mencapai pertumbuhan perniagaan, Bank memastikan ketelusan dalam aktiviti tindakan risikonya dan menyokong keputusan strategik yang dibuat Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Tadbir Urus Risiko

Adalah penting bagi Bank melaksanakan amalan pengurusan risiko yang kukuh dan standard pembiayaan berhemat ekoran keadaan pasaran yang tidak menentu dan faktor risiko dinamik yang berkaitan dengan sektor pertanian. Selaras dengan usaha Bank mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan yang diingini, peranan yang dimainkan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan amat penting bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang teguh, selain melindungi kekuahan kewangan Bank sebagai institusi kewangan pembangunan (IKP) yang berwibawa.

Di Agrobank, tanggungjawab tertinggi pengurusan risiko digalas Lembaga Pengarah. Dalam memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah dibantu Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC). Pada peringkat pengurusan, BRMC dibantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC), Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC).

Agrobank places great importance on having a sound and robust system of oversight and management of risks related to its business activities. The management of risk is integral to the Bank's business, operations and decision-making, with the ultimate aim of achieving appropriate balance between risks undertaken and the desired level of rewards. With clear articulation of risk preferences and trade-offs in the pursuit of business growth, the Bank ensures transparency in its risk-taking activities and supports the strategic decisions made by the Board and management.

Risk Governance

The volatile market conditions and dynamic risk factors associated with the agriculture sector raise the importance of ensuring that the Bank implements robust risk management practices and prudent financing standards. As the Bank aims to achieve balance between risks and desired returns, the role played by the Board and Management is vital to create sound business environment and protect the Bank's financial soundness as a reputable development financial institution (DFI).

The ultimate responsibility of risk management in Agrobank lies with the Board. In fulfilling this responsibility, the Board is assisted by the Board Risk Management Committee (BRMC). At the management level, the BRMC delegates the responsibility to the Management Risk Committee (MRC), Asset Liability Committee (ALCO) and Operational Risk Management Committee (ORMC).

JAWATANKUASA LEMBAGA BOARD COMMITTEE

JAWATANKUASA PENGURUSAN MANAGEMENT COMMITTEE

LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS

Memastikan kewujudan dasar, proses dan prasarana pengurusan risiko yang berkesan dan menyeluruh bagi mengurus pelbagai risiko yang ditanggung Bank
Ensures that the Bank put in place effective and comprehensive risk management policies, processes and infrastructure to manage various types of risks undertaken by the Bank

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO (BMRC) BOARD MANAGEMENT RISK COMMITTEE (BMRC)

Fungsi pengawasan risiko, termasuk mengkaji semula dan meluluskan rangka kerja dan dasar utama risiko bagi pelbagai risiko yang dihadapi Bank
Risk oversight function which includes review and approval of key risk frameworks and policies for the various risks

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO (MRC) MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

Pengawasan ke atas risiko secara keseluruhan
Oversight for overall risks

JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI (ALCO) ASSET & LIABILITY COMMITTEE (ALCO)

Pengawasan ke atas pengurusan Aset dan Liabiliti
Oversight for the management of Assets and Liabilities

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO OPERASI (ORMC) OPERATIONAL RISK MANAGEMENT COMMITTEE (ORMC)

Pengawasan ke atas risiko operasi
Oversight for operational risks

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menjalankan pengawasan secara bebas bagi memastikan pengurusan kanan melaksanakan dasar dan proses pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan untuk aktiviti pengambilan risiko. Bagi menjayakan pengawasan risiko yang berkesan dalam merangka strategi perniagaan dan aktiviti pengambilan risiko, Lembaga Pengarah mewujudkan struktur tadbir urus yang jelas dan berkesan melalui Terma Rujukan (TOR) yang jelas, merangkumi antara lain peranan dan tanggungjawab setiap jawatankuasa.

Seperti yang dinyatakan di dalam rangka kerja pengurusan risiko Bank, BRMC mengawasi pelaksanaan proses pengurusan risiko, iaitu dari segi mengenalpasti, menilai, mengawal dan memantau risiko signifikan yang sedia ada dalam operasi perniagaan Bank. Keberkesan proses ini dipantau rapi dan dilaporkan kepada BRMC untuk dibincangkan. Secara khususnya, BRMC bertanggungjawab:

- Menyemak dan meluluskan strategi pengurusan risiko, dasar dan toleransi/kesanggupan menanggung risiko yang dicadangkan ALCO dan MRC;
- Menyemak dan menilai kemampuan rangka kerja pengurusan risiko dan dasar risiko sokongan;
- Memastikan kewujudan struktur, sumber dan sistem bagi menyokong fungsi pengurusan risiko yang berkesan; dan
- Menyemak laporan risiko berkala Bank mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko, pematuhan had risiko, risiko baharu dan tindakan yang diambil bagi mencegah pelbagai risiko yang dihadapi.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan

Pihak Pengurusan bertanggungjawab membentuk dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko dan dasar sokongannya. Berdasarkan pemahaman dan kearifan mereka tentang profil risiko Bank, Pengurusan dipertanggungjawabkan membuat pertimbangan wajar dalam membuat keputusan perniagaan, yakni dengan mengambil kira risiko berkaitan dan memastikan bahawa Bank beroperasi dalam mematuhi kesanggupan penanggungan risiko yang ditetapkan. MRC, ALCO dan ORMC diamanahkan untuk menjalankan pengawasan dan pengurusan profil risiko Bank dan risiko baru muncul dengan berkesan, selain mengawasi dan mengurus faktor asas yang boleh menyumbang kepada perubahan negatif profil risiko dan secara tidak langsung menyebabkan timbunan risiko secara berlebihan.

Bahagian Pengurusan Risiko

Bahagian Pengurusan Risiko (RMD) mewakili barisan pemantauan kedua dalam rangka kerja pengurusan risiko dan adalah bahagian yang bebas dan berasingan daripada unit-unit perniagaan. Ia menjalankan empat fungsi teras pengurusan risiko, iaitu Pengurusan Risiko Kredit, Pengurusan Risiko Pasaran, Pengurusan Risiko Operasi dan Pengurusan Risiko Syariah. Jabatan Penilaian dan Semakan Kredit di ibu pejabat serta unit Penilaian dan Semakan Kredit di pejabat wilayah juga adalah di bawah bidang kuasa RMD, dan dengan tanggungjawab utama melakukan penilaian bebas ke atas kertas cadangan kredit yang diajukan unit perniagaan. Selain itu, Jabatan Analitik Risiko dan Projek Basel juga diwujudkan di bawah RMD untuk pelaksanaan Basel II dan Basel III.

Board Responsibilities

The Board is responsible for providing independent oversight in ensuring that senior management implements robust and effective risk management policies and processes in governing risk-taking activities. To enable effective risk oversight in the development of business strategies and risk-taking activities, the Board has established a clear and effective governance structure with well-defined Terms of Reference (TOR) which among others consist of roles and responsibilities of respective committees.

As defined in the Bank's risk management framework, the BRMC oversees the implementation of risk management processes in identifying, evaluating, controlling and monitoring of significant risks that are inherent to the Bank's business operation. The effectiveness of these processes is closely monitored and reported to the BRMC for deliberation. Specifically, the BRMC is responsible for:

- Considering and approving risk management strategies, policies and risk tolerance/risk appetite recommended by ALCO and MRC;
- Reviewing and assessing the adequacy of risk management framework and the supporting risk policies;
- Ensuring that structures, resources and systems are in place to support effective risk management function; and
- Reviewing the Bank's periodic risk reports on risk exposures, risk portfolio composition, risk limits compliance, emerging risks and actions taken to prevent excessive risk accumulation.

Management Responsibilities

The Management is responsible for the design and implementation of the risk management framework and the supporting risk policies. By virtue of their understanding and appreciation of the Bank's risk profile, the Management is expected to exercise sound judgement in business decision-making giving due consideration on the associated risks and ensuring that the Bank operates within its defined risk appetite at all times. The MRC, ALCO and ORMC are entrusted to provide effective oversight and management of the Bank's risk profile and emerging risks as well as the underlying factors that could contribute to adverse change in risk profile and excessive risk build-ups.

Risk Management Division

The Risk Management Division (RMD) represents the second line of defence in the risk management framework and is an independent division from the business units. It undertakes four core risk management functions, namely Credit Risk Management, Market Risk Management, Operational Risk Management and Shariah Risk Management. The Credit Evaluation and Review department at the head office and the Credit Evaluation and Review unit at the regional offices are also under the purview of the RMD, and are primarily responsible to conduct independent assessment of credit proposals by business units. In addition, Risk Analytics and Basel Project department was also established under RMD for implementation of Basel II and Basel III.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

RMD diketuai Ketua Pegawai Risiko (CRO) yang dilantik Lembaga Pengarah bagi menerajui bahagian pengurusan risiko.

Antara lain, peranan RMB adalah seperti berikut:

- Memantau aktiviti pengambilan risiko;
- Memulakan, mencadang dan mengkaji semula dasar dan metodologi pengukuran risiko serta had risiko Bank;
- Menjalankan kajian bebas ke atas kualiti portfolio pembiayaan dan pelan pemulihan;
- Memastikan kewujudan pelan kesinambungan perniagaan dan rancangan luar jangka;
- Menilai produk, manual operasi dan pelan pengurusan modal yang baharu; dan
- Mengkaji semula sinergi pelaburan perbendaharaan, dan menganalisis kedudukan dan aktiviti berkaitan perubahan dalam pasaran kewangan demi menggalakkan dan memastikan pematuhan pada rangka kerja risiko pasaran.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Agrobank adalah berasaskan proses tadbir urus yang menetapkan tanggungjawab jelas bagi mengenalpasti, menilai, mengawal, memantau dan melaporkan risiko. Tanggungjawab ini dibahagikan kepada tiga barisan pertahanan, iaitu unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan akhir sekali, juruaudit dalaman. Ini menjadi sebahagian budaya risiko Bank, yakni menyebatikan amalan bawaha setiap kakitangan bertanggungjawab bagi risiko dalam kawalan mereka. Kewujudan barisan pemantauan pertama menghasilkan budaya organisasi yang menumpukan pada pengurusan risiko, diikuti barisan pertahanan kedua dan ketiga yang berperanan dalam kerangka strategik dan saling bekerjasama. Ini membolehkan Agrobank menghadapi cabaran landskap risiko masa kini dengan berkesan. Rangka kerja ini juga menetapkan bagaimana Bank menyusun dan menerapkan amalan pengurusan risiko demi memastikan semua aktivitinya dijalankan selari dengan prinsip yang mendasari rangka kerja pengurusan risiko, seperti berikut:

1. Pendekatan pengurusan risiko Agrobank bertunjangan tiga barisan pemantauan, iaitu unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman;
2. Unit-unit pengambilan risiko (jabatan dan cawangan) membentuk barisan pemantauan pertama bagi menghadapi risiko sedia ada dengan mengurus keseimbangan risiko-ganjaran yang terkandung dalam dasar dan garis panduan yang ditentukan Bank. Secara prinsipnya, mereka bertanggungjawab memastikan persekitaran kawalan risiko diwujudkan dan beroperasi secara berkesan dalam aktiviti sehari-hari. Penerimaan dan pengwujudan risiko oleh barisan pertahanan pertama perlu sepadan dengan had dan kesanggupan menanggung risiko yang ditetapkan;

The RMD is headed by the Chief Risk Officer (CRO), who is appointed by the Board to spearhead the risk management division.

Among others, the role of the RMD includes the following:

- Monitor risk-taking activities;
- Initiate, propose and review the risk policies, risk measurement methodologies and risk limits of the Bank;
- Undertake independent review on the quality of financing portfolio and recovery plan;
- Ensure business continuity and contingency plans are in place;
- Assess new products, operational manuals and the capital management plan; and
- Review treasury's investment synergies and analyse positions and activities vis-à-vis changes in the financial market in propagating and ensuring compliance with the market risk framework.

Risk Management Framework

Agrobank's Risk Management Framework is based on a governance process that sets forth clear responsibilities for identifying, assessing, controlling, monitoring and reporting risks. These responsibilities are divided into three lines of defence, namely, the risk-taking units, risk control units and, lastly, the internal auditor. This becomes part of the Bank's risk culture, enshrining the practice that every employee is accountable for these risks in their domain. With the first line setting a strong organisational tone focused on risk culture, followed by the second and third line of defence working within a collaborative, strategic framework, allows Agrobank to effectively meet the challenges of today's risk landscape. The framework also sets out how the Bank organises and applies its risk management practices to ensure that all activities are conducted in line with the principles underpinning the risk management framework as prescribe below:

1. The risk management approach in Agrobank is based on three lines of defence namely risk-taking units, risk control units and internal audit;
2. Risk-taking units (departments and branches) form the first line of defence against inherent risk by managing the risk reward trade-off contained within the policies and guidelines laid down by the Bank. Principally, they are responsible for ensuring that a risk control environment is put in place and operating effectively as part of day-to-day operations. The acceptance or generation of risk in the first line of defence should fit with the risk appetite and limits defined;

3. Barisan pertahanan kedua adalah unit kawalan risiko yang bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan membangunkan dasar, metodologi dan instrumen bagi mengurus semua risiko utama yang dihadapi Bank. Menerusi kajian semula, unit kawalan risiko memastikan rangka kerja, dasar, metodologi dan instrumen memenuhi keperluan unit pengambilan risiko;
- 3.1 Bahagian Pengurusan Risiko bertanggungjawab pembangunan dan pemantauan pelbagai dasar risiko. Dari segi fungsi dan organisasi, bahagian ini adalah bebas daripada unit perniaga dan lain-lain unit pengambilan risiko di Bank;
- 3.2 Pengurusan risiko memastikan yang dasar risiko teras Bank konsisten dengan tahap toleransi risiko dan kesanggupan menanggung risiko bagi memudahkan pelaksanaan rangka kerja bersepadu pengukuran terlaras risiko;
- 3.3 Pengurusan risiko juga menjalankan fungsi pengawasan ke atas risiko utama, termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko Syariah. Menerusi BRMC, Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan bagi mengawasi risiko yang dihadapi Bank.
4. Sebagai barisan pemantauan ketiga, audit dalaman menjalankan penilaian bebas dan objektif sama ada risiko dikenalpasti secukupnya; kewujudan kawalan dalam bagi mengurus risiko itu dan sama ada kawalan itu berfungsi dengan berkesan. Menerusi penilaianya, audit dalaman memastikan barisan pemantauan pertama dan kedua melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan dan konsisten.
3. The second line of defence is the risk control units, which establish the risk management framework and develop policy, methodologies and tools for the management of key risks in the Bank. Through reviews, risk control units ensure that the framework, policies, methodologies and tools meet the requirements of risk-taking units;
- 3.1 The Risk Management Division is responsible for the development and monitoring of various risk policies. It is functionally and organisationally independent of business units and other risk-taking units within the Bank;
- 3.2 Risk management ensures that the core risk policies of the Bank are consistent with risk tolerance levels and risk appetite to facilitate the implementation of an integrated risk-adjusted measurement framework;
- 3.3 Risk management also provides oversight of major risks including credit risk, market risk, liquidity risk, operational risk and Shariah risk. The Board, through the BRMC, is responsible for the oversight of overall risks to which the Bank is exposed.
4. The internal audit, being the third line of defence, provides an independent and objective assessment on whether risks have been adequately identified; appropriate internal controls are in place to manage those risks and whether these controls are working effectively. Through its assessment, the internal audit ensures that the first and second line of defence execute their responsibilities in an effective and consistent manner.



PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Rangka kerja pengurusan risiko direka bentuk bagi memastikan risiko yang diambil Bank tetap berada pada tahap yang boleh diterima, dan bukannya bagi menghapuskan sepenuhnya risiko kegagalan mencapai sasaran perniagaan dan objektif korporatnya. Maka, ia hanya mampu memberikan jaminan munasabah dan bukannya mutlak terhadap salah nyata, penipuan atau kerugian kewangan yang material.

Penyata Kesanggupan Menanggung Risiko

Bagi menyokong tadbir urus berkesan dan pelaksanaan keputusan dengan mengambil kira risiko, Bank mengeluarkan penyata kesanggupan menanggung risiko bagi risiko yang mampu diurus dan dikawal Bank, dengan tahap boleh-kawal berbeza bagi setiap risiko. Penyata kesanggupan menanggung risiko menetapkan amanun dan jenis risiko yang sanggup ditanggung Bank bagi mencapai objektif strategik perniagaannya, yang mana ia ditetapkan dan dipantau Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Ia juga menetapkan dasar mengenai pengagihan kebertanggungjawaban dan sumber bagi mengurus pendedahan risikonya.

Kesanggupan menanggung risiko ini disepadukan dalam strategi dan pelan perniagaan tahunan Agrobank dan bertindak sebagai pengupaya bagi membolehkan pembuatan keputusan taktikal dan strategik yang lebih baik dibuat. Kesanggupan menanggung risiko Bank disemak setiap tahun agar Bank menyesuaikan diri dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan dan keadaan pasaran, di samping memastikan ia sejajar dengan keperluan strategi, persekitaran perniagaan dan kawal selia dan pihak berkepentingan.

Bank memanfaatkan pelbagai penunjuk kuantitatif dan kualitatif bagi memantau profil risikonya, yang mana had tertentu ditetapkan agar selaras dengan kesanggupan menanggung risiko Bank. Ujian tekanan dan analisis senario juga dijalankan bagi menilai prestasi portfolio Bank sekiranya kejadian risiko berlaku, yang mana ia mungkin memberi impak negatif kepada profil risiko dan halatuju perniagaan Bank.

Inisiatif Utama bagi Memperkuuh Kemampuan Pengurusan Risiko pada Tahun 2017

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Agrobank percaya bahawa pengurusan risiko bukan hanya tentang meminimumkan risiko, tetapi juga bagi membolehkan Bank mengambil risiko tertentu agar dapat berkembang dan menghasilkan nilai. Lantaran itu, pengurusan risiko Agrobank bersifat dinamik dan bertindak balas terhadap risiko baru (dan membuang risiko lapuk) yang dihadapi pada tahun berkenaan. Ini dilakukan dengan pemantauan berterusan persekitaran risiko dan pengemaskinian dasar serta prosedur bagi memastikan ianya kekal relevan dalam persekitaran perniagaan mutakhir ini. Dengan berlatar belakangkan keadaan pasaran serantau dan global, maka sepanjang 2017, Agrobank meletakkan keutamaan paling tinggi bagi memperkuuhkan lagi prasarana pengurusan risikonya. Perkembangan dan inisiatif utama yang dicapai adalah seperti berikut:

- Bank terus menyemak dan mengemaskini piawaian penajajaminan kredit seiring dengan amalan terbaik pasaran. Pada peringkat portfolio, semakan berkala

The risk management framework is designed to keep the Bank's risks within an acceptable risk appetite, rather than completely eliminating the risk of failure in achieving its business goals and corporate objectives. It can therefore only provide reasonable, rather than absolute, assurance against material financial misstatement, fraud or loss.

Risk Appetite Statement

In support of effective governance and risk-informed decision-making, the Bank has set out a risk appetite statement for those risks which, to a lesser or greater extent, are within its control to mitigate and manage. The risk appetite statement specifies the amounts and types of risk the Bank is willing to undertake in achieving its strategic business objectives, duly set and monitored by the Board and Management. It also informs policies on the allocation of accountabilities and resources to managing its risk exposures.

This risk appetite is integrated into Agrobank's annual strategy and business plan and acts as a lever for better strategic and tactical decisions. The risk appetite of the Bank is reviewed yearly to adapt to changes in the business environment and market conditions, while ensuring that they are consistent with the Bank's strategy, business and regulatory environment and stakeholders' requirements.

The Bank employs a range of quantitative and qualitative indicators to monitor the risk profile whereby specific limits are set in line with the Bank's risk appetite. Stress testing and scenario analyses are also conducted to assess the performance of the Bank's portfolios in potential risk events that may adversely impact the Bank's risk profile and business direction.

Key Initiatives in Strengthening Risk Management Capabilities in 2017

The Board and Management of Agrobank believe that risk management is not just about minimising downside risk, but also enabling the Bank to take on the necessary risks to grow and create value. Hence, risk management at Agrobank is dynamic and responds to new risks (and removes out of date risks) as they arose during the year. This is conducted through continuous monitoring of risk environment and revision of policies and procedures to ensure its relevance to the prevailing business environment. In light of the prevailing global and regional market conditions, Agrobank placed the highest priority on further strengthening its risk management infrastructure during 2017. Key developments and initiatives achieved are highlighted below:

- The Bank continued to review and update its credit underwriting standards to commensurate with market place best practices. At the portfolio level, periodic review was conducted on the existing internal credit rating system including translating risk tolerance into

01	
02	
03	
04	Bagaimana Kami Ditadbir Urus How We Are Governed
05	
06	

dijalankan ke atas sistem penarafan kredit dalaman sedia ada, termasuk menterjemah toleransi risiko menjadi had risiko baharu dan melaksanakan penunjuk risiko utama yang memandang ke hadapan serta memantau nilai ambang. Had ini ditetapkan bagi membolehkan jaringan perniagaan mencapai rancangan jangka pendeknya, di samping menggalakkan penilaian semula peluang dan risiko berkaitan apabila semakin mendekati hadnya. Sebagai sebahagian pengurusan pendedahan Bank pada risiko kredit, had risiko kredit dan Pencetus Tindakan Pengurusan (MAT) disemak secara berkala apabila berlakunya perubahan dalam kawal selia, keperluan perniagaan dan keadaan pasaran;

- Dengan kos dana sistem perbankan yang semakin meningkat, Agrobank mengambil langkah bagi menambah baik fungsi perantaranya dengan mengurangkan ketakpadanan pembiayaan, mempelbagaikan sumber pembiayaan komersial, merasionalisasikan kadar keuntungan dan hibah, dan memperkuuh pengurusan profil kematangan aset dan liabiliti Bank;
- Bank terus memberi tumpuan ke atas usaha mewujudkan struktur harga yang lebih baik bagi produk kewangan, meningkatkan penembusan produk, dan meningkatkan nilai tambah ekonomi (EVA) pelanggan;
- Bank melaksanakan rangka kerja Basel dalam pengukuran kecukupan modalnya, dan juga bagi strategi pengurusan modal dan rangka kerja pengurusan risiko. Bank menggunakan Basel III untuk Nisbah Liputan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) yang dikeluarkan BNM. Bank berhasrat bagi terus mengurus kecairan dan menggembung modal dengan cekap, sejajar dengan peraturan Basel III;
- Pengurusan risiko operasi adalah bahagian bersepudu dalam aktiviti pengurusan risiko Bank secara keseluruhan dan ia membabitkan semua fungsi dan kakitangan. Bagi mencapai tujuan ini, kehendak dasar Risiko Operasi yang dikeluarkan BNM berhubung dengan pengurusan risiko operasi digunakan di seluruh Bank. Penekanan juga diberikan bagi memastikan penyelarasan berkesan dalam pengurusan risiko operasi dengan lain-lain risiko (seperti risiko kredit dan pasaran) demi menyediakan pendekatan bersepudu dan holistik bagi strategi keseluruhan pengurusan risiko Bank. Penilaian risiko operasi adalah penting bagi menilai risiko operasi secara sistematik, sama ada bagi perniagaan sedia ada maupun bagi perubahan yang dicadangkan. Status itu risiko operasi yang masih tertuggak dipantau, manakala pendedahan kepada risiko operasi dianalisis dan dilaporkan kepada pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah bagi menyokong pembuatan keputusan;
- Agrobank memantau perkembangan luaran, selain memantau secara dekat impak faktor risiko dan makroekonomi yang spesifik pada tahap kecukupan modalnya. Penilaian risiko atas ke bawah dan bawah ke atas secara berkala dan berstruktur dijalankan sepanjang tahun bagi mengenalpasti pelbagai jenis risiko, manakala ujian tekanan dijalankan bagi menentukan impak senario negatif ke atas kekuahan kewangan Bank. Apabila perlu, tindakan yang selaras dengan Kesanggupan Menanggung Risiko Agrobank diambil berdasarkan hasil ujian tekanan;

new granular risk limits and implementing new forward-looking key risk indicators and monitoring thresholds. These granular limits were set to allow business lines to achieve their near-term plans while promoting a reassessment of the opportunity and associated risks as the limit is approached. As part of the Bank's credit risk exposure management, credit risk limits and Management Action Triggers (MAT) were regularly reviewed in response to regulatory changes, changing business needs and market conditions;

- In light of rising cost of funds in the banking system, Agrobank took steps to improve the intermediary function by reducing funding mismatches, diversifying commercial funding sources, rationalising profit and hibah rates, and strengthening the management of maturity profiles of assets and liabilities of the Bank;
- The Bank remained focused on working towards a better pricing structure for financial products, increased product penetration, and better overall client economic value added (EVA);
- The Bank applied the Basel framework in the measurement of its capital adequacy, and in its capital management strategy and risk management framework. The Bank adopted Basel III requirements in relation to Liquidity Coverage Ratio (LCR) and Net Stable Funding Ratio (NSFR) issued by BNM. The Bank intends to continue to manage liquidity and deploy capital efficiently in line with the Basel III rules;
- The management of operational risk is an integrated part of the Bank's overall risk management activities and it concerns all functions and personnel of the Bank. Towards this end, the Operational Risk policy requirement issued by BNM governing the operational risk management was adopted bank wide. Emphasis was also given towards ensuring effective coordination in the management of operational risk with that of other risks (e.g. credit and market risks) to provide a holistic and integrated approach to the Bank's overall risk management strategy. Operational risk assessments are key in systematically assessing operational risks in on-going business and in proposed changes. Progress on outstanding operational risk issues were monitored while operational risk exposures were analysed and reported to senior management and Board to support decision-making;
- Agrobank keeps track of external developments and closely monitors the impact of specific macro-economic and risk factors on its capital adequacy levels. Regular and structural top-down and bottom-up risk assessments were performed throughout the year to identify various types of risks, while stress tests were conducted to calculate the impact of adverse scenarios on the Bank's financial soundness. Where necessary, measures in line with Agrobank's Risk Appetite were taken on the basis of stress tests results;

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

- Keutamaan berterusan diberikan ke arah menambah baik pelaporan risiko dan kualiti maklumat risiko yang tersedia dan dibentangkan kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah, sekaligus menambah baik keterlihatan dan pemahaman tentang risiko di seluruh Bank;
- Pembinaan budaya risiko dan pematuhan yang kukuh, dan pemupukan kebertanggungjawaban dan pemilikan risiko pada setiap peringkat adalah penting bagi memastikan keberkesanan tadbir urus. Sebagai sebahagian usaha Bank menerapkan budaya dan amalan terbaik risiko, latihan pengurusan dan program kesedaran berterusan dijalankan secara berkala bagi kakitangan pada semua peringkat. Ini bagi membolehkan mereka membangunkan pengetahuan dalam pengurusan risiko, memahami dan menghayati kesanggupan menanggung risiko Bank dan rangka kerja pengurusan risiko, dan agar mereka faham tentang risiko yang wujud dalam setiap keputusan harian dan strategik mereka;
- Agrobank tetap dengan tekadnya untuk menambah baik fungsi tadbir urus korporat sebagai wadah bagi menambah baik kebertanggungjawaban dan prestasi perniagaan. Salah satu langkah yang diambil adalah memperkuuh barisan pemantauan pertama bagi membina ekosistem pengurusan risiko yang lebih teguh demi mendepani cabaran yang timbul ekoran tahap kesanggupan menanggung risiko. Di Agrobank, dalam konteks menambah baik budaya risiko, penekanan penting diberikan ke atas unit pengambilan risiko sebagai barisan pertahanan pertama. Secara khususnya, budaya risiko dipertingkatkan apabila mereka dipertanggungjawabkan bagi mengambil risiko secara berhemat. Bagi mencapai matlamat ini, Agrobank memastikan unit pengambilan risiko memiliki pengetahuan, kemahiran, maklumat dan kuasa yang sewajarnya bagi melaksanakan dasar dan prosedur kawalan risiko yang relevan. Ini dilakukan menerusi beberapa pendekatan:
 - Menerapkan Menerapkan kesedaran risiko dalam unit pengambilan risiko berhubung dengan keputusan harian mereka;
 - Menyemai minda pemikiran risiko dalam barisan pemantauan pertama, iaitu dalam kalangan pengurus barisan hadapan agar mereka sentiasa menimbangkan implikasi risiko dalam membuat sebarang keputusan ataupun perubahan; dan
 - Menyediakan latihan intensif kepada pegawai perhubungan risiko.
- Continued priority was given to improving risk reporting and the quality of risk information available and presented to the Management and the Board, which led to an overall improvement in the visibility and understanding of risk across the Bank;
- Building a strong risk and compliance culture, and instilling risk accountability and ownership at all levels are essential blocks for effective risk governance. As part of the Bank's efforts to embed a strong risk culture and best practices, on-going risk management trainings and awareness programmes were provided periodically to staff at all levels to enable them to develop their knowledge in risk management, understand and embrace the Bank's risk appetite and risk management framework, and is clear about the risks inherent in their strategic and day-to-day decisions;
- Agrobank remains steadfast in improving corporate governance functionality as a means to enhance accountability and improve business performance. One of the steps taken is strengthening the first line of defence in building a stronger risk management ecosystem to effectively meet the challenges of today's risk appetite. At Agrobank, significant consideration is given to risk-taking units as the first line of defence within the context of enhancing risk culture. In particular, the risk culture is enhanced when they are accountable for prudent risk-taking. Towards this end, Agrobank ensures that risk-taking units have the necessary knowledge, skills, information, and authority to operate the relevant policies and procedures of risk control. This is done through several approaches including:
 - Embed risk-conscious behaviour of risk-taking units in their everyday decisions;
 - Foster a risk mind set in the first line of defence among frontline managers so that they consider risk implications when making business decisions or changes; and
 - Provide intensive trainings to risk liaison officers.

01

02

03

04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus
How We Are Governed

05

06

- Asas penting bagi mewujudkan budaya risiko kukuh adalah mewujudkan persekitaran di mana risiko dan dilema yang dihadapi dalam aktiviti sehari-hari dibincangkan secara terbuka. Bank menganjurkan jerayawara di serata negara bagi memperkemas amalan ini dan menangani ketaktekalan, selain sebagai platform untuk memberi dan menerima maklumbalas daripada kakitangan yang mengurus risiko setiap hari. Melalui jerayawara, RMD menggalakkan debat berterusan tentang bagaimana mengurus risiko agar cabaran masa hadapan dapat dijangka, di samping berkongsi amalan terbaik dan belajar daripada kesilapan agar ia tidak berulang, yakni dengan membuang puncanya dan dengan berkongsi pengalaman; dan
- Bank terus memperkuuh pengurusan risiko Syariah menerusi pelbagai instrumen dan sesi libat-sama. Dengan meningkatnya kemampuan pengurusan risiko Syariah, Bank berjaya menghasilkan profil pengurusan risiko Syariah yang ditambah baik.



PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

Iltizam dan Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Bagi 2017, Malaysia mencatatkan KDNK 5.90% (2016: 4.2%), iaitu yang tertinggi sejak 2014. Sektor pertanian merekodkan pertumbuhan kukuh 7.2% pada tahun 2017 berbanding pengurangan 5.1% pada tahun sebelumnya. Ia dipacu output lebih tinggi dan harga kelapa sawit, ternakan dan tanaman makanan yang lebih kukuh. Strategi Bank pada tahun 2018 adalah meningkatkan penguasaan pasaran dalam pembiayaan pertanian dan berasaskan pertanian, selain meningkatkan pertumbuhan pembiayaannya. Bagi mencapai sasaran ini, Bank akan menambah baik prasarana dan kemampuannya, dan pada masa sama, menambah baik budaya dan amalan pengurusan risiko pada semua peringkat. Dari segi operasi, Bank akan memanfaatkan amalan terbaik dalam mengurus risiko pasaran dan kecairan, di samping memperkuuh dan menambah baik prasarana dan dasarnya bagi mengurang dan mengawal risiko sedia ada dan potensi risiko yang timbul akibat perubahan harga komoditi, isu keselamatan siber, teknologi media sosial dan pengaruh teknologi kewangan (*fintech*).

Berdasarkan konteks operasi 2018 seperti mana yang dijelaskan di atas, pendekatan Bank bagi pengurusan risiko terus diperkuuh menurut dimensi berikut.

- **Memastikan risiko utama tetap dalam lingkungan toleransi dan kesanggupan menanggung risiko**

Rangka kerja kesanggupan menanggung risiko yang menyeluruh adalah tunggak seni bina pengurusan risiko Bank. Ini kerana ia membantu Bank memahami dan mengurus risiko dengan lebih baik dalam menterjemah metrik dan kaedah risiko menjadi keputusan strategik, pelaporan, dan keputusan perniagaan harian. Agrobank akan terus memastikan risiko utama tetap berada dalam lingkungan kesanggupan menanggung risiko yang ditetapkan Lembaga Pengarah. Walaupun kesanggupan menanggung risiko pada peringkat Bank melalui proses semakan tahunan, ia akan terus dipantau bagi memastikan ia relevan dan selaras dengan faktor persekitaran makro yang berubah-ubah. Hakikatnya, kesanggupan menanggung risiko dan tahap toleransi risiko perlu sentiasa diterapkan dalam semua dasar dan garis panduan berkaitan risiko.

Commitment and Strategic Priorities in 2018

For the year 2017, Malaysia's GDP stood at 5.90% (2016: 4.2%), the highest since 2014. The agriculture sector registered strong growth at 7.2% in 2017 compared to a 5.1% decrease in the previous year, boosted by higher output and firmer prices for palm oil, livestock and food crops. The Bank's strategy for 2018 is to enhance its market share on agriculture and agro based financing as well as increase its financing growth to a more respected balance. In achieving the target, the Bank will enhance its infrastructure and capabilities while at the same time improve its risk management culture and practices at all levels. On the operations side, the Bank will embrace best practices in managing market and liquidity risks as well as strengthening and improving its infrastructure and policies to mitigate and control existing and potential risks arising from changes in commodity prices, cyber security issues, social media technology and financial technology (*fintech*) influence.

In view of the operating context for 2018 as highlighted above, the Bank's approach towards risk management continues to strengthen along the following dimensions:

- **Ensure key risk areas are within the appetite and tolerance levels**

A comprehensive risk appetite framework is the cornerstone of the Bank's risk management architecture as it helps the Bank to better understand and manage risks by translating risk metrics and methods into strategic decisions, reporting, and day-to-day business decisions. Agrobank will continue to ensure that key risk areas are within the appetite and tolerance levels set by the Board. While bank-level risk appetite and tolerance levels are subject to formal annual reviews, these will be continually monitored for relevance in terms of changing macro-environment factors. Intrinsically, risk appetite and tolerance levels are to be consistently embedded in all risk-related policies and guidelines.

01

02

03

04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed

05

06

- **Pengukuhan berterusan pengurusan risiko**

Bank akan terus menggiatkan usaha mempersiapkan diri menerima pakai saranan Basel II, yang termaktub dalam struktur pengurusan risiko Bank, selain dalam sistem, proses dan pengawasan tadbir urus. Bank akan terus berusaha memperkuuhkan kesedaran risiko, selain menyemai dan mengekalkan budaya risiko kukuh bagi meningkatkan kesedaran, ketelitian dan disiplin risiko, yang mempengaruhi tatalaku sewajarnya dalam tiga aspek budaya:

- Kepimpinan dalam menggagaskan visi dan halatuju jelas;
- Mempertimbangkan maklumat berkaitan risiko dalam membuat keputusan; dan
- Tadbir urus dan kebertanggungjawaban risiko oleh penggalas risiko, selain penyaluran maklumat risiko secara telus.

Semasa latihan, komunikasi dalaman proaktif dan sesi perkongsian; kakitangan dibiasakan mengamalkan budaya risiko, seperti mengambil tanggungjawab atas keputusan yang diambil, belajar daripada tindakan lepas dan menerapkan tatalaku risiko dalam situasi kerja seharian.

- **Pembangunan kompetensi**

Sebagai sebahagian semakan berterusan bagi memastikan kompetensi yang dimiliki tetap relevan dalam landskap risiko yang berubah, tumpuan pada tahun 2018 adalah untuk menutup jurang kompetensi dan membangunkan kakitangan dalam bidang perniagaan dan operasi yang relevan. Buat masa ini, Bank sedang menyediakan rangka tindakan Pengurusan Bakat Risiko yang bertujuan melahirkan profesional risiko dengan penghususan mendalam dan menyediakan wadah bagi mengurangkan jurang kompetensi.

- **Memperkuuh kebingkasan siber dan pengurusan risiko siber**

Kebingkasan siber dan pengurusan risiko siber kian menjadi cabaran kritikal buat Agrobank, seiring dengan meningkatnya pergantungan kepada platform digital dan meningkatnya penggunaan data digital dalam perkhidmatan perbankan. Berlatarkan senario ini, Bank perlu memperkuuh kebingkasan sibernya. Bagi mencapai matlamat ini, Bank akan terus memperkuuh kebingkasan siber dengan menyepadukan pengurusan risiko siber dalam pelan keseluruhan strategi perniagaan dan penambah baikan berterusan.

- **Penambahbaikan sistem pengurusan risiko ke arah integriti dan kerapian lebih tinggi dalam penilaian dan pemantauan risiko**

Dengan pematuhan dan pengurusan risiko sebagai keutamaan, Bank beriltizam menambah baik fungsi tiga barisan pemantauan dengan memanfaatkan kawalan risiko proaktif. Ini akan dicapai dengan memperkuuh sumber analitikal Bank menerusi sistem pengurusan risiko yang ditambah baik. Sistem ini akan memperkuuh kemampuan Bank memantau dan mengawal risiko disebabkan ia mampu mengesan risiko dengan lebih awal selain pengenapstian dan pelaksanaan langkah balas yang tepat pada masanya.

- **Continuous strengthening of risk management**

The Bank will continue to intensity its efforts to prepare for the adoption of Basel II recommendations, which is embedded into the Bank's formal risk management structure, as well as the governance oversight, processes and systems. The Bank will continue efforts to reinforce risk awareness as well as fosters and maintains a strong risk culture to promote risk awareness, rigor and discipline, which serves to influence appropriate behaviour in three key cultural aspects:

- Leadership in providing clear vision and direction;
- Consideration of risk relevant information in decision-making; and
- Risk governance and accountability of risk takers as well as transparent flow of risk information.

During trainings, proactive internal communications and sharing sessions; staff are sensitised in key areas of risk culture, such as taking accountability for decisions, learning from past actions and applying risk behaviours in daily work situations.

- **Competencies development**

As part of the on-going review to ensure the competencies are relevant in today's changing risk landscape, the focus for 2018 will continue to be on efforts toward closing any competency gaps and to develop staff in the relevant areas of businesses and operations. The Bank is currently preparing the Risk Talent Management blueprint aimed at building deep specialisation of risk professionals and setting the platform to bridge competency gaps.

- **Strengthen cyber resilience and cyber risk management**

Cyber resilience and cyber risk management are becoming critical challenges to Agrobank in line with the growing reliance on digital platforms and increasing digital data usage in the banking services. Given this scenario, the need of the hour, undoubtedly, is to adopt and strengthen cyber resilience. Towards this end, the Bank will continue to strengthen cyber resilience by integrating cyber risk management into the overall business strategy and on-going improvement plan.

- **Enhancement of risk management system for greater granularity and integrity in risk assessment and monitoring**

As compliance and risk management remain a priority, the Bank is committed to enhance its application of the three lines of defence by employing proactive risk control. This will be achieved by strengthening the Bank's analytical resources through enhanced risk management system. This system will reinforce the Bank's ability to monitor and control risks as it is geared to early risk detection and the identification and timely implementation of appropriate countermeasures.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT

- **Meningkatkan kehematan dalam disiplin pengurusan portfolio**

Bagi memastikan pengurusan portfolio yang berhemat dan seiring dengan langkah Bank bagi mempelbagaikan portfolionya, Bank akan terus melenyapkan sebarang timbunan risiko. Bank sedia maklum bahawa kewujudan sistem pengelasan pembiayaan yang berkesan adalah instrumen penting bagi mencapai dwi-objektif, iaitu pemantauan kualiti aset Bank secara berterusan dan memastikan peruntukan mencukupi dibuat sepanjang masa.

- **Mengenalpasti risiko secara proaktif**

Memandangkan persekitaran masa kini dan realiti baharu pasaran yang semakin rumit, Agrobank sedar yang kemampuan pengurusan risikonya perlu berevolusi bagi menggunakan pakai proses pengenalpastian risiko dengan lebih proaktif. Proses ini melibatkan imbasan ke atas semua risiko sedia ada dan baharu muncul yang mungkin timbul akibat ketidakpastian global dan tempatan daripada perspektif ‘luar ke dalam’, iaitu daripada risiko makroekonomi (luaran) kepada risiko dalaman dan industri. Tumpuan khusus akan diberikan kepada impak naik turun Ringgit ke atas kesihatan kredit portfolio pembiayaan Bank, impak ekonomi penurunan harga komoditi, ancaman siber yang mendatang dan pengurusan keselamatan maklumat, revolusi mendadak ICT yang meroboh operasi industri perbankan serta pengawasan dan pematuhan AML/CMT.

- **Mewujudkan metodologi dan guna pakai penarafan risiko kredit**

Bank bertekad untuk sentiasa menambah baik metodologi penarafan risiko kredit dalaman, selain dasar dan amalan pengurusan risiko kredit. Ini bertujuan menghasilkan nilai melalui metodologi risiko kredit yang sepadan serta dasar dan proses kredit yang konsisten merentasi keseluruhan Bank.

- **Pengurusan risiko kecairan secara proaktif**

Bank menekankan penggunaan amalan terbaik sebagai penanda aras untuk pencapaiannya. Pada tahun 2018, Bank akan menumpukan pada piawaian Basel III dengan pengurusan risiko kecairan secara proaktif, sebagaimana digariskan Basel III bagi Nisbah Liputan Kecairan (LCR) dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR). Bank beriltizam untuk memiliki Aset Cair Berkualiti Tinggi (HQLA) yang mencukupi demi mengharungi kejutan kecairan, sekiranya berlaku. Bagi NSFR pula, Bank akan terus menambah baik kestabilan profil pembiayaan yang diperlukan.

- **Greater prudence in portfolio management discipline**

In ensuring prudent portfolio management, the Bank will continue to curtail any build-up of risk as the Bank continues to diversify its portfolio. The Bank is heedful that having an effective financing classification system is an essential tool to achieve the twin objectives of continuous monitoring of the Bank's asset quality and ensuring that they maintain adequate provisions at all time.

- **Proactive risk identification**

In view of the complexity of today's environment and new market realities, Agrobank is conscious that its risk management capabilities need to evolve to include the adoption of a proactive risk identification process. This process entails scanning all current and emerging risks that may arise from global and domestic uncertainties from an ‘outside-in’ perspective, i.e. from a macroeconomic (external) risks to industry and internal risks. Particular focus will be placed on the impact of Ringgit's volatility on the credit health of the Bank's financing portfolio, the economic impact of declining commodities prices, the emerging cyber threats and management of information security, the rapid ICT revolution that is changing the banking industry operations and the oversight and compliance of AML/CMT.

- **Establish credit risk rating methodologies and applications**

The Bank endeavours to continuously improve internal credit risk rating methodologies and credit risk management policies and practices, aimed at achieving value creation through congruent credit risk methodologies and consistent credit policies and processes across the Bank.

- **Proactive management of liquidity risks**

The Bank places greater emphasis in benchmarking itself against best practices. In 2018, the Bank will focus on Basel III standards with proactive management of liquidity risks as outlined under Basel III for Liquidity Coverage Ratio (LCR) and a Net Stable Funding Ratio (NSFR). The Bank is committed to hold sufficient High-Quality Liquid Assets (HQLA) to withstand liquidity shock, if any. On NSFR, the Bank will continue to improve the stability of its required funding profiles.

01

02

03

04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed

05

06

PENYATA KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah memperakui bahawa Bank bertanggungjawab melaksanakan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan, serta kompeten, mencukupi dan menyeluruh.

Elemen pengurusan risiko yang menjadi asas rangka kerja kawalan dalaman Bank memberi jaminan yang wajar untuk melindungi Bank dari salah nyata yang ketara berkaitan maklumat dan rekod kewangan, kerugian kewangan atau penyelewengan dan salah urus.

Risiko-risiko yang menjelaskan Bank dikenalpasti, dinilai dan ditangani melalui struktur dan proses kawalan yang bersesuaian. Semakan berkala dan pengemaskinian ke atas struktur dan proses dilakukan seiring dengan perubahan yang timbul dalam persekitaran perniagaan dan keadaan operasi dalaman. Proses ini telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun kewangan.

Pihak pengurusan membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan polisi dan prosedur ke atas risiko dan kawalan dengan mengenalpasti dan menilai risiko yang dihadapi, di dalam merangka operasi dan memantau kawalan dalaman yang bersesuaian bagi menangani dan mengawal risiko berkenaan.

PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Proses-proses utama yang penting telah diwujudkan bagi menilai kemantapan dan integriti sistem kawalan dalaman termasuk perkara-perkara berikut:

- a. Rangka kerja yang jelas dengan pemberian kuasa dan had kuasa yang sesuai ditetapkan berkaitan dengan operasi perbankan harian, pembiayaan, penggembangan deposit, pelaburan, perolehan dan pelupusan aset.
- b. Pematuhan terhadap kawalan dalaman, undang-undang dan peraturan yang berkaitan telah ditetapkan di dalam manual operasi, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank. Semua ini dikemaskini dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan persekitaran perniagaan atau keperluan undang-undang.
- c. Pengurusan dan pemantauan ke atas bidang teras Bank telah diperkuatkan lagi dengan penubuhan jawatankuasa operasi yang merangkumi Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Teknologi Maklumat dan Transformasi, Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pengurusan Kredit, Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi, Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Perolehan.
- d. Jawatankuasa Pengurusan Risiko (MRC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah memantau keseluruhan pengurusan aspek-aspek risiko utama. Pengurusan risiko diperkuatkan lagi dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi.

RESPONSIBILITY

The Board of Directors (Board) acknowledges that the Bank is responsible for implementing a sound and effective internal control system which is competent, adequate and holistic.

The risk management elements underpinning the Bank's internal control framework provides reasonable assurance of protecting the Bank against material misstatement of financial information and records, financial losses or fraud and mismanagement.

Risks affecting the Bank are identified, assessed and addressed by the appropriate control structures and processes. A regular review and update on the structures and processes was carried out in line with the changes arising within the business environment and internal operating conditions. This ongoing process has been in place for the financial year under review.

The management assists the Board in the implementation of the Board's policies and procedures on risk and control by identifying and assessing the risks faced, and in the design, operation and monitoring of appropriate internal controls to mitigate and control these risks.

KEY INTERNAL CONTROL PROCESSES

Pertinent key processes have been established to review the adequacy and integrity of the system of internal controls which includes the following:

- a. A clearly defined framework with appropriate empowerment and authority limits are in place with respect to the day-to-day banking operations, financing, deposits mobilisation, investment, acquisition and disposal of assets.
- b. Compliance with internal controls and the relevant laws and regulations are set out in operation manuals, guidelines and directives issued by the Bank. These are updated from time to time in tandem with changes in the business environment or regulatory requirements.
- c. Management and oversight of the Bank's core areas have been enhanced with the establishment of operational committees which includes the Management Committee, Management Information Technology and Transformation Committee, Asset Liability Management Committee, Management Credit Committee, Human Resource Management Committee, Management Risk Committee, Operational Risk Management Committee, Management Audit Committee and Management Procurement Committee.
- d. Management Risk Committee (MRC)

The MRC is established to assist the Board to oversee the overall management of principal areas of risk. Risk management is further strengthened with the establishment of Asset Liability Management Committee and Operational Risk Management Committee.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

e. Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti (ALCO)

Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti ditubuhkan bagi membantu pihak pengurusan berhubung risiko pasaran dan kecairan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan bahawa Bank mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi tanggungjawabnya dan untuk mengekalkan kecukupan modal Bank.

f. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi ditubuhkan bagi membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam hal-hal berhubung tadbir urus yang baik dan budaya risiko bagi mengawasi isu-isu operasi Bank. Jawatankuasa ini juga berperanan sebagai landasan bagi mengutarakan, membincangkan dan bertindak ke atas semua isu pematuhan dan operasi di dalam Bank.

g. Jawatankuasa Shariah (SC)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Perbankan Islam, satu rangka kerja tadbir urus Shariah telah diwujudkan di dalam struktur organisasi Bank bagi memastikan operasi dan aktiviti Bank adalah berlandaskan kepada prinsip dan pematuhan Shariah. Jawatankuasa Shariah ini bertanggungjawab ke atas semua keputusan dan pandangan yang berkaitan dengan isu-isu Shariah. Jawatankuasa ini juga memberi nasihat kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah mengenai isu-isu Shariah untuk memastikan segala operasi dan aktiviti adalah mematuhi prinsip Shariah pada setiap masa.

h. Audit Dalaman

Audit Dalaman berfungsi untuk memberi pandangan yang bebas dan objektif serta khidmat rundingan yang direka untuk menambah nilai dan menambahbaik operasi Bank. Pencapaian matlamat Bank dipermudahkan melalui pendekatan audit yang sistematis dan berdisiplin. Berdasarkan pendekatan berdasarkan risiko, keutamaan semakan audit terletak pada risiko dan kawalan yang terdapat pada entiti-entiti yang diaudit dalam lingkungan kelompok audit yang telah ditetapkan.

Keberkesanannya tadbir urus, pengurusan risiko dan proses-proses kawalan dinilai menerusi pandangan yang diberikan sama ada risiko yang dikenalpasti boleh menghalang pencapaian matlamat tertentu. Seiring dengan proses yang dilaksanakan, penambahbaikan dicadangkan bagi meningkatkan struktur dan amalan tadbir urus.

Pembetulan isu-isu yang dibangkitkan adalah dipantau oleh pihak pengurusan dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Jawatankuasa Lembaga Audit.

e. Asset Liability Management Committee (ALCO)

The ALCO is established to assist the management in relation to market and liquidity risks. The committee is also responsible to ensure that the Bank has adequate funds to meet its obligations and to preserve its capital adequacy.

f. Operational Risk Management Committee (ORMC)

The ORMC is established to assist Management Risk Committee on good governance and risk culture to oversee the Bank's operational issues. The committee also acts as a platform to highlight, to deliberate and to act upon all compliance and operational issues in the Bank.

g. Shariah Committee (SC)

As a Full Fledged Islamic Bank, a Shariah governance framework has been put in place in the organisational structure of the Bank to ensure all operations and business activities are in accordance with Shariah principles and rulings. The SC is responsible and accountable for all its decisions, views and opinions related to Shariah matters. SC serves to provide advice to the Management and Board on Shariah matters to ensure that the Bank's operations and activities adheres to Shariah principles and rulings at all times.

h. Internal Audit

The internal audit function provides independent, objective assurance and consulting services designed to add value and improve the Bank's operations. Accomplishment of the Bank's objectives is facilitated through a systematic and disciplined audit approach. Premised on risk-based approach, prioritisation of the audit review lies in risk and control associated with auditable entities within the established audit universe.

The effectiveness of the governance, risk management and control processes is assessed by forming opinions on whether the identified risks may hinder the fulfillment of particular objectives. In tandem with the process, improvements are advocated to enhance the governance structure and practices.

Rectification of issues are then followed up by the management and deliberated at the Management Audit Committee's (MAC) and Board Audit Committee's (BAC) meetings.

i. Jawatankuasa Pengurusan Audit (MAC)

Jawatankuasa Pengurusan Audit bersidang pada setiap bulan untuk membincangkan penemuan laporan audit dan siasatan. Mesyuarat juga membincangkan tindakan-tindakan yang wajar bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit dan menambahbaik proses dan operasi perniagaan. Di mana perlu, wakil-wakil jabatan yang diaudit diminta menghadiri mesyuarat untuk membincangkan butiran yang lebih terperinci untuk menyelesaikan isu dengan kadar segera. Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Audit berserta laporan audit ini dibentangkan kepada Jawatankuasa Lembaga Audit. Tindakan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Lembaga Audit dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan Audit.

j. Jawatankuasa Lembaga Audit (BAC)

Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit telah diadakan sebanyak sepuluh kali pada tahun 2017 untuk menyemak penemuan-penemuan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Dalaman, juruaudit luar, pihak berkuasa dan pihak pengurusan dan untuk menilai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Bank.

Jawatankuasa ini juga menilai semula fungsi Audit Dalaman dengan memberi penekanan kepada skop pengauditan, kualiti audit dalaman dan kebebasan fungsi audit yang berhubungkait dengan fungsi-fungsi lain di dalam Bank. Minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Audit dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sebagai makluman.

k. Pelan perniagaan tahunan disediakan oleh unit-unit perniagaan Bank dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Belanjawan tahunan juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Prestasi sebenar perniagaan dinilai berdasarkan belanjawan yang diluluskan di mana penjelasan diberi bagi perbezaan yang ketara menerusi laporan bulanan kepada Lembaga Pengarah.

l. Garis panduan yang teratur bagi urusan pelantikan dan penamatan khidmat kakitangan, program latihan rasmi, penilaian prestasi tahunan dan setengah tahun dan lain-lain prosedur yang berkaitan disediakan untuk pembangunan latihan kompetensi kakitangan bagi membolehkan kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Garis panduan mengenai pengurusan penggantian juga disediakan bagi memastikan adanya saluran bakat yang sedia untuk menanggung peranan kepimpinan masa depan demi kemampunan perniagaan.

m. Fungsi pemantauan Lembaga Pengarah diperkuuhkan lagi melalui tanggungjawab yang diwakilkan kepada beberapa jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Lembaga Audit, Jawatankuasa Lembaga Kredit & Pelaburan, Jawatankuasa Lembaga Teknologi Maklumat, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran, di mana kesemuanya mempunyai terma rujukan rasmi. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diberi kuasa untuk meneliti semua bidang di dalam skop masing-masing dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah beserta cadangan masing-masing.

n. Polisi Pengurusan Penyelewengan dan Pemberitahuan Maklumat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menyediakan saluran bagi kakitangan untuk melaporkan penyelewengan atau disyaki berlaku penyelewengan, salah laku atau pelanggaran polisi dan peraturan Bank tanpa melalui proses laporan yang rumit. Hasil siasatan dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemberitahuan Maklumat kepada Jawatankuasa Lembaga Audit untuk tindakan lanjut.

i. Management Audit Committee (MAC)

The MAC meets monthly to deliberate the findings of the audit and investigation reports. The meeting also discusses necessary actions to resolve arising issues and enhancement of pertinent business processes and operations. Where required, representatives from department being audited are requested to attend the meeting to enable detailed deliberation and expeditious resolution of matters. Minutes of the MAC meeting are tabled to the BAC together with the audit reports. The actions required by the BAC are followed up by the MAC.

j. Board Audit Committee (BAC)

The BAC's meetings were held ten times in 2017 to review the findings highlighted by the Internal Audit Department, the external auditors, regulatory authorities and management, and to evaluate the adequacy and effectiveness of the Bank's risk management and internal control systems.

The committee also conducts a review of the internal audit functions with particular emphasis on the scope of audit, quality of internal audit and independence of the audit function relative to other functions within the Bank. The minutes of the BAC meetings are tabled to the Board for notification.

k. Annual business plan is prepared by the Bank's business units and approved by the Board. Annual budgets are also approved by the Board. Actual business performances are assessed against the approved budget whereby explanations are provided on significant variances through monthly reporting to the Board.

l. Proper guidelines for hiring and termination of staff, formal training programmes, annual and semi-annual performance appraisals and other relevant procedures are in place for the staff competency development training to enable effective discharge of duties and responsibilities. Guidelines on succession management is also in place to ensure available and ready talent pipeline to assume future leadership roles for business sustainability.

m. The Board's oversight function are further enhanced through delegated responsibilities in several Board Committees, namely the Board Risk Management Committee, Board Audit Committee, Board Credit and Investment Committee, Board Information Technology Committee, Board Nominating Committee and Remuneration Committee, all of which have formalised terms of reference. These Committees have the authority to examine all matters within their scope and report to the Board with their recommendations.

n. The Fraud Management and Whistle-blowing Policy which had been approved by the Board provides an avenue for employees to report actual or suspected malpractice, misconduct or violations of the Bank's policies and regulations in lieu of an elaborate reporting process. The outcome of the investigation is presented by the Chairman of the Whistle-blowing Committee to the BAC for subsequent actions.

PENYATA PEMATUHAN


STATEMENT OF COMPLIANCE

Usaha Agrobank ke arah tadbir urus yang baik bermula daripada tanggungjawab Bank dalam memelihara dan meningkatkan nilai ekonomi para pelanggannya, komuniti dan pihak berkepentingan serta pada masa yang sama mampu menjana impak yang mampar bagi ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Dalam merealisasikan hasrat ini, Agrobank beriltizam menguruskan perniagaannya dengan melaksanakan dasar pematuhan sepenuhnya dari segi undang-undang dan peraturan, di samping mengekalkan standard pematuhan yang tinggi, berdasarkan nilai-nilai teras Bank, integriti dan nilai etika yang baik dalam setiap peringkat organisasi. Bank mendukung standard yang tinggi bagi memastikan kesinambungan dan pengukuhan operasinya dalam meminimumkan risiko kewangan, reputasi dan operasi Bank yang mungkin timbul akibat ketidakpatuhan pada undang-undang dan peraturan kawal selia. Piawaian ini adalah sejajar dengan garis panduan dan dasar yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu badan berkanun yang mengawal selia dan mengawasi pembangunan institusi kewangan di negara ini.

Integrasi diantara rangka kerja tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalam Bank adalah disokong oleh proses yang tepat bagi mengelak dan untuk mengesan sekiranya berlaku risiko yang melibatkan ketidakpatuhan ataupun aktiviti-aktiviti penipuan. Prinsip yang digariskan di dalam Polisi Dasar Pematuhan berperanan sebagai panduan penting bagi Bank dalam memenuhi keperluan kawal selia yang semakin ketat dan memastikan amalan terbaik industri diterapkan sebaiknya. Rangka kerja tersebut dijadikan asas bagi aspirasi ini demi membentuk fungsi pematuhan yang berkesan.

As a value-based financial intermediary, Agrobank's pursuit of good governance stems from its responsibility to protect and enhance the economic value of its clients, communities and stakeholders and at the same time generate sustainable impacts to the economy, community and environment. Towards this end, Agrobank is committed to conduct its business in compliance with the spirit and letter of all applicable laws and regulations whilst maintaining high standards of compliance as reflected in its core values, integrity and ethical standards at every level of the organisation. The Bank upholds high standards in ensuring the safety and soundness in its operation to minimise financial, reputational and operational risks that may arise from legal and regulatory non-compliance. These standards conform to the guidelines and standards issued by Bank Negara Malaysia (BNM), which is the authority body that regulates and supervises development financial institutions in the country.

The Bank's governance, risk management and internal control frameworks are well integrated and supported with adequate processes to prevent, detect and respond to potential non-compliance or fraudulent activities. The principles outlined in the Compliance Policy serves as an important guide for the Bank as it continuously evolves to meet increasingly stringent regulatory requirements and industry best practices. The framework provides the foundation for this aspiration, from which the building blocks of the compliance functions are shaped.



- 01
- 02
- 03
- 04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed
- 05
- 06

Tadbir Urus Pematuhan

Bank menjadikan dasar pematuhan satu amanah dan tanggungjawab yang harus didukung oleh semua kakitangan kerana kepentingan dalam pelaksanaannya. Lembaga Pengarah mendukung usaha ini dengan menerapkan amalan “contoh melalui teladan” berasaskan standard tatalaku, amalan organisasi dan nilai korporat sejajar dengan Pengurusan Risiko Bank. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (BRMC) bertanggungjawab mengawasi pengurusan risiko pematuhan dengan melaporkan tentang tahap pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan dasar serta prosedur dalaman. BRMC menyediakan hala tuju strategik bagi pengurusan risiko pematuhan, termasuk langkah-langkah pengurusan risiko yang perlu dilaksanakan sebelum ia dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah setiap bulan.

Pihak pengurusan bertanggungjawab memastikan keberkesanan pengurusan risiko pematuhan dengan menguatkuaskan budaya pematuhan yang berkesan meliputi segenap lapisan Bank. Ini dilakukan menerusi pelaksanaan berkesan Rangka Kerja Pematuhan, dan disokong program pematuhan yang ketat serta semakan pematuhan yang dijalankan secara meluas dan berkala merentasi seluruh operasi Bank. Pihak pengurusan juga dipertanggungjawabkan untuk bertindak secara berintegriti, menggalakkan pematuhan dalam budaya Bank dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya terdapat pelanggaran undang-undang ataupun mana-mana dasar.

Bank sedia maklum bahawa pembinaan budaya pematuhan yang cemerlang dapat dilaksanakan sekiranya semua kakitangan dan individu yang mewakili Bank memikul tanggungjawab bagi setiap aktiviti dan tugas masing-masing dengan penuh cermat, termasuklah memahami keperluan pematuhan dalam skop tugasannya, mengawal selia kegiatan sendiri bagi memastikan pematuhan dicapai dan mengekalkan prinsip serta tatalaku beretika dalam segala urusan kerja. Inilah tiga barisan pemantauan yang diterapkan dalam Rangka Kerja Pematuhan Bank. Menerusi kecemerlangan dalam pematuhan seperti yang digariskan prinsip-prinsip VBI, Bank mewujudkan masa depan perbankan yang mampan dan terjamin, seterusnya menghasilkan impak yang positif dan berkekalan; lantas menempatkan prinsip-prinsip VBI sebagai nadi strategi Bank yang mampan.

Compliance Governance

Due to its importance, the Bank inculcates compliance as the responsibility of all staff within the Bank. The Board takes the lead by setting the “tone from the top” and upholding standards of conduct, organisational practices and corporate values that are consistent with the overall risk appetite. The Board Risk Management Committee (BRMC) is responsible for overseeing the management of compliance risk where the state of compliance with laws, regulations, internal policies and procedures gets reported. The BRMC provides the strategic direction for compliance risk management including necessary mitigation actions prior to notation by the Board on a monthly basis.

The management is collectively responsible for the effective management of compliance risk by enforcing a strong compliance culture throughout the Bank. This is undertaken through the effective implementation of a Compliance Framework, which is supported by a rigorous compliance programmes and extensive periodic compliance reviews across all operations. The management is also expected to act with and demonstrate integrity, promote adherence to the Bank's compliance culture and take appropriate action if laws or policies are breached.

The Bank acknowledges that building a culture of compliance excellence means that each and every individual staff and representative of the Bank is accountable for his/her own activities, including seeking to understand the compliance requirements within his/her job scope, self-regulating his/her activities to ensure compliance and maintaining ethical principles and behavior in the course of the business. These are the principles of the three lines of defense, which are embedded in the Compliance Framework of the Bank. Through compliance excellence underpinned by the principles of VBI, the Bank creates a sustainable and secure banking future that brings about positive and lasting change; placing VBI principles at the heart of the Bank's sustainable strategy.

	BARISAN PEMANTAUAN PERTAMA 1ST LINE OF DEFENCE	BARISAN PEMANTAUAN KEDUA 2ND LINE OF DEFENCE	BARISAN PEMANTAUAN KETIGA 3RD LINE OF DEFENCE
PELAKSANA OWNER	Unit Perniagaan Business Lines	Jabatan Pematuhan Compliance Department	Audit Dalam Internal Audit
TANGGUNGJAWAB RESPONSIBILITIES	Menerusi kawalan pengurusan dan penyeliaan yang sesuai, tanggungjawab utama Unit Perniagaan adalah mengurus risiko pematuhan yang wujud dalam aktiviti sehari-hari dan proses serta sistem perniagaan yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Through appropriate managerial and supervisory controls, the business lines are primarily responsible for managing compliance risk inherent in the daily running of business activities, processes and systems that they are accountable for.	Bertanggungjawab memastikan segala kawalan bagi mengurus risiko pematuhan sentiasa mencukupi dan beroperasi sebagaimana dikehendaki. Jabatan juga bertanggungjawab menjalankan penilaian dan pemantauan berterusan ke atas risiko pematuhan yang dihadapi Bank. Responsible for ensuring that controls to manage compliance risk are adequate and operating as intended. It is also responsible for undertaking assessment and continuous monitoring of compliance risk posed to the Bank.	Bertanggungjawab memberikan jaminan bebas kepada Lembaga Pengarah dan Pihak Pengurusan Kanan berkenaan kualiti dan keberkesanan keseluruhan kawalan dalam, pengurusan risiko dan sistem serta proses tadbir urus Bank, termasuk yang berkaitan fungsi pematuhan. Responsible for providing independent assurance to the Board and senior management on the quality and effectiveness of the Bank's overall internal controls, risk management and governance systems and processes, including those related to the compliance function.

PENYATA PEMATUHAN STATEMENT OF COMPLIANCE

Jabatan Pematuhan

Jabatan Pematuhan membantu Bank mencapai objektifnya dengan mewujudkan pendekatan yang sistematis dan berdisiplin bagi menilai serta menambah baik integriti dan keberkesanannya sistem pengurusan risiko termasuk kawalan bagi fungsi tadbir urus, pengurusan dan operasi. Oleh itu, Jabatan Pematuhan bertanggungjawab menyelaraskan proses mengenal pasti, menilai serta memantau risiko pematuhan pada peringkat Bank dan memastikan ujian pematuhan dijalankan secara konsisten di seluruh Bank. Jabatan Pematuhan diterajui oleh Ketua Pematuhan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah, bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan Kanan dan para pegawai Bank berkenaan perundangan dan kawal selia.

Sebagai salah satu cara menangani pengurusan risiko pematuhan, Jabatan Pematuhan juga bertanggungjawab melaporkan penilaianya secara berkala kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan. Bagi meningkatkan kesedaran mengenai kehendak kawal selia dan perundangan, Jabatan Pematuhan menyediakan program latihan berstruktur dan pelbagai program kesedaran di ibu pejabat serta cawangan.

Sebagai sebuah Institusi Perbankan Islam sepenuhnya, pematuhan prinsip Syariah merupakan sebahagian prinsip yang signifikan bagi fungsi pematuhan Bank. Demi memastikan Bank sentiasa mematuhi prinsip Syariah, mekanisme kawalan dalaman yang berkaitan ketetapan Syariah diwujudkan. Pelaksanaan kawalan Syariah yang berkesan mampu meningkatkan keyakinan orang ramai dan juga mengukuhkan reputasi Bank sebagai penyedia perkhidmatan kewangan Islam yang terkemuka.

Demi memastikan tadbir urus yang baik, Jabatan Pematuhan bebas membuat laporan terus kepada Lembaga Pengarah bagi membolehkan Jabatan Pematuhan bertindak secara efektif, bermatlamat dan telus. Ketua Pematuhan bertanggungjawab membuat laporan terus kepada Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Syariah bagi perkara yang berkaitan dengan Syariah. Para pegawai yang menggalas fungsi pematuhan memiliki kelayakan dan pengalaman yang mencukupi, khususnya berkaitan dengan kehendak perundangan dan kawal selia.

Jabatan Pematuhan disusun mengikut empat fungsi seperti berikut:

Pengawalseliaan dan Tadbir Urus

Sebagai penghubung di antara Bank dan agensi pengawalseliaan, bahagian ini merupakan bahagian yang bertanggungjawab menasihati Bank mengenai perkembangan terkini yang memberi kesan ke atas kehendak perundangan dan kawal selia, serta implikasinya pada profil risiko pematuhan dan keupayaan mengurus risiko pematuhan pada masa akan datang.

Compliance Department

The Compliance Department assists the Bank to accomplish its objectives by bringing a systematic and disciplined approach to evaluate and improve the integrity and effectiveness of the Bank's systems of risk management and control for governance, management and operational functions. Hence, the Compliance Department is responsible for coordinating the process of identifying, assessing and monitoring of compliance risk at the Bank level and ensures that compliance testing is carried out consistently across the Bank. The department headed by the Head of Compliance appointed by the Board; advises the Board, senior management and officers of the Bank on legal and regulatory requirements.

As part of managing compliance risk, the Compliance Department is also responsible for reporting its assessment to the Board and senior management on a regular basis. To elevate awareness on regulatory and legal requirements, the department provides structured training programmes and other awareness raising programmes encompassing both headquarters and branches.

Being a full-fledged Islamic bank, compliance with Shariah principles is an integral part of the compliance function in the Bank. Internal control mechanisms pertinent to Shariah requirements are in place to ensure that the Bank is in compliance with Shariah principles at all times. The effective implementation of Shariah controls promotes public confidence and enhances the Bank's reputation as a prominent Islamic financial services provider.

For good corporate governance, Compliance Department has an independent reporting line to the Board of Directors to allow Compliance Department to act independently, objectively and transparently. The Head of Compliance reports directly to the Board, as well as to the Shariah Committee on matters that are related to Shariah. Officers undertaking the compliance function are equipped with the necessary qualifications and experience, particularly on relevant legal and regulatory requirements.

The Compliance Department is organised into four cross-disciplinary functions as follows:

Regulatory and Governance

As a liaison between the Bank and regulatory agencies, the division advises the Bank on new developments affecting legal and regulatory requirements as well as its implication on compliance risk profile and capacity to manage compliance risk moving forward.

- 01
- 02
- 03
- 04 **Bagaimana Kami Ditadbir Urus**
How We Are Governed
- 05
- 06

Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan

Pihak Bank menyedari tentang kepentingan memelihara integriti sistem kewangan demi mencegah Bank daripada menjadi mangsa penjenayah ataupun individu/entiti yang meragukan dan boleh mengakibatkan kemudaratan ataupun kerugian kepada para pelanggan Bank, kerajaan, masyarakat dan dunia secara amnya. Lantaran itu, bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan dan memantau langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, sepetimana yang digariskan di dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, serta lain-lain garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM.

Semakan Syariah

Dengan objektif untuk memastikan semua aktiviti Bank tidak bertentangan dengan prinsip Syariah, tugas Bahagian Shariah Review adalah untuk menjalankan penilaian tentang pematuhan syariah yang melibatkan segala aktiviti dan operasi Bank. Fungsi ini melibatkan pemeriksaan dan penilaian tahap pematuhan Bank mengikut prinsip Syariah, langkah pemulihan dan penambahbaikan bagi mengatasi ketidakpatuhan serta mekanisme kawalan bagi mengelakkan ketidakpatuhan berulang.

Pengawasan Kawal Selia

Seksyen ini menyelaras pelaksanaan Penilaian Kendiri Kawalan Risiko (RCSA), seiring dengan rangka kerja pengurusan risiko operasi dan menjalankan semakan ke atas pematuhan demi memastikan ianya sejajar dengan undang-undang, peraturan dan garis panduan yang relevan.

Anti-Money Laundering/Counter Financing of Terrorism


The Bank recognises that it plays a critical role in protecting the integrity of the financial system to prevent the Bank from being used by criminals or unscrupulous individuals or entities to commit harm or losses to its customers, the government, society and the world at large. In this regard, this division is responsible for implementing and monitoring measures to prevent money laundering and financing of terrorism in accordance with the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, and other guidelines issued by BNM.

Shariah Review

The Shariah Review performs regular assessment on Shariah compliance across all activities and operations of the Bank with the objective of ensuring that the activities do not contravene Shariah requirements. The function involves the examination and evaluation of the Bank's level of compliance with Shariah requirements, remedial and rectification measures to resolve non-compliance and control mechanisms to avoid recurrences.

Regulatory Supervision

This section coordinates the implementation of the Risk Control Self-Assessment (RCSA) in accordance with operational risk management framework and conducts independent reviews on compliance in line with the relevant laws, regulations and guidelines.



PENYATA PEMATUHAN

STATEMENT OF COMPLIANCE

Inisiatif Utama pada tahun 2017

Agrobank terus mengukuhkan budaya dan prasarana pematuhan sebagai sebahagian daripada keutamaan strategik Bank demi menyemai budaya ketidakpatuhan sifar Syariah merentasi seluruh Bank. Antara yang ditekankan adalah pelaksanaan langkah-langkah bagi mengukuhkan pengupaya utama pematuhan; termasuk dasar, prosedur, latihan, teknologi dan sistem. Sehubungan itu, pada tahun 2017, fungsi-fungsi pematuhan terus berkembang maju dari segi skop dan tanggungjawab serta aktiviti yang selaras dengan penguatkuasaan Garis Panduan Pematuhan oleh BNM, khususnya dalam mematuhi prinsip-prinsip Syariah, kawal selia serta Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT). Berdasarkan hakikat yang tindakan defensif tidak lagi relevan, fungsi pematuhan di Agrobank sudah berkembang sejajar dengan keperluan di masa hadapan, iaitu bagi menambah baik kebolehan menjangka risiko dan menyokong operasi perniagaan.

Contohnya, seiring dengan kemajuan teknologi, masalah berkaitan dengan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan turut meningkat. Oleh itu, penekanan yang lebih diberikan kepada fungsi pematuhan AML/CFT. Fungsi pematuhan terus diperkuuh menerusi penambahbaikan kawalan AML/CFT, di samping inisiatif pematuhan bagi mengurangkan ataupun mengawal secara proaktif risiko yang timbul susulan aktiviti sehari-hari Bank.

Pada tahun 2017, fungsi pematuhan terus diperkuuh dengan mewujudkan Embedded Compliance Officer (ECO) dan Compliance Representative (CR) pada peringkat operasi. Di peringkat ibu pejabat dan cawangan, para wakil pematuhan dilantik bagi menjalankan fungsi pematuhan dan tadbir urus korporat yang sewajarnya serta dipertanggungjawabkan untuk membuat laporan terus kepada Ketua Pematuhan, selain laporan kepada unit masing-masing. Fungsi teras ECO dan CR adalah memelihara kepentingan Jabatan Pematuhan berhubung segala perkara berkaitan pematuhan pada peringkat unit perniagaan. Dengan melantik ECO dan CR, peranan Jabatan Pematuhan kini ditransformasikan daripada sekadar menjalankan fungsi khidmat nasihat kepada fungsi yang mendatangkan kesan langsung ke atas pengurusan dan pemantauan risiko pematuhan.

Agrobank terus komited dalam membangunkan budaya pematuhan cemerlang dalam organisasinya dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk latihan pematuhan yang disasarkan kepada kakitangannya. Ini demi memastikan mereka mempunyai lesen dan akreditasi sewajarnya tentang peranan yang dipertanggungjawabkan. Sepanjang 2017, 13% (4 daripada 30) kakitangan Jabatan Pematuhan berjaya dalam mendapatkan persijilan yang ditawarkan oleh Institut Jurubank Berkunun Asia (AICB). Selain itu, sepanjang 2017, para pegawai pematuhan turut terlibat dalam pelbagai program kesedaran bagi menggalakkan dan memupuk budaya pematuhan cemerlang di Bank, termasuk penglibatan dalam Program Keterlibatan dan Pendidikan Pematuhan (CEEP) dan kempen kesedaran AML/CFT. Program kesedaran pematuhan dianjurkan merentasi seluruh Bank dengan tumpuan kepada signifikasi pematuhan terhadap peraturan, dasar dalaman dan perlindungan pengguna. Program itu juga dimanfaatkan sebagai salah satu saluran bagi memastikan kebertanggungjawaban dan kebolehan kakitangan berada pada tahap yang dikehendaki. Keteguhan rangka kerja pematuhan Bank terbukti apabila tiada ketidakpatuhan Syariah dilaporkan pada tahun 2017.

Key Initiatives in 2017

Agrobank continued to invest strongly in its compliance culture and infrastructure as part of the Bank's strategic priority of inculcating a zero Shariah non-compliance culture bank-wide. As a priority, measures have been taken to strengthen the key enablers of compliance; which includes policies, procedures, training, technology and systems. Hence, the compliance functions continued to expand in 2017 in terms of scope and breadth of responsibilities and activities in accordance with the enforcement of the Compliance Guidelines by BNM, particularly in the areas of Shariah, supervision and Anti-money Laundering/Counter Financing of Terrorism (AML/CFT). Cognizant to the fact that defensive activity is no longer sufficient; compliance functions at Agrobank have evolved to become more forward looking, to better anticipate risks and support operating businesses.

For instance, threats posed by Money Laundering and Terrorism Financing continue to increase in line with advance and complexity of technology. To this effect, increased importance is placed on AML/CFT compliance functions. The compliance functions have been strengthened through the enhancement of AML/CFT controls as well as compliance initiatives to proactively reduce or mitigate the risk that could arise from bank's daily activities.

The compliance function was further enhanced during the year under review with the introduction of Embedded Compliance Officer (ECO) and Compliance Representatives (CR) personnel at the operational level. At head office and branch level, compliance representatives are appointed to carry out compliance functions and appropriate corporate governance with reporting line by the various compliance representatives to Head of Compliance, in addition to their direct reporting line to their respective units. The core function of both ECO and CR is to safeguard the interest of the Compliance Department in all compliance related matters at the business unit level. With the introduction of ECO and CR, the Compliance Department's role is now transformed from mere advisory function to having a direct influence on compliance risk management and monitoring.

Committed to embedding a strong compliance culture within the organisation, Agrobank continued to implement a wide range of initiatives including targeted compliance training for bank staff ensuring they hold appropriate accreditation and licences for the roles they perform. During the year, 13% (4 out of 30) staff of Compliance Department had successfully registered for certification offered by the Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). In addition, compliance officers were involved in various awareness programmes throughout the year to promote and instill strong compliance culture within the Bank including taking part in the Compliance Education and Engagement Programmes (CEEP) and AML/CFT awareness campaign. Compliance awareness programme was organised bank-wide with a focus on the importance of compliance with regulations, internal policies and consumer protection. The programme was also used as one of the channels to ensure that the accountability and competencies of bank staff are kept at the required level. The robustness of the Bank's compliance framework is evident by the zero Shariah non-compliant reported in 2017.

01

02

03

04 Bagaimana Kami Ditadbir Urus
How We Are Governed

05

06

Keutamaan Strategik pada tahun 2018

Seiring dengan pelaksanaan strategi dan inisiatif 2018 oleh Jabatan Pematuhan, semua aktiviti jabatan akan dipastikan agar selari dengan keutamaan yang ditetapkan di dalam pelan perniagaan Bank. Jabatan Pematuhan akan terus berperanan secara proaktif dalam semua aspek operasi Bank bagi memastikan kewujudan budaya pematuhan yang cemerlang demi melindungi para pelanggan, pemegang saham dan kakitangan Bank. Antara perkara yang akan diberikan penekanan adalah tanggungjawab korporat dan operasi serta memperkuuhkan tadbir urus, yakni bagi mewujudkan dan melaksanakan program pematuhan secara menyeluruh. Bank akan terus meningkatkan kesepaduan fungsi pematuhan sebagai salah satu kandungan strategik perniagaannya dan bekerjasama dalam melaksanakan operasi dalam rangka kerja yang ditentukan oleh pengawal selia. Kerjasama mantap dengan kakitangan yang terlinat secara langsung di peringkat operasi membolehkan masalah diselesaikan sebelum dan bukan selepas ia berlaku.

Perkara utama yang dititikberatkan oleh fungsi pematuhan pada tahun 2018 adalah menambahbaik dasar dan prosedur pematuhan agar tanggungjawab terhadap Bank dapat dijalankan dengan penuh integriti dan iltizam tinggi bagi mendukung budaya pematuhan yang kukuh, sebagaimana yang ditetapkan Garis Panduan Pematuhan BNM. Ini termasuk penambahbaikan operasi dari segi pengawasan, indikator, dasar dan sistem khususnya berkaitan dengan AML/CFT. Jabatan Pematuhan akan terus memperhalusi langkah-langkah yang sewajarnya bagi mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan, seiring dengan dasar Kenali Pelanggan Anda (KYC).

